

**Bil. 23**

**Isnin  
22 Disember 2008**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**



## K A N D U N G A N

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>		
Mengangkat Sumpah Di Dalam Dewan	(Halaman	1)
Mengalu-Alukan Ahli Baru	(Halaman	1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	1)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman	2)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b>		
<b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang		
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008	(Halaman	21)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
10. “ Tan Sri Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
16. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
20. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
21. “ Dato' Ir. Hiang A Li (Pahang)
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
24. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
30. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

33. Yang Berhormat Dato' Maznah Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
34. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
35. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
36. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
37. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
38. “ Tuan T. Murugiah (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
39. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
40. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
41. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
42. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
50. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
52. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
53. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
56. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
57. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh (Terengganu)  
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
61. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
64. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
65. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Hafizah binti Abu Samah





**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Isnin 22 Disember 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MENGANGKAT SUMPAAH DI DALAM DEWAN**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- (i) Y.B. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya turut sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pemilihan semula Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin sebagai Ahli Dewan Negara bagi yang kedua ini. Kita telah dapat perhatikan bagaimana sambil memberi perhatian kepada isu-isu menyentuh negara pada keseluruhannya, Datuk Armani telah dapat mewakili kepentingan negeri Sabah yang beliau wakili dengan begitu baik. Saya mengucapkan syabas dan tahniah... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah majlis angkat sumpah pada hari ini.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

"18 Disember 2008

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008;
2. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) (No.2) 2008;

3. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) (No.2) 2008;
4. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2008; dan
5. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan)(No.2) 2008

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

#### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang disebut di dalam Perutusan dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Dato’ Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah kerajaan perlu memberi garis panduan dan kod etika kepada komuniti *bloggers* bagi memastikan tidak ada yang berlebihan dipaparkan di laman-laman *internet* yang menyalahi undang-undang dan menganiayai orang lain.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato’ Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato’ Haji Idris, ingin saya minta kebenaran untuk mengambil kesempatan ini untuk membuat sedikit pembetulan ke atas jawapan saya kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dato’ Gooi Hoe Hin yang soalan asalnya daripada Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar pada 17 Disember 2008 berkaitan bilangan stesen radio yang dimiliki oleh ASTRO.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, saya benarkan.

**Dato’ Joseph Salang anak Gandum:** Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua pada hari tersebut ialah ASTRO mengendalikan tiga stesen radio tetapi sebenarnya dapat empat syarikat bersekutu dimiliki kumpulan ASTRO seperti berikut:

- (i) *MEASAT Radio Communication Sdn. Bhd.* yang ada tiga stesen;
- (ii) *Maestra Broadcast Sdn. Bhd.* yang ada tiga stesen;
- (iii) *Perfect Excellence Waves Sdn. Bhd.* yang ada satu stesen; dan
- (iv) Radio Lebu Raya Sdn. Bhd. ada satu stesen.

#### **■1010**

Jumlah stesen-stesen yang dikendalikan melalui syarikat-syarikat tersebut adalah lapan kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato’ Haji Idris Buang yang disampaikan sebentar tadi, pada masa ini kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tidak melesenkan dan mendaftar kegiatan penyediaan atau pemberian kandungan melalui *blog* di *internet*.

Sehubungan dengan itu adalah agak sukar bagi kerajaan untuk memberi garis panduan dan kod etika kepada *community bloggers*. Laman web atau *blog* merupakan satu platform komunikasi dan kandungan yang diberikan melalui *internet*. Seperti juga media-media yang lain ia tertakluk kepada pelbagai undang-undang. Oleh yang demikian tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mereka yang menyediakan kandungan *internet* yang melanggar undang-undang negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Idris, kemudian Dato' Soon Tian Szu dan Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan dengan undang-undang yang sedia ada dapat mengesan secara teknikal dan secara undang-undang, *bloggers* yang melanggar mana-mana undang-undang dan membawa mereka ke pengadilan. Kalau mereka tidak ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Sekian, terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, selain SKMM, melalui peruntukan di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1988, pihak berkuasa lain juga boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas laman web atau *blog* yang menyalahi undang-undang. Peruntukan jenayah lain yang boleh diguna pakai untuk membanteras kegiatan haram secara *online* adalah termasuk kesalahan-kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jualan Langsung 1993, Akta Syarikat 1965, Akta Bank dan Institusi Kewangan Malaysia 1989 dan Akta Industri Sekuriti 1983.

Tuan Yang di-Pertua, orang perseorangan juga boleh mengambil tindakan persendirian di bawah peruntukan undang-undang sivil. Antara tindakan yang boleh diambil ialah mengemukakan saman kerana fitnah dan malu.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah adalah pihak kementerian pernah menjalankan kajian sama ada terdapat *blogger* tertentu yang ditaja oleh anasir-anasir luar yang bertujuan memaparkan perkara-perkara negatif dan juga untuk memutarbelitkan fakta dalam usaha mereka untuk mengancam keselamatan dan kestabilan negara.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Soon atas pertanyaan tambahan yang bertanya adakah kerajaan mengkaji dan menyelidik berkenaan dengan anasir-anasir yang menghasut ataupun sengaja memutarbelitkan fakta-fakta yang ada di negara kita. Sebenarnya tidak ada, sekiranya timbul masalah dikeluarkan dari segi penyebaran maklumat yang dipaparkan oleh *bloggers* tersebut, maka dari segi itu kerajaan melalui SKMM boleh mengambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya belum dapat dikesan pihak yang menaja?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya. Sebelum kita dapat mengesan pihak yang menaja kita tidak boleh mengambil tindakan. Sekiranya terdapat pihak-pihak tertentu yang menaja ataupun memaparkan *blog-blog* mereka yang sengaja menyalahkan kerajaan ataupun memutarbelitkan fakta-fakta yang ada di negara kita, maka tindakan boleh diambil.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hitler kata, idea tidak boleh disekat tetapi boleh diperdebatkan. Penulisan *blog* banyak memberi manfaat kepada rakyat negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Masalahnya ialah ada unsur fitnah. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memantau penulis-penulis *blog* ini agar tulisan yang berbentuk fitnah dapat diatasi. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tidak dapat memantau atau menyekat apa seseorang hendak tulis atau hendak cipta, tetapi dari segi pengajaran dan kemasyarakatan kita boleh cuba mengelakkan seseorang daripada memfitnah, menggunakan kata-kata yang tidak betul dan menghasut. Kementerian kita sekarang sedang merangka bagaimana kita dapat mempromosikan celik media ataupun *media-literacy* untuk mendidik masyarakat supaya mereka boleh menilai kandungan media. Pada masa sekarang oleh kerana *blogging* adalah satu fenomena yang baru dan ramai masyarakat belum begitu matang dalam penggunaan media tersebut. Diharapkan jurang kefahaman dan kematangan dalam menilai dan menggunakan media tersebut akan dapat dikurangkan sekiranya promosi celik media itu sudah diadakan.

**2. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada kementerian membuat kajian ke atas kesan kesihatan menggunakan beg-beg dan bekas plastik atau *polyethylene* untuk mengisi makanan dan minuman yang panas oleh penjaja. Adakah kementerian bercadang untuk menggalakkan penjaja menggunakan bekas dan beg yang bermutu *food-grade*.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan berkenaan pelbagai bekas ataupun pembungkus plastik termasuk *polyethylene*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuat sedikit, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Sudah kuat, Tuan Yang di-Pertua. Cuma *mic* ini, saya rasa. Saya hendak *reserve* suara saya di Kuala Terengganu.

Kementerian Kesihatan telah membuat dua kajian. Satu pada tahun 2002 dan satu lagi 2006 mengenai kesan pelbagai bekas pembungkus yang menggunakan *polyethylene*. Kajian didapati bahawa pembungkus ini adalah selamat digunakan dan rakyat yang menggunakannya tidak perlu bimbang. Walau bagaimanapun kementerian tidak bercadang untuk mewajibkan penjaja menggunakan bekas dan beg yang bermutu '*food grade*'. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Khoo Soo Seang, Tuan Ahmad bin Husin dan Datin Norhayati.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk mendidik penjaja dan *consumer* tentang risiko jangka panjang dan pendek tentang penggunaan bekas-bekas makanan dan minuman yang dibuat daripada plastik kerana selain daripada plastik mungkin *impurity* di dalam plastik itu juga ada risiko. Sekian, terima kasih.

#### ■1020

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, risiko memang ada tetapi kajian yang dibuat oleh kementerian sama dengan kajian yang dibuat oleh pihak antarabangsa, tetapi kita tidak berhajat untuk menakutkan pengguna mengenai kesan bahan-bahan plastik ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ahmad bin Hussin, minta maaf Datin Paduka Datuk Nor Hayati, tadi Datuk bergerak saya ingat Datuk bangun, saya akan panggil seorang yang lain.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah benar dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada tahun 2006, bahawa ketupat yang dibungkus dalam plastik jenis *High-Density Polyethylene* atau HDPE dan direbus dalam tempoh yang lama boleh menjejaskan kesihatan seperti penyakit kanser dan kemandulan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Ini dakwaan tanpa disertakan dengan fakta yang lengkap secara saintifik. Bila kita hendak buat pendakwaan, perlu ada *study* dan *evidence base*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud jangka panjang, apakah pihak kementerian bercadang untuk mengeluarkan satu garis panduan serta peraturan khusus serta penyelarasan dengan kerajaan tempatan bagi maksud kesihatan rakyat secara keseluruhannya.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang baik. Kita boleh bawa perkara ini kepada satu Jawatankuasa Kebersihan atau Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kebersihan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di mana kita boleh susun atur kuasa-kuasa yang ada di Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan supaya penggunaan-penggunaan ini boleh diberhentikan jika rakyat merasa takut atau rakyat merasakan sudah tiba masa untuk kita pergi ke zon hijau, *the green zone*. Bukan hijau lain, Tuan Yang di-Pertua.

Justeru itu macam negara China, mulai 2006 dengan hanya mengeluarkan satu surat kepada pemerintah, mereka tidak lagi dibenarkan menggunakan bekas-bekas plastik *polyethylene* untuk membungkus makanan atau apa-apa juga atau kita hendak pergi *supermarket*, diisi semua sekali barang bungkusan tersebut. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri China sudah mengamalkan pendekatan yang sebegini rupa. Terima kasih.

**3. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin** minta Menteri Kewangan menyatakan, tidakkah kementerian bercadang untuk meminda Akta KWSP untuk mewajibkan majikan (Penerbit) mencarum kepada karyawan filem, termasuk pelakon yang bekerja secara kontrak atau sambilan, untuk simpanan masa tua mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 31(43)(i), Akta KWSP 1991, majikan dan pekerja yang hubungannya diikat oleh kontrak perkhidmatan diwajibkan mencarum dalam KWSP. Sekiranya tidak ada kontrak perkhidmatan di bawah seksyen 43(8), mereka boleh membayar secara sukarela.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Oleh kerana seperti mana kita semua sedia maklum bahawa pekerja-pekerja seni, pelakon, pengarah, karyawan seni tidak bekerja tetap. Semuanya bekerja kontrak dan juga sambilan. Sementara menanti Akta KWSP ini digubal atau dicadangkan oleh Persatuan Seniman Malaysia baru-baru ini, tidakkah menteri mempunyai kuasa untuk mengarahkan KWSP mewajibkan penerbit-penerbit filem dan juga mewajibkan mereka mengenakan caruman kepada semua karyawan yang terlibat untuk membolehkan mereka menyimpan kewangan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, apa-apa perkara dalam negara ini, tindakan mestilah berlandaskan kepada undang-undang, jadi apa-apa kuasa yang boleh digunakan oleh menteri, mestilah berdasarkan Akta KWSP 1991. Kita telah mengkaji model di negara-negara lain dan kita dapati bahawa karyawan di negara lain, apa yang mereka lakukan, mereka sendiri secara sukarela, bukan mencarum dalam KWSP, tetapi mencarum dalam insurans sosial ataupun kalau di negeri Itali, badan karyawan tersebut menjadi satu badan pelaburan dan pelakon-pelakon akan mencarum, akan meletakkan wang di situ dan wang ini diletakkan dalam instrumen-instrumen pelaburan. Jadi di bawah akta tersebut, menteri tidak mempunyai kuasa untuk buat arahan secara wajib.

**4. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sejauh manakah penguatkuasaan dan tindakan undang-undang terhadap pencerobohan pembalok di kawasan Hutan Simpanan Kekal.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Maznah Mazlan]:** Assalamualaikum, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani di atas soalan mengenai dengan pembalakan haram dan keberkesanan tindakan kuat kuasa.

Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memandang serius mengenai dengan isu pembalakan haram dan sebarang pencerobohan hutan. Ia memberi kesan yang negatif kepada biodiversiti, kualiti hutan dan juga alam sekitar dan ia juga memusnahkan habitat flora fauna dan merugikan hasil kerajaan. Pembalakan haram merupakan satu cabaran yang sangat getir kepada jabatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Wan Hazani hendak tahu sejauh manakah penguatkuasaan dan tindakan.

**Dato' Maznah Mazlan:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh Yang Berhormat juruskan jawapan kepada perkara itu.

**Dato' Maznah Mazlan:** Ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Dimaklumkan bahawa kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil beberapa tindakan dan di antaranya ialah untuk memantapkan lagi perundangan dan juga tindakan-tindakan penguatkuasaan. Langkah-langkah yang diambil melalui perundangan ialah untuk membuat pengawalan yang lebih berkesan melalui Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993, Akta A864 di mana kadar kompaun daripada RM2,000 dinaikkan kepada RM500,000 dan mandatori satu tahun penjara atau tidak melebihi 20 tahun.

Selain daripada itu, pindaan baru juga sedang diusulkan dan berada di Pejabat Peguam Negara berikutan dari cadangan Majlis Perhutanan Negara 2007 supaya dimasukkan satu seksyen di mana dengan izin, *the burden of proof* ataupun tanggungjawab membuktikan tidak bersalah itu terletak kepada yang tertuduh. Selain daripada itu mengambil kesempatan pindaan ini, kerajaan juga sedang berusaha untuk meminda denda daripada RM500,000 kepada RM1 juta. Selain daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat beri peluang kepada Yang Berhormat hendak cungkil apa-apa perkara tambahan?

**Dato' Maznah Mazlan:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani kemudian Puan Heng.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi penerangan. Di dalam pencerobohan pembalakan, siapakah yang lebih berkuasa mengambil tindakan ke atas pembalakan? Adakah Kementerian mempunyai penguat kuasa sendiri atau mengharap penguat kuasa Jabatan Hutan Negeri-negeri sahaja? Bolehkah Kementerian menerangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat, satu sahaja.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** ...Jumlah sebenar hutan simpan kekal....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat, satu sahaja. Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** Terima kasih.

**Dato' Maznah Mazlan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa kuasa ini terletak kepada Pengarah Hutan di negeri-negeri dan juga Ketua Pengarah Hutan Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Heng Seai Kei kemudian Puan Hajah Mumtaz.

**Puan Heng Seai Kei:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat ini berapakah kawasan hutan simpanan kekal yang telah dicerobohi, bilangan penceroboh yang telah dapat ditangkap dan dikenakan tindakan. Sekian, terima kasih.

## ■1030

**Datuk Maznah Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman bersama, keluasan hutan kekal pada masa ini di 14 negeri ialah 14.342279 hektar. Daripada kawasan-kawasan ini kes-kes pencerobohan yang telah direkodkan, saya mengambil data daripada tahun 2006; 34, 2007; 28 dan 2008; 38. Jumlah kompaun yang telah dikenakan ialah di antara jumlahnya RM1 juta hingga RM3.5498 juta pada 2008. Bilangan kes yang disiasat untuk mahkamah 38, 27 dalam siasatan dan 11 telah selesai. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah prosedur dan langkah-langkah yang telah dikenal pasti untuk peringkat kementerian untuk mencegah aktiviti pencerobohan di kawasan hutan simpan sebagaimana yang digunakan di negara-negara maju selain daripada bertindak setelah aduan diterima oleh kementerian. Terima kasih.

**Datuk Maznah Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Pelbagai tindakan selain daripada perundangan yang telah diambil. Salah satunya ialah penambahan tenaga penguat kuasa di mana pada masa ini telah dipertingkatkan bilangan tenaga penguat kuasa daripada 168 kepada 212 orang. Selain daripada itu, ibu pejabat juga mengadakan pasukan *flying squad*, dengan izin, untuk membantu penguatkuasaan di negeri-negeri dan di daerah-daerah.

Terkini yang ingin saya maklumkan ialah teknik pemantau yang lebih berkesan dengan penggunaan teknologi penderiaan jauh ataupun *remote sensing*, dengan izin. dan sistem GIS iaitu *Geographic Information System* dengan kerjasama agensi *Remote Sensing Malaysia*. Melalui kaedah ini, ia menggunakan imej satelit untuk mengesan perubahan-perubahan kawasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak.

5. **Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, memandangkan harga barangan naik secara mendadak akibat ekonomi yang tidak stabil. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengkaji semula gaji pekerja-pekerja ladang di bawah perjanjian di antara MAPA dan NUPW.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian kolektif antara MAPA dan NUPW yang menetapkan gaji bagi tempoh 2006 hingga 2008 akan berakhir pada hujung tahun ini. Kedua-dua pihak ini sedang merundingkan terma-terma untuk perjanjian kolektif baru bagi tempoh 2009 sampai 2011. Terma-terma dalam perjanjian kolektif terdahulu diperbaharui dengan mengambil kira kedudukan ekonomi semasa serta peningkatan kos hidup bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak. Kerajaan melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan akan memainkan peranan sebagai perunding atau pihak ketiga untuk membantu kedua-dua pihak untuk mencari satu penyelesaian sekiranya perjanjian kolektif tersebut gagal diselesaikan atas persetujuan bersama kedua-dua pihak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Rawisandran kemudian Dato' Gooi Heo Hin.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri kerana hadir ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan saya. Soalan tambahan saya, setakat ini apakah sebabnya ada setengah pihak ladang tidak terlibat dalam perjanjian di antara MAPA dan NUPW.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Keputusan untuk menjadi seorang ahli di dalam MAPA terpulang kepada majikan-majikan peladang tersebut. Walaupun kerajaan menggalakkan supaya pihak majikan peladang menjadi ahli di dalam MAPA untuk bantu di dalam usaha mengadakan satu perjanjian bersama yang boleh dipakai oleh semua pihak ladang di dalam negara kita, ada beberapa ladang yang telah membuat keputusan supaya mereka tidak menjadi ahli. Apabila mereka tidak menjadi ahli, apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, mereka mengadakan perjanjian bersama dengan peladang itu bersama NUPW.

Selain daripada perjanjian yang ada dengan MAPA dan NUPW yang akan mewakili kebanyakan daripada ladang-ladang yang ada di dalam negara kita, ada ladang-ladang tersendiri yang akan mengadakan perjanjian sendiri dengan NUPW untuk memainkan peranan yang sama. Terima kasih.

**Dato' Gooi Heo Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sama ada Yang Berhormat Menteri sedar dan bersetuju bahawa gaji minimum yang ditetapkan di antara MAPA dan NUPW tidak sekadar. Terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Gaji yang ditetapkan yang telah diterima oleh kedua-dua pihak semasa perjanjian dahulu sedang dipakai untuk tiga tahun yang lalu. Sekarang dengan mengambil kira keadaan ekonomi pada masa sekarang, di dalam perbincangan yang baru, pihak NUPW telah mencadangkan beberapa perbezaan dan pertambahan kepada apa yang telah ditetapkan di dalam perjanjian dahulu. Saya berharap selepas satu penyelesaian sudah didapati dan satu persetujuan telah didapati di dalam perjanjian yang baru ini, mungkin kadar ini akan naik dan akan menggambarkan keadaan ekonomi yang ada pada masa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat.

**6. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) setakat ini berapakah jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR) kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah dipenuhi dan pecahan mengikut kaum; dan
- (b) kenapakah masih ada kawasan PPR yang telah didiami tetapi masih tidak dilengkapi kemudahan prasarana awam.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan ini telah pun dijawab dalam Dewan yang mulia ini secara terperinci. Walau bagaimanapun, terpulang kepada budi bicara Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada perlu menjawab sekali lagi atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ambil hati, Yang Berhormat jawab ringkas-ringkas.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

- (i) Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga November 2008, jumlah unit Perumahan Rakyat PPR di bawah kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah sebanyak 27 ribu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya membuat keputusan sedemikian rupa sebab mengikut peraturan mesyuarat, hak itu adalah hak Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat serahkan kepada saya, tergamam saya.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 27,102 unit, 22,380 unit daripada keseluruhan unit yang telah diduduki, manakala baki sebanyak 4,721 unit masih belum diisi. Pecah mengikut kaum bagi 23 buah kawasan PPR adalah seperti berikut iaitu kaum Melayu 12,506 unit iaitu lebih kurang 46.4%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana ianya sudah dijawab, elok jika Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan sekarang.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Okey. Jumlah unit 22,381 di seluruh Wilayah Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Syed Ali, kemudian Datuk Rizuan.



**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Yang Berhormat yang menjawab soalan nombor enam. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, Perumahan rakyat di Jalan Pekeliling Taman Tunku Abdul Rahman, pagi tadi Tuan Yang di-Pertua saya melalui jalan tersebut saya melihat tiga batang pokok tumbuh di tingkap bangunan tersebut. Apakah langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memastikan bahawa keceriaan di tepi laluan jalan besar yang dapat dilihat oleh ramai orang. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, rumah pangsa di Jalan Tun Razak akan dirobohkan dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini kementerian ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak menerima sebarang *complain* dengan izin, daripada penduduk. Walau bagaimanapun, saya akan mengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi sekarang sudah terima *complain* lah?

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Walau bagaimanapun, saya akan mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk melawat kawasan itu dan mengambil tindakan dengan kadar serta merta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Rizuan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah Kementerian Wilayah Persekutuan merancang untuk membina lagi kawasan PPR di Wilayah Persekutuan ini. Kawasan-kawasan manakah yang terlibat dan dalam rancangan ini berapa banyak keseluruhan unit yang akan dibina. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan akan membina rumah PPR di seluruh Wilayah Persekutuan khususnya di kawasan Parlimen Titiwangsa, Seputeh, Setiawangsa dan juga Segambut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

#### ■1040

7. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta** Menteri Belia dan Sukan menyatakan tentang mutu sukan yang semakin merosot.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wong Siong Hwee bertarikh 22 Disember ini kerana ia berkaitan perkara yang sama iaitu mengenai kemerosotan sukan negara dan langkah-langkah susulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan dan saya akan jemput Dato' Wong untuk bertanya juga. Silakan Yang Berhormat. Pertanyaan tambahan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan merasakan tanggapan masyarakat yang mengatakan prestasi sukan adalah merosot tidak tepat. Walaupun memang dapat *inconsistency*, dengan izin, daripada beberapa acara sukan yang dipertandingkan, pihak masyarakat menganggap mutu sukan merosot kerana melihat kepada beberapa sukan yang popular yang merosot seperti bola sepak, hoki dan juga mungkin sepak takraw.

Walaupun bagaimanapun banyak sukan lain yang meningkat prestasinya misalnya, saya ingin memaklumkan *squash* misalnya. Negara kita menduduki tempat pertama di dalam *squash* yang mana pemain kita iaitu Datuk Nicol Ann David selama tiga tahun berturut-turut menjadi *world champion*.

Begitu juga dengan *lawn ball*. Mungkin ramai juga tidak tahu iaitu pemain kita iaitu Safuan Said merupakan pemain yang mendapat ranking nombor satu dunia dan *Formula Future* yang mana Datuk Syed Ali Alhabshee merupakan pengerusinya. Empat tahun berturut menjadi juara dunia.

Begitu juga dengan *bowling*, pemain kita juga di dalam ranking pertama dunia. Beberapa sukan lain seperti memanah, berbasikal, wusyu dan karate juga negara kita menduduki tempat yang tinggi di dunia ini. Cuma bezanya ialah sukan yang kurang popular kita tidak tahu sedangkan kita menjadikan sukan yang kita suka dan popular untuk kita gambarkan sebagai keseluruhan mutu sukan negara kita. Sebagai negara yang kecil seperti Malaysia, mempunyai lima dan enam acara sukan yang menempatkan kita sebagai tempat pertama dunia merupakan satu pencapaian yang baik.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin, kalau dibenarkan, diizinkan membandingkan prestasi beberapa acara yang kita pernah pertandingkan iaitu di Sukan SEA misalnya. Pada 2005 kita menduduki tempat ketiga negara ASEAN dan pada 2007 di Korat kita menduduki kedua seluruh negara-negara ASEAN ini. Sukan Asia misalnya, 2002 kita mendapat enam emas, mendapat tempat kedua belas dan kita meningkat walaupun ke satu anak tangga 2006 dengan lapan emas, kita menduduki tempat kesebelas.

Di Sukan Komanwel, pada 2002 kita mendapat tujuh emas, sembilan perak, menduduki ranking ke tiga belas dan di Melbourne pada 2006, kita mendapat tujuh emas, dua belas perak, menduduki tempat ke lapan daripada 71 negara. Bermakna ada peningkatan di setiap tahun pertandingan yang kita sertai. Di Olimpik, 12 tahun kita tidak pernah mendapat sebarang pingat dan pada 2008 Datuk Lee Chong Wei telah menghadihkan satu pingat perak kepada negara. Ini merupakan satu pencapaian yang baik.

Jadi ini menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Roslan Awang Chik. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wong mengenai langkah yang akan diambil, untuk makluman, beberapa langkah akan diambil untuk memperbaiki mutu sukan negara. Pertamanya ialah program pengenalan bakat daripada umur awal iaitu daripada sekolah rendah lagi. Program ini akan dijalankan bersama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kita akan juga mewujudkan pusat-pusat sains sukan di seluruh negeri, di seluruh negara kerana kita berpendapat bahawa penerapan elemen sains sukan mesti dimulakan sejak daripada umur awal lagi. Dari segi yang lain ialah insentif dari segi kewangan seperti RM1 juta kepada pemenang pingat emas Olimpik kerana kita mahu atlet menganggap sukan boleh dijadikan sebagai satu kerjaya.

Akhir sekali, bagi menjadikan sukan sebagai satu budaya, kita akan memperbanyakkan kemudahan asas sukan di setiap daerah dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri yang telah hadir untuk menjawab soalan ini. Kalau kita lihat, sukan yang disukai oleh rakyat adalah sukan seperti bola sepak yang dikatakan tadi, hoki, badminton dan sebagainya. Kenapakah masih lagi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran atau dunia, *ranking* kita jauh. Adakah ianya disebabkan pengurusan dan pemain itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil saut contoh iaitu bola sepak. Saya rasa bola sepak yang paling dekat dengan hati kita semua. Memang bola sepak merosot, walaupun ada peningkatan daripada *ranking* 170 kepada 150, tetapi itu masih lagi belum memberangsangkan.

Ada banyak isu-isu yang kita dapat lihat daripada kemerosotan bola sepak ini. Yang pertamanya yang kita dapati adalah dari segi program-program akar umbi yang agak berkurangan. Liga-liga bola sepak di peringkat daerah dan sebagainya semakin berkurangan di samping juga masalah-masalah kewangan yang dihadapi oleh persatuan-persatuan bola sepak terutamanya persatuan-persatuan bola sepak negeri.

Suka saya maklumkan kepada Dewan Negara ini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sembilan daripada 14 persatuan bola sepak negeri berhutang dengan EPF, dengan KWSP. Itu tidak termasuk hutang-hutang lain, hutang stadium, hutang gaji dan sebagainya. Kita boleh bayangkan apabila pemain tidak mendapat gaji selama empat bulan, jadi bagaimanakah prestasi mereka boleh meningkat dan sebagainya.

Kekurangan kewangan ini menyebabkan persatuan-persatuan negeri tidak mampu untuk mengadakan program-program mencari bakat baru, program-program pertandingan di peringkat liga-liga di akar umbi dan sebagainya. Ini menyebabkan kemerosotan permainan-permainan yang kita mahu supaya ianya menjadi satu permainan yang tinggi mutunya.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tiada soalan tambahan oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah menjawab apa yang saya ingin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketengahkan.

**Dato' Wong Siong Hwee:** ...Ketengahkan soalan tambahan saya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan yang lebih lanjut mengenai mutu bola sepak negara. Walaupun telah dijelaskan tadi, Yang Berhormat Menteri hanya menjawab mengenai masalah-masalah negeri. Saya ingin bertanya apakah pihak Kementerian Belia dan Sukan mempunyai rancangan yang lebih teratur untuk memastikan mutu ataupun kedudukan bola sepak negara ini dapat dimegahkan. Ini kerana, setiap kali pertandingan di peringkat antarabangsa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** ...Kalah, kalah, kalah. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga kali kalah. Yang Berhormat sebut kalah, kalah, kalah, jadi tiga kali.

**Dato' Ismail Sabri bin Yaakob:** Lebih tiga kali Tuan Yang di-Pertua, banyak kali. Memang kita akui masalahnya besar. Pihak Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah pun mengarahkan pihak kementerian untuk berbincang dengan pihak FAM bagaimana cara mengatasi masalah yang dihadapi.

#### ■1050

Pusingan pertama perbincangan telah pun dilakukan dan di antara perkara awal yang akan dibantu oleh pihak kementerian ialah untuk mewujudkan liga bola sepak di peringkat akar umbi. Mulai tahun depan bermakna kita akan mulakan liga bola sepak dia antara kampung dengan kampung dan akhirnya liga di peringkat daerah, negeri dan sebagainya. Ini boleh merancakkan permainan bola sepak ini di samping kita dapat mengenal pasti bakat-bakat baru yang akan kita ketengahkan dan yang keduanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang dalam ingatan saya dulu-dulu pun banyak liga-liga begini rupa.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sekarang sudah tidak ada dan pihak kementerian akan memulakan tahun depan dan akan memulakan kewangan daripada pihak kementerian sendiri. Di peringkat sekolah juga, oleh sebab pihak Kementerian Belia dan Sukan mempunyai jawatankuasa bersama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, jadi program bola sepak juga akan diberi fokus di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun di soal kewangan dan sebagainya yang saya sebutkan tadi kita akan bincangkan dari semasa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat.

**8. Dato' Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah rancangan atau pelan-pelan induk bagi mengukuhkan hubungan ekonomi antara negara-negara Islam antarabangsa di bawah naungan *Organization of the Islamic Conference* (OIC) di mana OIC telah memperuntukkan dana sebanyak USD 100 juta melalui *Islamic Development Bank* (IDB) kepada *Foras Investment Company* untuk membangunkan industri automatif dan aeroangkasa di negara-negara OIC.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Semasa mempengerusikan OIC, Malaysia telah mengajak untuk membuka paradigma baru kepada OIC supaya memberi lebih fokus kepada kerjasama ekonomi.

Salah satu daripada usaha ke arah ini ialah merupakan inisiatif yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu inisiatif yang diterajui oleh dewan perniagaan dan industri Islam atau ICCI yang beribu pejabat di Karachi, Pakistan iaitu sebuah institusi gabungan di bawah naungan OIC. Di bawah visi pelan bertindak 10 tahun OIC, ICCI telah mewujudkan *Foras Investment Company* sebagai sebuah badan subsidiari ICCI bagi melaksanakan pelaburan bertujuan mempercepatkan pembangunan ekonomi dunia Islam melalui pelaburan industri automobil kos rendah, aeronautik dan satelit. Ianya dilancarkan pada tahun 2007 dengan modal berbayar USD 100 juta dan Foras merancang untuk mewujudkan 200 syarikat di negara anggota OIC dalam masa lima tahun melalui penubuhan lima syarikat subsidiari yang berpangkalan di Karachi, Kuala Lumpur, Istanbul, Kaherah dan Dhaka.

Usaha ini mendapat sokongan negara anggota OIC yang turut dicerminkan melalui resolusi-resolusi yang diterima semasa sidang kemuncak OIC ke-11 di Dhaka, Senegal dan sesi ke-35 Majlis Menteri-menteri Luar Negara Islam di Kampala, Uganda dan juga mendapat sokongan *Islamic Development Bank*. Di harap inisiatif melalui *Foras Investment Company* ini benar-benar dapat dilaksanakan secara substantif dan mampu jadi pemangkin kerjasama ekonomi dan perdagangan walaupun tidak dapat dinafikan ianya masih di tahap perintis. Terima kasih.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih di atas jawapan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak sabitkan urusan bagaimanakah peranan Bank Islam dalam arena hubungan ekonomi antara negara-negara Islam dalam konteks ini?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah peranan *Islamic Development Bank* ataupun IDB. Memang IDB memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menjana pelaburan dan juga perniagaan di kalangan negara-negara anggota dan beberapa projek yang sememangnya dibiayai oleh IDB sama ada ianya berbentuk projek sosial ataupun projek ekonomi. Di antaranya selain daripada itu projek yang disebutkan iaitu melalui *Foras Investment Company* ini adalah di antara projek yang akan dibiayai oleh IDB. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Abdul Rashid bangun tadi? Silakan Dato' Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia orang senior dia bangun *slow* sikit saya tidak nampak.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Saya tengok Yang Berhormat tunduk. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan saya, begitu banyak bidang-bidang yang seharusnya mendapat perhatian negara-negara Islam, mengapa dipilih bidang automatif dan aeroangkasa yang saya rasa pada pertimbangan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, mengapa.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya percaya bidang yang telah dipilih oleh *Foras Investment Company* ini adalah merupakan keputusan bahawa untuk melihat satu bentuk kerjasama yang lebih erat di dalam bidang-bidang yang berasaskan kepada teknologi iaitu perniagaan dan perdagangan di dalam bidang automatif dan juga aeronautik yang merupakan satu bidang yang masih lagi kekurangan di kalangan negara-negara anggota.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**9. Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, sama ada kementerian bercadang mengadakan kaunter informasi untuk mengetahui informasi tentang kebudayaan, keagamaan dan adat resam masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini.

**Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa mengambil pelbagai usaha untuk menyebarkan maklumat atau informasi mengenai kebudayaan, keagamaan dan adat resam masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini kepada masyarakat. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menyebarkan maklumat informasi berkaitan dengan kebudayaan, keagamaan dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia, diadakan melalui pelaksanaan pelbagai program-program dan aktiviti seni budaya yang diadakan secara berterusan di seluruh negara. Selain itu untuk memastikan penyebaran informasi berkesan kepada masyarakat, kementerian juga menyalurkan informasi melalui: portal KPKKW, [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my) dan portal agensi-agensinya di bawahnya yang mengandungi maklumat dan informasi yang berkaitan dengan kebudayaan, keagamaan dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia.

Agensi-agensinya di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini seperti Jabatan Kebudayaan Kesenian dan Warisan Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Perbadanan Kraftangan Malaysia dan Perpustakaan Malaysia menyediakan maklumat berkenaan di setiap cawangan masing-masing di seluruh negara. Kementerian juga menyediakan kaunter informasi sementara di setiap lokasi semasa aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan diadakan di seluruh negara. Misalnya seperti program merakyatkan seni yang telah diadakan di sebanyak 158 buah lokasi di seluruh Malaysia pada tahun 2008. Penganjuran persembahan pentas di dalam dewan seperti bangsawan, makyung, tarian dan muzik serta acara-acara pertandingan kesenian seperti tari, teater, muzik, puisi dan pantun.

Kaunter informasi yang disediakan semasa program-program JPNIN ataupun Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional seperti perhimpunan muhibah pemimpin-pemimpin agama bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dialog antara penganut agama mengenai isu-isu semasa, tabika rama, titian padu dan lawatan integrasi. Penubuhan unit agama dan pelantikan dua pegawai di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional turut membantu menyebarkan informasi yang berkaitan dengan kebudayaan, keagamaan dan adat resam di Malaysia. Program rumah terbuka peringkat nasional bagi semua perayaan-perayaan utama di negeri ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bertanya mengenai kaunter sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Teng Boon Soon:** Ya, ini adalah kaunter dengan bentuk yang lain atau bentuk berdekatan. Negara ini juga mendedahkan ciri-ciri kebudayaan pelbagai kaum kepada orang ramai.

#### ■1100

Di samping itu juga kementerian turut mengadakan kerjasama dengan jabatan kerajaan, swasta dan NGO untuk menganjurkan program-program kebudayaan yang amat menyumbang dan memudahkan rakyat untuk mengakses maklumat mengenai kebudayaan, keagamaan dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya adalah sebagai langkah awal mengapakah kerajaan tidak mahu menerbitkan risalah dan brosur mengenai adat resam kaum-kaum yang ada terutamanya bagi kaum minoriti di mana tidak ada maklumat mengenai kaum umpamanya kaum Sikh dan lain-lain kaum minoriti. Saya cadangkan kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Yang di-Pertua, memang risalah itu kadangkala disediakan pada perjumpaan atau perhimpunan tertentu tetapi sumber maklumat ada disediakan melalui portal Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dengan *website* yang saya sebutkan tadi [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my)

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham pertanyaan Yang Berhormat tadi itu. Selalu kita lihat fokusnya terhadap sudut kepelbagaian tetapi tidak ada macam ini, *the Sikhs of Malaysia, the Ibans of Malaysia, the Portuguese of Malaysia*. Masing-masing dikandungi dalam satu risalah atau *pamphlet*.

**Tuan Teng Boon Soon:** Pandangan ini memang diambil berat. Kementerian sedang meningkatkan atau mengemaskinikan maklumat-maklumat di dalam portal ini supaya ia meliputi semua kumpulan minoriti dan membekalkan maklumat yang diperlukan oleh rakyat tentang adat resam, agama dan budaya kumpulan minoriti. Kerja ini sedang dilaksanakan.

**Dato' Ir. Hiang A Li:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kaunter informasi sementara sahaja yang diadakan adakah kerajaan bercadang supaya mewujudkan kaunter informasi yang kekal di setiap negeri dan daerah supaya program ini dapat berterusan. Terima kasih.

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah kementerian ini memang kita mempunyai pelbagai agensi, 11. Misalnya Jabatan Perpaduan kita mempunyai pejabat ataupun melantik pegawai perpaduan daerah di sebanyak 99 daerah di seluruh negara untuk memberi bantuan kepada orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat ini. Memang setakat ini kaunter tetap belum lagi disediakan dan cadangan itu akan diambil kira pada perancangan-perancangan masa akan datang. Sekian.

**9. Dato' Azian bin Othman** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sejauh manakah universiti dan kolej universiti swasta memainkan peranan dalam menjadikan negara kita sebagai hab pendidikan serantau yang unggul.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kini terdapat 20 buah universiti swasta dan empat buah kampus cawangan universiti luar negeri dan 18 buah lagi kolej universiti swasta di negara ini yang sedang menerajui usaha kerajaan untuk seiring bersama-sama 20 buah lagi universiti awam untuk menjadikan negara kita sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan juga dunia.

Hasrat ini diperkukuhkan serta di dokong oleh tujuh teras di dalam pelan strategi pengajian tinggi negara. Justeru itu, Kementerian Pengajian Tinggi memberi tumpuan sama penting yang berterusan kepada pembangunan dan kemajuan institusi pengajian tinggi atau IPTS dan juga IPTA. Di antara petunjuk terpenting yang boleh dijadikan ukuran bahawa Malaysia sudah mencapai kedudukan sebuah hab kecemerlangan pengajian tinggi ialah apabila Malaysia menjadi pilihan lebih ramai pelajar antarabangsa dari serata dunia untuk mendapatkan pendidikan tinggi.

Dalam hubungan ini, Malaysia mensasarkan seramai 80,000 orang pelajar antarabangsa akan belajar di sini menjelang tahun 2010. Sehingga 30 Oktober 2008, Malaysia menjadi tuan rumah kepada hampir seramai 63,000 orang pelajar antarabangsa yang datang daripada lebih 150 buah negara yang sedang belajar di IPTA dan IPTS. Daripada jumlah itu seramai 44,300 atau 70.3% belajar di IPTS. Adalah dianggarkan bahawa bilangan pelajar di IPTS ini menyumbang sebanyak RM1.33 bilion setahun ke dalam sistem ekonomi negara menerusi pengaliran wang asing masuk ke dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, langkah IPTS-IPTS mengadakan pelbagai usaha sama dengan universiti-universiti asing yang menghasilkan bermacam-macam program khusus bertaraf antarabangsa turut menyumbang kepada kejayaan IPTS menyerlahkan lagi negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi. Selain menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar antarabangsa ianya turut dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar tempatan yang memilih untuk melanjutkan pengajian di IPTS.

Kementerian Pengajian Tinggi juga sangat yakin bahawa satu lagi langkah penting yang wajar diterokai secara serius dan aktif ialah untuk IPTS-IPTS melangkah yakin ke arah memajukan diri dalam bidang penyelidikan dan pembangunan atau R&D, dengan izin. Ini kerana untuk sesebuah institusi pengajian tinggi menjadi terkenal di kalangan warga IPT dunia dan juga orang ramai, IPT perlu melibatkan diri secara aktif dalam projek-projek R&D yang mendatangkan hasil berfaedah serta dapat dimanfaatkan oleh seramai mungkin masyarakat umum. Sekian.

**Dato' Azian bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklum ada banyak IPTS yang gagal menyediakan kemudahan yang baik kepada pelajar-pelajar dan ada kala berbeza dengan apa yang diuar-uarkan dalam iklan mereka di luar negara. Adakah kementerian mengambil maklum perkara ini dan jika mengambil maklum apakah tindakan yang perlu diambil oleh kementerian.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya KPT memang serius dan juga mengambil berat tentang perkara ini dan saya sendiri telah melawati banyak kolej dan kalau ada kami menerima apa-apa aduan *enforcement team* dengan izin, KPT akan menyiasat kes-kes dan kini boleh dikatakan bahawa aduan-aduan seperti ini telah berkurangan. Sekian.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya inginkan sedikit penjelasan daripada kementerian daripada 63,000 pelajar luar di Malaysia sekarang ini berapakah anggarannya pelajar-pelajar daripada negara-negara yang lebih maju daripada Malaysia untuk kita melihat sebagai saingan kompetitif kepada pelajar-pelajar Malaysia.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat saya di sini ada satu *list* pelajar yang paling ramai datang ke Malaysia ialah Indonesia bilangan mereka ialah 9,348 diikuti dengan China iaitu 9,081 pelajar dan Iran ialah ketiga 5,531. Kita semua ada 150 negara yang telah datang ke Malaysia dan memang ada negara-negara maju yang datang belajar di sini tapi kalau dibandingkan dengan negara-negara yang tadi saya sebut memang bilangan mungkin kurang sedikit tetapi KPT memang telah berusaha supaya dapat lebih ramai pelajar sama ada dari negara yang maju atau kurang maju. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Chew Vun Ming.

■1110

**Datuk Chew Vun Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat semua IPTA patut dinilai oleh satu bentuk sistem yang *neutral*, dengan izin. Saya difahamkan bahawa kementerian mempunyai SETARA untuk IPTA. Adakah SETARA akan diperluaskan kepada IPTS kerana pelajar sama ada tempatan atau antarabangsa menghadapi masalah untuk mengetahui maklumat yang lebih mendalam yang boleh dijadikan asas untuk mereka membuat pemilihan tempat untuk mereka belajar. Sekian, terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan IPTS bersaing secara global; semestinya IPTS tersebut perlu yakin dan berani untuk dinilai oleh mana-mana pihak, tidak kira pihak dalam negara mahupun asing. Ini bermakna mereka hendaklah bersedia dinilai oleh pihak-pihak seperti *Times Higher Education World University Ranking* ataupun *Shanghai Jiao Tong University Ranking*, dengan izin.

Di dalam negara pula, IPTS hendaklah yakin untuk dinilai dalam SETARA anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. SETARA adalah satu sistem penarafan yang membolehkan sesebuah IPT mengetahui kekuatan dan kekurangannya. IPT seterusnya boleh meninggikan lagi kekuatannya sambil memperbaiki atau menambah baik kekurangan yang mungkin dikenal pasti oleh SETARA. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**11. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah benar Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengharamkan perlakuan 'pengkid' dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan keputusan fatwa tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar perlakuan pengkid telah difatwakan haram oleh kerajaan melalui muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali-83 telah bersidang pada 22 Oktober hingga 24 Oktober 2008 dan membincangkan hukum wanita menyerupai lelaki atau pengkid dan keputusannya dapat saya bacakan seperti berikut:

*"Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah memutuskan bahawa pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam. Muzakarah juga menggesa ibu bapa dan masyarakat Islam supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaiknya kepada anak-anak gadis khususnya dalam aspek pakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.*

*Rasional Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memutuskan perlakuan pengkid sebagai haram berdasarkan kepada perkembangan terkini gaya hidup remaja Islam yang mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif dan mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan tuntutan Islam."*

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Muhamad Yusuf, kemudian Datuk Rizuan, kemudian Dato' Rashid.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih di atas jawapan. Pertanyaan tambahan saya, bagaimanakah definisi yang lebih luas yang dikatakan pengkid itu sama ada tomboy kah, pakai cara laki-laki dan sebagainya dan bagaimanakah tindakan kerajaan untuk menghebahkan kepada masyarakat bahawa perbuatan yang seperti ini haram di sisi Islam. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita tengok istilah pengkid ini adalah satu istilah yang baru. Kalau dulu apabila seorang wanita menyerupai lelaki, ia disebut sebagai tomboy. Cuma perbezaan yang diberikan, beza antara tomboy dengan pengkid ini, dia beza daripada segi penampilan fizikal, sifat dan juga perasaan.

Kalau tomboy itu dikatakan sebagai penampilan, imej lelaki daripada sudut fizikal semata-mata yakni tomboy itu dia cuma pakai pakaian lelaki sahaja. Kadang-kadang pakai *jeans*, *t-shirt* dan topi dan berambut pendek sedangkan daripada segi naluri dan perasaan itu masih lagi kewanitaan.

Akan tetapi pengkid ini merujuk kepada bukan sekadar penampilan fizikal sahaja dengan berambut pendek dan mengenakan pakaian lelaki tetapi sifatnya juga terserlah kejantanannya dan begitu juga daripada segi perasaannya, mereka sangat berminat kepada wanita. Sehingga tidak ada langsung perasaan dan keinginan terhadap lelaki.



Bagi pihak kerajaan, apa yang kita dapat buat untuk menghebahkan kepada masyarakat ialah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini telah pun memaklumkan pendirian kerajaan dan fatwa ini dilihat sebagai satu pandangan rasmi daripada pihak kerajaan yang perlu diambil berat oleh masyarakat-masyarakat Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Rizuan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Soalan saya telah pun dijawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita sebuah negara demokrasi dan masing-masing pihak bebas memberi pandangan. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa bila dikeluarkan fatwa ini, berhubung dengan pengkid ini, terdapat beberapa pandangan. Tidakkah pandangan-pandangan ini dengan sendirinya dengan izin, *undermine* fatwa-fatwa yang selalunya dibuat oleh Fatwa Kebangsaan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang mengeluarkan fatwa berkaitan dengan pengkid ini adalah Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, berbeza dengan Majlis Fatwa Kebangsaan. Majlis Fatwa Kebangsaan hanya bersidang di atas arahan daripada Majlis Raja-Raja apabila dirasakan ada isu-isu tertentu yang perlu dibincangkan, berbeza dengan Muzakarah. Muzakarah melihat apabila ada isu-isu tertentu yang memerlukan untuk dikeluarkan fatwa supaya menjadi panduan dan nasihat kepada rakyat tanpa menunggu daripada pihak Majlis Raja-Raja untuk mengarahkan berbuat demikian. Muzakarah Fatwa boleh berbuat demikian tanpa merujuk kepada Majlis Raja-Raja.

Jadi Yang Berhormat, sebenarnya dia ada dua institusi di sini. Satu daripada arahan Raja-Raja yang hanya akan bersidang dengan arahan dan yang keduanya muzakarah yang boleh bersidang tanpa menunggu arahan daripada Majlis Raja-Raja berdasarkan kepada isu-isu semasa yang memerlukan kepada fatwa dengan segera. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta maaf kerana Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan saya. Kalau tidak dia jadi perbahasan. Datuk Armani.

**12. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, kerajaan memberi subsidi 50 sen bagi sekilogram padi benih sejak tahun 2006 bagi membolehkan pengeluar menjualnya pada kadar RM1.40 sekilogram. Tidak adakah cadangan supaya menambah subsidi kepada kadar yang lebih tinggi, sekali gus meringankan beban pesawah.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan program pengeluaran benih padi sah pada tahun 2007 dan telah melantik empat pengeluar swasta bagi pengeluaran benih padi sah bagi tempoh tiga tahun. Di samping itu, jabatan pertanian akan juga terus mengeluarkan benih padi sah.

Bagi menggalakkan pengeluaran benih padi sah ini, kerajaan memberi insentif sebanyak 50 sen sekilo yang dikeluarkan kepada pengeluar swasta. Jadi, jumlah kuota yang disasarkan adalah 74,000 metrik tan. Kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi pertimbangan bagi menambahkan insentif kepada pengeluar dan kementerian telah membuat perakuan kepada Menteri Kewangan dan insya-Allah kita akan mendengar keputusannya di dalam masa yang terdekat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Armani.

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah sasaran kuota benih padi sah ini akan diagihkan dan berapa banyak kuota bagi setiap pengeluar pada tahun 2009. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sasaran kuota adalah seperti saya katakan tadi, kepada empat pengeluar swasta dan Jabatan Pertanian. Memandangkan kuota adalah 74,000 metrik tan, jadi kita telah menasarkannya seperti berikut pada tahun 2009 iaitu:

- (i) untuk Jabatan Pertanian sebanyak 5,000 metrik tan;
- (ii) kepada BERNAS - 27,000 metrik tan;
- (iii) kepada KEJORA Desa Sdn. Bhd. - 22,000 metrik tan;
- (iv) kepada FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. - 15,000 metrik tan; dan
- (v) kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu sejumlah 5,000 metrik tan.

Jadi jumlahnya adalah, 74,000 metrik tan bagi tahun 2009. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dah banyak kali dah. Saya beralih kepada perkara lain pula.

**13. Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Kewangan menyatakan, tindakan yang akan diambil bagi menjamin hak-hak pembeli rumah yang mana projek perumahan mereka terbengkalai dan terpaksa menanggung kadar faedah pinjaman sedangkan rumah masih tidak siap, sama ada pihak Bank Negara harus menubuhkan dana untuk membantu mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pinjaman oleh peminjam di bank perdagangan yang menghadapi rumah terbengkalai, pihak kerajaan memutuskan bahawa faedah pinjaman tersebut dihapuskan. Bermakna bahawa peminjam tidak perlu untuk membayar faedah pinjaman. *Principal* itu kena bayar. Justeru itu kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan dana untuk membantu bagi membayar subsidi kepada kes-kes faedah tersebut.

■1120

**Dato' Yip Kum Fook:** Pertanyaan tambahan saya. Tahniah dan syabas jawapan tadi. Sebahagian besar dari projek terbengkalai adalah disebabkan oleh pergaduhan antara pemaju dengan pemilik tanah lanjutan daripada usaha sama mereka yang gagal. Bolehkah Bank Negara mewujudkan satu dana seperti danaharta dahulu, kita wujudkan satu dana harta baru untuk membantu mereka supaya dapat menyiapkan projek berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Kerajaan ada mewujudkan dana pada tahun 1990 selama 2 tahun dan sekarang tidak lagi diwujudkan dana tersebut yang dihapuskan pada tahun 1992. Jadi bagi projek terbengkalai sekarang ini adalah di bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada agensi perumahan dan agensi inilah yang mengendalikan rumah terbengkalai ini. Sebahagian besarnya diserahkan kepada SPNB untuk melaksanakan projek-projek tersebut terutama bagi projek-projek kos rendah dan projek-projek kos sederhana yang mana dari segi *viability* ada 70% pembeli bagi projek tersebut. Oleh kerana kita telah mengadakan agensi untuk mengendalikan projek rumah terbengkalai, maka Bank Negara tidak bercadang untuk mengadakan sistem lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pau Chiong Ung. Bila saya tidak bagi peluang seorang Ahli bertanya, saya automatik bagi peluang kepada seorang Menteri atau Timbalan Menteri menjawab perkara yang lain.

Jadi Dewan tidak rugilah, satu tidak dapat peluang tetapi yang satu lagi dapat peluang yang tidak mungkin dia dapat kalau saya terus bagi peluang. Silakan Tuan Pau Chiong Ung. Saya kesian Timbalan Menteri Kesehatan hadir hendak jawab. Silalah bangun siapa-siapa.

**14. Dato' Yip Kum Fook [di bawah P.M 23(2)]** minta Menteri Kesehatan menyatakan, adakah wad kelas satu hospital kerajaan hanya dikhaskan untuk pegawai kerajaan sahaja kerana terdapat aduan daripada rakyat di mana pegawai hospital memberi penjelasan sedemikian apabila mereka meminta ahli keluarganya dipindah ke wad kelas satu.

**Timbalan Menteri Kesehatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya menjawab soalan ini. Untuk penempatan kelas di hospital kelas satu kah, kelas dua, kelas tiga. Ia bergantung kepada kelayakan pesakit dan juga kekosongan katil. Jadi tidak timbul kelas satu atau pun kelas dua dikhaskan pada kakitangan awam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**15. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, kewajaran penerusan Projek *High-Speed Broadband* bernilai RM11.31 bilion yang diluluskan oleh Menteri Kewangan yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet untuk jalur lebar.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, situasi kehidupan pada hari ini begitu mencabar dan kita bergantung pada kemudahan teknologi yang memberi kesan ke atas pembangunan sosial dan ekonomi negara. Atas kesedaran ini, pelan pelaksanaan Jalur Lebar Nasional yang baru telah digubal pada pertengahan tahun 2007 bagi memperluaskan liputan jalur lebar ke seluruh negara. Ia merangkumi strategi-strategi pelaksanaan bagi kedua-dua aspek penawaran dan permintaan perkhidmatan jalur lebar. Usaha-usaha difokuskan dalam dua kategori iaitu peluasan jalur lebar untuk orang awam dan jalur lebar kelajuan tinggi. Pelan Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional telah di bentang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai jalur lebar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan Menteri Kewangan semasa kelulusan pelan dan projek HSBB ini dibuat. Maka tidak timbullah percanggahan kepentingan. Tuan Yang di-Pertua, projek HSBB adalah perlu kerana kerajaan amat peka mengenai penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan jalur lebar untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan dan dapat bersaing di peringkat global. Ia mempunyai impak besar kepada negara dari segi peningkatan daya saing serta mempunyai *economic spin-off* yang ketara. Namun..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan, saya ingat cukuplah Yang Berhormat membuktikan kewajaran. Boleh kita jemput pertanyaan tambahan sekiranya ada. Ir. Haji Zamri.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terima kasih dengan kewajaran yang dibentangkan. Cumanya dengan jumlah yang besar ini, kita ingin tahu apakah ada pengendali lain yang juga memberikan tawaran untuk melaksanakan Projek *High-Speed Broadband* ini?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, memang dikatakan ada pemberi perkhidmatan jalur lebar yang lain yang dikatakan ada mengemukakan cadangan tetapi cadangan yang dikatakan itu hanyalah cadangan sahaja. Tidak ada yang tertulis dan tidak ada cadangan konkrit dikemukakan kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Chandrasekar Suppiah.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua sampaikan soalan No.16 bagi pihak Yang Berhormat Datuk Chandrasekar Suppiah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkanlah, Menteri pun balik ke sini.

**16. Datuk Chandrasekar Suppiah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, sama ada Kementerian sedar bahawa dalam draf rancangan tempatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diisytiharkan baru-baru ini, tertinggal beberapa tempat ibadat bukan Islam dan bangunan warisan. Jika ia benar, apakah cadangan Kementerian untuk memperbetulkan keadaan ini.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil maklum akan terdapatnya kesilapan penandaan tempat-tempat rumah ibadat bukan Islam. Perkara ini berlaku berikut, beberapa tapak tempat ibadat bukan Islam sahaja ada yang sah telah dizonkan sebagai zon putih iaitu *public facilities* dengan izin, atau tokong. Di dalam draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020, maklumat tapak-tapak tempat ibadat bukan Islam ini akan diperbetulkan dalam pindaan draf PBRKL 2020 kelak.

Walau bagaimanapun, terdapat juga tapak-tapak tempat ibadat bukan Islam sedia ada yang tidak akan dizonkan sebagai zon putih ataupun tokong dalam draf Kuala Lumpur. Ini adalah kerana tempat-tempat ibadat bukan Islam telah didirikan ataupun dibina di atas tapak rizab seperti rizab jalan, rizab sungai, laluan kereta api, talian elektrik dan sebagainya. Tempat-tempat ibadat bukan Islam ini akan di tanda sebagai zon putih dalam pindaan draf Kuala Lumpur dan Tuan Yang di-Pertua bagi isu rumah-rumah ibadat ini saya ingat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga tidak dapat mengezonkan satu lagi sebab di mana rumah-rumah ibadat dibina di atas tanah persendirian. Maka, mengikut bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kami tidak berhak untuk mengezonkan atau menandakan rumah-rumah ibadat yang terletak di tanah swasta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Ir. Hiang A Li

**17. Dato' Ir. Hiang A Li** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, kejayaan rancangan kerajaan dalam meningkatkan hasil keluaran pertanian terutamanya padi, untuk mengatasi masalah kekurangan bahan makanan pada masa sekarang dan akan datang.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan pengeluaran padi khasnya kerajaan telah melaksanakan program-program seperti berikut:

- (i) pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saluran. Ini adalah untuk kita memastikan bahawa produktiviti pengeluaran padi sentiasa dapat kita tingkatkan;
- (ii) adalah untuk mengadakan program Mini-Estet iaitu kita menanam padi secara mini-estet. Ini adalah satu strategi juga di mana konsep pengurusan yang digunakan adalah secara berpusat;
- (iii) adalah untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya, Yang Berhormat boleh pilih untuk tidak menjawab sebab banyak kali sudah jawab soalan ini. Akan tetapi dengan baik hatinya Yang Berhormat kita terima kasihlah.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya habis dua sahaja.

...adalah mempertingkatkan penggunaan mekanisasi ladang; dan

- (iv) adalah kita sentiasa memastikan bahawa kita menjalankan penyelidikan dan pembangunan.

Terima kasih.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Dato' Ir Hiang A Li.

**Dato' Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah, adakah kajian telah dijalankan untuk memantau keberkesanan atau kejayaan atas program-program yang telah dilaksanakan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan memang kita sentiasa memantau dan mencari jalan yang terbaik. Di samping itu, daripada empat program yang saya maklumkan tadi, kita sebenarnya telah dapat meningkatkan SSL kita daripada 9% sehingga kita insya-Allah dapat menjurus kepada 72.8% bagi tahun ini. Bagi tahun 2010 kita dapat meningkatkan sasaran kita sebanyak 86% SSL di dalam pengeluaran padi. Terima kasih..

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi soalan..., tidak ada? Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2008**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta yang dinamakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008, singkatannya SPRM atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2008*. Akta SPRM ini akan menggantikan Akta Pencegah Rasuah 1997 iaitu Akta 575 yang telah digubal khusus bagi menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Di samping memasukkan peruntukan-peruntukan baru untuk menambah baik usaha pencegah rasuah, meningkatkan kuasa-kuasa penyiasatan Pegawai Suruhanjaya dan mengadakan peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari keberkesanan usaha pembanterasannya rasuah amat bergantung kepada keupayaan agensi pencegahan rasuah yang dipertanggungjawabkan. Justeru, atas dasar itu kerajaan terus komited untuk memperkasakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dengan menjadikannya sebuah pesuruhjaya melalui penggubalan rang undang-undang ini. Namun, pengukuhan dalam aspek perundangan tidak memadai sekiranya suruhanjaya yang bakal dibentuk ini tidak disokong dengan bilangan keanggotaan yang mencukupi dan tenaga kerja yang berkemampuan tinggi.

Sehubungan itu, kerajaan juga telah bersetuju untuk meningkat keupayaan BPR sedia ada dengan menambah keanggotaannya seramai 5,000 orang lagi dalam tempoh lima tahun. Tambahan keanggotaan ini akan dapat membantu BPR untuk mempercepatkan proses penyiasatan dan memberi perkhidmatan mencegah rasuah yang lebih baik kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan sedikit pindaan yang tidak disengajakan fasal 36(1)(b), teks bahasa kebangsaan bagi menggantikan perkataan "Pendakwa Raya" dengan perkataan "Pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi". Pindaan ini telah pun dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Dewan Rakyat pada 16 Disember 2008 yang lepas.

Rang Undang-undang SPRM 2008 dicadangkan ini terbahagi kepada sembilan bahagian dan terdiri daripada 74 fasal dan jadual. Sebahagian besar daripada peruntukan yang terdapat dalam Akta Pencegah Rasuah 1997 masih dikekalkan atau dibuat sedikit penambahbaikan dalam rang undang-undang ini. Pengekalan peruntukan-peruntukan tersebut dibuat memandangkan ia masih relevan dalam konteks pencegah rasuah di Malaysia. Secara umumnya, rang undang-undang ini akan melibatkan perluasan, tafsiran beberapa istilah penting, pembentukan beberapa mekanisme tanggungjawab, kesalahan penyogokan pegawai awam asing, perluasan bidang kuasa penyiasatan dan beberapa peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

Justeru, tafsiran beberapa istilah penting di Fasal 3 rang undang-undang telah diperkukuhkan selaras dengan keperluan semasa. Ini meliputi tafsiran baru bagi badan awam. Bagi membolehkan SPRM mengambil tindakan ke atas mana-mana pertubuhan, badan, kesatuan dan organisasi. Ini kerana mereka turut menerima bantuan kewangan dari pihak kerajaan. Walaupun Menteri mempunyai kuasa mengeluarkan perintah yang disiarkan dalam warta untuk menentukan mana-mana pertubuhan, badan, kesatuan dan organisasi sebagai badan awam dalam Akta Pencegah Rasuah 1997.

Adalah wajar sekiranya tafsiran tersebut diperluas dan dinyatakan secara khusus dalam rang undang-undang ini bagi membolehkan tindakan segera diambil oleh pihak suruhanjaya. Tafsiran bagi kesalahan ditetapkan bagi beberapa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dalam Akta Pencegah Rasuah 1997 sedia ada telah diperluaskan untuk meliputi mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam jadual. Tafsiran baru ini telah meluaskan skop kesalahan yang boleh disiasat oleh Pegawai Suruhanjaya dan ia juga tidak terhad ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan sahaja.

Bagi maksud rang undang-undang ini sejumlah 35 kesalahan di bawah kanun keseksaan telah dinyatakan dalam jadual iaitu tambahan sejumlah 29 kesalahan yang biasa diambil tindakan oleh BPR pada ketika ini. Rang undang-undang ini juga telah memperluaskan tafsiran bagi saudara yang diperuntukkan dalam Akta Pencegah Rasuah 1997. Tafsiran baru ini akan meliputi sama, mertua, menantu, anak-anak saudara, bapa saudara, emak saudara dan sepupu orang tertuduh yang tidak terangkum di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997 sedia ada. Kekurangan ini akan diatasi dengan memperkenalkan tafsiran yang baru di bawah rang undang-undang ini supaya skop pemakaiannya bagi kesalahan di Fasal 23 dan 36 turut melibatkan golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperuntukkan lantikan Ketua Pesuruhjaya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di Fasal 5. Di samping itu, perbezaan yang ketara berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya di bawah rang undang-undang ini. Oleh itu, dengan pelantikan Ketua Pengarah di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997, adalah rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa pelantikannya tidak terhad kepada anggota perkhidmatan awam sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Akta Pencegah Rasuah 1997. Ini membolehkan jawatan tersebut diisi oleh individu-individu dari luar perkhidmatan awam yang diyakini terbaik, berkecukupan, bersesuaian dan mampu menerajui SPRM untuk menjadi *benchmark*, dengan izin, atau model kepada agensi-agensi pencegah rasuah yang lain.

Ketua Pesuruhjaya SPRM juga diperuntukkan kuasa sebagai Timbalan Pendakwa Raya bagi maksud pelaksanaan rang undang-undang ini sebagaimana di peruntukan di Fasal 5(6). Peruntukan kuasa yang sedemikian bukanlah satu yang baru kerana kuasa yang sama pernah dibekalkan di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 iaitu Akta 271 yang telah dimansuhkan apabila Akta Pencegah Rasuah 1997 diperkenalkan.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan profesionalisme dan ketelusan serta menggalakkan penglibatan pelbagai pihak dalam usaha membanteras rasuah memerlukan perubahan ketara dibuat ke atas struktur BPR sedia ada.

Ini dengan membentuk beberapa mekanisme tanggungjawab yang berbentuk *advisory* dan *check and balance*, dengan izin, tanpa menjejaskan elemen kebebasan untuk bertindak pada sebuah agensi pencegah rasuah. Mekanisme ini melibatkan pembentukan Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah atau dipanggil BPR, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKR) dan jawatankuasa aduan seperti mana di Bahagian 3, rang undang-undang ini.

LPPR yang diperuntukkan di Fasal 13 Rang undang-undang adalah mirip *Corruption Advisory Committee* yang terdapat di *Independence Commission Against Corruption Hong Kong*, ICAC Hong Kong yang akan dianggotai oleh sekurang-kurangnya tujuh orang individu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan turut dianggotai oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagai *ex officio*. Individu-individu yang dilantik itu hendaklah terdiri dari mereka yang berintegriti yang telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Ahli-ahli lembaga penasihat akan dilantik untuk selama tiga tahun bagi tempoh dua penggal sahaja.

Fungsi-fungsi lembaga penasihat telah dinyatakan di sub Fasal 13(5) rang undang-undang. LPPR akan berperanan untuk menilai dan mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan suruhanjaya ke arah perjalanan suruhanjaya yang lancar dalam melaksanakan kewajibannya dalam menangani jenayah rasuah di negara ini.

Fasal 14 rang undang-Undang memperuntukkan, pembentukan jawatankuasa khas mengenai rasuah yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua Dewan Rakyat. Pelantikan ahli jawatankuasa ini juga akan di buat oleh Yang di-Pertuan Agong dari kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang dinamakan oleh Ketua Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Ahli-ahli Jawatankuasa Khas akan dilantik selama tiga tahun bagi tempoh tiga penggal sahaja. Pembentukan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah ini juga jelas membuktikan komitmen kerajaan untuk meningkatkan persepsi kebebasan SPRM dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Ia juga memberikan lebih banyak ruang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan penjelasan dari suruhanjaya agar wujud elemen *accountability*, *check and balance*, dengan izin, kepada badan legislatif.

Fasal 15 rang undang-Undang ini memperuntukkan peruntukan Jawatankuasa Aduan bagi memantau pengendalian salah laku bukan jenayah atau dengan izin, *non-criminal conduct* yang dilakukan oleh pegawai-pegawai suruhanjaya dalam melaksana tugas mereka. Pembentukan Jawatankuasa Aduan di bawah rang undang-undang ini menjadikan SPRM sebagai satu-satunya agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia yang mempunyai mekanisme sedemikian. Pembentukan Jawatankuasa Aduan ini akan dapat memastikan pegawai-pegawai suruhanjaya menjalankan kewajipan mereka dengan profesional, sebagaimana yang diperuntukkan oleh rang undang-undang. Tambahan pula, jawatankuasa penyiasatan yang lebih besar diperuntukkan kepada mereka di bawah rang undang-undang ini terdapat kemungkinan segelintir pegawai suruhanjaya yang tidak bersikap profesional dalam melaksanakan tugas mereka. Apa-apa aduan salah laku yang tidak bersifat jenayah oleh pegawai-pegawai tersebut akan dipantau oleh individu-individu luar yang bebas dan mereka juga boleh memperakukan apa-apa syor tentang tatacara kerja suruhanjaya yang melibatkan sesuatu aduan di buat.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua kesalahan rasuah yang terdapat dalam Bahagian 3, Akta Pencegahan Rasuah 1997 diperuntukkan semula dalam di Bahagian 4 rang undang-undang ini. Walau bagaimana pun, rang undang-undang ini memperuntukkan satu kesalahan baru iaitu kesalahan menyogokkan pegawai awam asing di Fasal 22 rang undang-undang ini. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini bagi mana-mana orang untuk menyogok mana-mana pegawai awam asing, walaupun pegawai awam asing itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian. Peruntukan ini di gubal sebagai memenuhi obligasi di bawah Artikel 16, *United Nations Convention Against Corruption* ataupun UNCAC yang telah pun diratifikasikan oleh Malaysia pada 17 September 2008 yang lepas.

Fasal 24 rang undang-undang ini merupakan fasal yang berkaitan dengan hukuman dan penalti bagi kesalahan-kesalahan rasuah. Berbanding dengan Akta Pencegahan Rasuah 1997, fasal ini telah memansuhkan hukuman penjara minimum iaitu dipenjarakan selama tempoh tidak kurang 14 hari. Manakala hukuman penjara maksimum tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau yang mana lebih tinggi masih dikekalkan. Pemansuhan hukuman penjara minimum ini bukan bermakna kerajaan memandang ringan akan kesalahan rasuah, sebaliknya ia memberikan kelonggaran kepada pesalah rasuah terutamanya melibatkan amaun yang kecil dan yang khuatir di sumbatkan ke penjara untuk membuat pengakuan salah daripada mereka terpaksa melalui satu proses perbicaraan yang panjang yang menelan kos yang lebih tinggi. Ini seterusnya akan dapat meningkatkan *conviction grade*, dengan izin, di samping dapat menjimatkan masa mahkamah dan kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk mengendalikannya perbicaraan yang panjang.

Kelonggaran ini juga akan dapat meringankan beban untuk tunggakan kes rasuah di mahkamah sekiranya pesalah-pesalah rasuah yang di tangkap dan dituduh kerana memberi rasuah pada nilai yang kecil umpamanya sebanyak RM10 terus mengaku salah daripada memohon untuk dibicarakan lantaran khuatir dimasukkan ke penjara selama dua minggu. Walaupun hukuman penjara minimum di mansuhkan, pemansuhan tersebut tidak menghalang kebebasan pihak mahkamah untuk menggunakan budi bicara mereka, *discretion*, dengan izin, dalam menentukan tempoh hukuman penjara yang akan dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, SPRM perlu dibekalkan dengan kuasa penyiasatan yang secukupnya supaya proses dan tindakan siasatan dapat dijalankan dengan lancar. Kerajaan mencadangkan melalui rang undang-undang ini, kuasa-kuasa yang dahulu di hadkan pemakaiannya kepada pendakwa raya diperluaskan pemakaiannya kepada pegawai-pegawai suruhanjaya yang ditentukan. Di antara fasal-fasal yang terlibat adalah:

- (i) kuasa pendakwa raya untuk mengeluarkan apa-apa arahan yang fikirkan patut bagi kesalahan lain iaitu zahir di subseksyen 7(3), Akta Pencegahan Rasuah 1997, diperluaskan pemakaiannya diperluaskan pemakaiannya kepada mana-mana pegawai suruhanjaya berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi di bawah subfasal 10(3) rang undang-undang ini;
- (ii) kuasa pendakwa raya untuk mengeluarkan perintah bertulis bagi maksud memeriksa, menggeledah dan menyita di subseksyen 23(1) diperluas pemakaiannya untuk meliputi pegawai suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya sebagaimana peruntukan di subfasal 31(1) rang undang-undang;
- (iii) kuasa pendakwa raya yang diberikan secara bertulis bagi penyiasatan berhubung dengan mana-mana bank di subseksyen 31(1), Akta Pencegahan Rasuah 1997 diperluaskan pemakaiannya untuk meliputi pegawai suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya adalah lebih tinggi, diberi kuasa oleh pendakwa raya sebagaimana diperuntukkan di sub Fasal 35(1), rang undang-undang;
- (iv) keseluruhan kuasa pendakwa raya bagi memperoleh maklumat berhubung penyiasatan ke atas harta dimiliki adalah tidak sepadan dengan pendapatan yang sah, seksyen 32, Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah dimansuhkan. Sebaliknya kuasa penyiasatan tersebut dibekalkan khusus kepada pegawai suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya adalah lebih tinggi seperti mana di Fasal 36, rang undang-undang;



- (v) kuasa pendakwa raya bagi tujuan pemintasan perhubungan di seksyen 39, Akta Pencegah Rasuah 1997 diperluaskan pemakaiannya untuk meliputi pegawai suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya sebagaimana diperuntukkan di Fasal 43, rang undang-undang;

■1150

- (vi) kuasa pendakwa raya yang diberikan secara bertulis bagi tujuan penyerahan dokumen perjalanan di seksyen 40 Akta Pencegah Rasuah 1997 diperluaskan pemakaiannya untuk meliputi pegawai suruhanjaya yang berpangkat pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subfasal 44(1) rang undang-undang; dan
- (vii) kuasa pendakwa raya untuk meminda atau membatalkan apa-apa perintah yang berkaitan dengan siasatan di subseksyen 41(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 diperluaskan pemakaiannya untuk meliputi mana-mana pegawai suruhanjaya yang diberi kuasa oleh pendakwa raya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subfasal 45(1) rang undang-undang.

Rang undang-undang ini turut mengadakan beberapa peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan dan perbicaraan kesalahan bagi memperkemas Akta Pencegah Rasuah 1997 sedia ada. Fasal 59 Rang undang-undang telah menetapkan semua pendakwaan di bawah rang undang-undang ini dibicarakan di bawah Mahkamah Sesyen. Fasal ini diperuntukkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul kerana terdapat hukuman bagi beberapa kesalahan khususnya kesalahan yang terdapat dalam jadual terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Majistret. Fasal 60 rang undang-undang memperuntukkan pendakwa raya boleh mengeluarkan perakuan kepada Mahkamah Sesyen untuk memindahkan kes perbicaraan ke Mahkamah Tinggi dan perakuan pendakwa raya itu hendaklah dilaksanakan oleh Mahkamah Sesyen.

Fasal ini diperuntukkan bagi menyegerakan perbicaraan kes rasuah yang serius yang mewajarkan ia dibicarakan di Mahkamah Tinggi tanpa sebarang kelengahan yang bersangkutan dari perakuan yang dikeluarkan tersebut. Bagi mengimbangi peruntukan seksyen 51A, Kanun Tatacara Jenayah di mana pihak pendakwaan perlu membekalkan pernyataan kepada pihak pembelaan. Fasal 62 rang undang-undang ini telah memperuntukkan supaya pihak pembelaan juga membekalkan pernyataan tentang pembelaan mereka dan salinan mana-mana dokumen yang akan dikemukakan semasa perbicaraan kepada pihak pendakwaan.

Fasal 62 ini adalah bagi memastikan keadilan terlaksana bukan sahaja terhadap tertuduh tetapi juga kepada pihak yang membuat aduan. Fasal ini merupakan satu-satunya peruntukan yang terdapat dalam mana-mana undang-undang bertulis pada ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mencadangkan rang undang-undang Suruhanjaya Pencegah Rasuah 2008 ini jelas membuktikan kesungguhan dan iltizam berterusan kerajaan iaitu *political will*, dengan izin, bagi memerangi jenayah rasuah yang semakin *sophisticated and complicated*, dengan izin, dan kini telah merentas sempadan ekor dari perkembangan teknologi maklumat yang semakin maju dan pantas. Telah banyak berlaku perubahan dalam tempoh sedekad yang lalu dan kini sudah tiba masanya undang-undang yang sedia ada itu diberi nafas baru bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih berkesan bersesuaian dengan keadaan masa kini.

Rang undang-undang ini juga diharapkan mampu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan, memperbaiki persepsi, kebebasan dan ketelusan serta meningkatkan tahap profesionalisme suruhanjaya yang bakal beroperasi pada tahun hadapan.

Sokongan daripada beberapa mekanisme, tanggungjawab yang diwujudkan akan memastikan suruhanjaya akan bertindak dengan telus selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Adalah menjadi harapan kerajaan rang undang-undang ini mendapat sokongan yang diterima baik oleh semua pihak termasuk pihak pembangkang ke arah membina Malaysia yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Mashitah Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Untuk membuat peruntukan yang selanjutnya dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara-perkara yang perlu tentangnya dan yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Akbar Ali.

**11.55 pg.**

**Datuk Akbar Ali:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya berdoa agar semasa saya membahaskan Rang undang-undang SPRM ini, saya diingatkan oleh kata-kata nasihat tinggalan pusaka nenek moyang kita agar saya tidak mengeluarkan kata-kata yang boleh ditafsirkan sebagai melanggar Perkara 35(4). Lantaran itu:

*Yang kurik itu kendi,  
Yang merah itu saga;  
Yang baik itu budi,  
Yang cantik itu bahasa.*

*Elok ladang kalau berpadi,  
Elok padi kerana buahnya;  
Elok orang kerana berbudi,  
Elok budi kerana bahasanya.*

Lantaran itu saya juga mengambil nasihat daripada William Shakespeare, '*budi yang baik itu lebih bahagia daripada menuntut bela*' dan lantaran itu kita akan buang yang keruh ambil yang jernih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan Kabinet beliau kerana seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jelas ternyata iltizam untuk mengotakan manifesto Barisan Nasional pada tahun 2004 dahulu. Selarastah kata orang tua-tua, kata dikota, kerbau dipegang tali, manusia dipegang janji. Justeru itu, jika timbul mana-mana pihak yang ingin menanggung di air yang keruh, ingin turut mengambil nama baik daripada rang undang-undang ini maka perbuatan mereka itu tidak lebih daripada lembu punya susu, sapi hendakkan nama. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh enam perkara dalam membahaskan SPRM ini iaitu;

- (i) pandangan masyarakat terhadap rasuah,
- (ii) trend rasuah global dan di Malaysia,
- (iii) indeks-indeks rasuah yang digunakan;
- (iv) faedah dan kesan buruk tentang rasuah, dan
- (v) usaha-usaha lain yang diperlukan untuk membanteras rasuah kerana akta ini atau rang undang-undang ini *by itself*, dengan izin, tidak akan dapat membanteras rasuah.

Seterusnya ulasan terhadap rang undang-undang SPRM ini sendiri. Tuan Yang di-Pertua, rasuah bolehlah kita katakan semua masyarakat memandang hina terhadap rasuah.

Pelacuran, perjudian dan rasuah atau PPR ringkasnya pada hemah saya adalah seusia dengan tamadun manusia itu. Walaupun PPR ini tidak seganas peperangan yang boleh menghancurkan, tetapi uniknya peperangan ialah peperangan itu sendiri boleh dilancarkan untuk menamatkan peperangan, dengan izin, *we can launch a war to end a war*. Akan tetapi dari segi PPR, kita tidak boleh menambahkan pelacuran, perjudian dan rasuah untuk menamatkan pelacuran, perjudian dan rasuah itu sendiri. Kalau itu dilaksanakan maka ia semakin *entrench in the society*.

Kalau kita lihat dari sudut Islam, memang jelas Al-Quran, contohnya, surah Al-Baqarah ayat 188 yang menegah rasuah. Hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Hakim dengan jelas juga menegah rasuah kepada tiga pihak iaitu pemberi, penerima dan perantara. Dalam konteks ini SPRM ini cukup sejajar dengan Islam khususnya berhubung dengan Perkara 16,17 dan 18 di dalam SPRM. Bukan sahaja Islam, agama Kristian juga memusuhi rasuah. Ini terdapat dalam *Trinity, chapter enam, ayat 10, "The love of money is the root of all evils"*. *Confucius* juga menegah rasuah, *"Don't talk about profit"*. *Said Mencius, "It is humanity and duty that matters"*.

#### ■1200

*Everyone high and low is scrambling for profit reaching the nation into grave danger*, dengan izin. Begitu juga agama *Hinduism*, dalam Bagadat Geetha, *chapter 3 ayat 27*, dinyatakan *"It is a greedy desire, a great evil, an enemy of the soul"*, dengan izin. Sekalipun pandangan sedemikian, trend rasuah di dunia dan di Malaysia sendiri, kalau kita gunakan indeks-indeks tertentu, ia menunjukkan kenaikan ataupun peningkatan. Bermakna bertambah buruk. Dalam masa yang sama, kerana inilah juga, maka kerajaan Malaysia dan negara-negara lain, termasuk United Nations, dan telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi semakin fokus untuk memantau bagi membanteras rasuah ini. Seperti mana yang dinyatakan tadi, badan-badan antarabangsa termasuklah UNCAD, OECD, *World Economic Forum*, Bank Dunia dan *Transparency International*.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di satu pihak rasuah di negara miskin terus menjadi beban kepada rakyat sehingga ia menjadi pilihan antara hidup dan mati apabila wang dan air bersih, contohnya dipertaruhkan untuk mendapatkan imbuhan. Sesungguhnya ia adalah perjudian antara hidup dan mati akibat rasuah. Pada masa yang sama di negara maju pula dengan izin *corporate scandal* juga terus menjadi-jadi. Ini dapat diukur dari *the Bribe Payer's Index* yang dilaksanakan juga oleh *Transparency International*. Didapati negara-negara maju, terutama negara pengeksport utama, di kalangan 30 buah negara yang dikaji, syarikat-syarikat antarabangsa ini semakin mengganas untuk mendapatkan kontrak dengan memberi lebih banyak rasuah.

Menurut Chair Labelle TI, perbuatan tersebut *'undermines the credibility of the wealthiest nations in calling for greater action by low income countries'* dengan izin. Menurut timbalan pengerusi beliau pula, *criticism by rich countries or corruption in poor countries has little credibility while the financial institutions sit on wealth stolen from the poorest people*. Kerana perbuatan rasuah ini yang berterusan di negara-negara maju, maka kita dapat lihat, kalau kita gunakan tahun 2002 sebagai *base year* (tahun asas) dan kalau kita bandingkan dengan tahun 2008, rasuah sesungguhnya meningkat apabila mata (*score*)nya dari 9.9, contohnya *Finland*, negara yang terkenal dengan minimum *corruption* atau korupsi, menurun dari 9.9 (2002) kepada 9.4 tahun lalu.

Denmark, New Zealand, Iceland dan UK juga menunjukkan kejatuhan daripada *score* (mata) antara 0 kepada 10, yang mana 0 adalah paling teruk *corruption* nya dan 10 adalah yang terbaik. Selain daripada CPI, (*Corruption Perception Index*), *The Bribe Payer's Index* juga menunjukkan trend yang sama. Malangnya, di kalangan 30 buah negara itu termasuk Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi negara yang paling teruk sekali melakukan rasuah di kalangan syarikat-syarikat asing itu ialah China, India dan Rusia. Berapa kos rasuah ini? Mengikut CPI, nilai rasuah pada tahun lalu ialah sebanyak USD150 bilion bersamaan lebih kurang RM540 bilion. Ini kosnya tetapi sekiranya *corruption* ini dapat dikurangkan seperti mana yang cuba dibuat oleh kerajaan kita maka faedahnya ialah setiap satu mata meningkat, misal kata daripada 5 kepada 6, maka ia boleh ditafsirkan atau di *translate* dalam bentuk FDI.

Ia akan meningkat sebanyak 0.5% kemasukan FDI berbanding dengan DGP sesebuah negara. Dalam konteks ini, 0.5% itu bersamaan dengan RM3.5 bilion. Dalam apa-apa hal, apabila kita hendak bercakap juga tentang SPRM ini, Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga mengambil nasihat Stephen Covey, dalam bukunya *The Seven Effective Habits*. Dalam konteks ini, satu daripada tujuh itu ialah mengingatkan matlamat akhir, *thinking of the end*. Dalam hal ini, dalam bahasa baru sekarang objektif itu terbahagi kepada tiga iaitu output, *outcome* dan *impact*. *Output* nya mudah sahaja, rang undang-undang ini akan menjadi akta. Dari segi *outcome*, kita akan dapati ada tiga *outcome* utama. Rasuah dapat dikurangkan atau dibasmi seperti mana yang terkandung dalam buku ini, integriti dapat ditingkatkan, keyakinan terhadap negara dan kerajaan dapat dimantapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tiga *outcome* utama itu, kita akan dapat 10 *outcome*, *secondary* dengan izin, iaitu kecekapan dan keberkesanan akan meningkat, produktiviti akan melonjak, kos pengeluaran akan berkurangan, daya saing akan mengukuh yang mana ini amat penting dalam era liberalisasi dan globalisasi, para pelabur akan bertambah yakin, ekonomi akan berkembang kerana didorong oleh pelaburan tadi, peluang pekerjaan akan menokok kerana meningkatnya aktiviti ekonomi, pendapatan rakyat akan meningkat, kemiskinan akan menurun dan yang kesepuluh penyakit sosial akan berkurangan.

Tadi saya cakap tentang output dan *outcome* nya. Apa pula impaknya? Secara merata sudah tentu impaknya adalah kemakmuran akan bertambah ruah, keamanan akan terus terjamin. Ini yang kita harapkan. Malangnya macam saya katakan awal tadi, rasuah di peringkat global dan Malaysia semakin menjadi-jadi. Ini dapat kita ukur di Malaysia kalau kita ambil tahun 2002 sebagai *benchmark* dan dibandingkan dengan tahun 2008, rasuah itu menurun kerana mata (*score*) kita pada tahun 2002 ialah 4.9 dan pada tahun 2008 5.1, ini bermakna integriti meningkat. Akan tetapi kalau kita pilih tahun 2003 pula sebagai *benchmark* maka rasuah di Malaysia meningkat kerana pada tahun 2003, *score* kita adalah 5.2 dan pada tahun 2008 *score* kita ialah 5.1. Akan tetapi CPI ini sendiri mempunyai banyak kelemahan. Antaranya bilangan negara berbeza, daripada 133 meningkat kepada 180, ia hanya menumpukan kepada pandangan *experts* bukan pandangan orang ramai dan ia hanya bersifat kualitatif atau hanya mementingkan persepsi bukannya kuantitatif dan pengiraan indeks itu berbeza kerana ia menggunakan data *secondary*

Lantaran itu kita mesti menggunakan *basket of indices*, dengan izin, supaya kita dapat mengukur kedudukan rasuah di Malaysia dengan lebih baik dan lebih lengkap lagi. Antara lain, kita boleh menggunakan *political and economic risk consultancy* yang mana, malangnya, juga menunjukkan peningkatan kalau kita bandingkan antara tahun 2006 dan tahun 2007 kerana *score* nya meningkat dari 6.13 kepada 6.25. *Risk consultancy* ini berbeza dengan CPI; kalau angka semakin tinggi, *score* semakin tinggi ia semakin buruk, kalau *score* semakin rendah, ia bertambah baik. Jadi di sini juga kita mendapat *score* yang kurang baik dan kedudukan kita adalah nombor tujuh di kalangan 13 negara yang dikaji.

#### ■1210

Kalau kita melihat pula *business Ethics Institute of Malaysia*, kajian yang dibuat mendapati hanya 23% responden yakin kepada penjawat awam. Tidak sampai 25% yang merasa yakin terhadap penjawat awam. Ini bukan sesuatu yang sihat bagi kita. Kerana itulah agaknya kerajaan mempunyai iltizam untuk mengurangkan rasuah ini, meningkatkan pengukuhan integriti supaya persepsi akan bertambah baik.

Kita ambil pula kajian yang dibuat oleh Bank Dunia iaitu *Ease of Doing Business*. Pada tahun 2007, kita bernasib baik kerana Malaysia berada di kedudukan ke-25 dan telah bertambah baik meningkat kepada tangga yang ke 20 pada tahun 2008. Akan tetapi kita masih di belakang Singapura yang mempunyai kedudukan nombor satu dan Thailand yang mempunyai kedudukan nombor 13.

Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan akta ini berjaya kerana dia tidak boleh berjaya *by itself* dengan izin, maka kita perlu melihat *critical success factors* nya (*CSF*), dengan izin, kerana ia bergantung kepada rangkaian usaha semua pihak bagi memastikan bahawa rasuah itu dapat dibasmi nanti.

Ini bermakna ibu bapa, masyarakat, sekolah, *civil society* dan kerajaan dalam konteks pembelajaran 3L hendaklah sama-sama memainkan peranan yang cergas dan penuh komitmen.

Di sini kita bertuah kerana iltizam kerajaan untuk membasmi rasuah dengan menjangkau selain daripada BPR, kerajaan juga telah berusaha dengan berbagai usaha untuk meningkatkan integriti, meningkatkan kepercayaan, memantapkan pandangan umum dengan menanamkan nilai-nilai murni melalui, misal kata, BCA iaitu bersih, cekap, amanah, kursus Pelan Integriti Nasional, penerapan nilai-nilai Islam, budaya kerja cemerlang. Seterusnya sudah pun disebut baru-baru ini, *why not* kita juga membuat drama dan filem seperti yang dibuat oleh ICAC yang menunjukkan bahawa rasuah itu *doesn't pay*, dengan izin.

Sudah pasti, bidang kuasa ini terletak di bawah kuasa panel *consultative* dan pencegahan rasuah. Dalam konteks kerajaan yang kita rasa dan kawan baik saya sering menimbulkan masalah kerehah birokrasi dalam kerajaan, maka sudah pasti salah satu *critical success factor* itu ialah menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Kita berterima kasih kerana PEMUDAH telah pun ditubuhkan. Dengan adanya PEMUDAH, dengan adanya pemakaian *BOND benchmark online, net working data base* yang diperkenalkan oleh NPC. Tahniah kepada NPC kerana NPC juga memperkenalkan MBI iaitu *Malaysian Benchmarking Index*, memperkenalkan COP dan juga kerajaan menggunakan TQM dan *six sigma*.

Ini semua boleh membantu ke arah memantapkan integriti dan mengurangkan rasuah kerana ia membantu terhadap peningkatan kualiti dan prestasi jentera kerajaan dan seterusnya mengurangkan kos pengeluaran. Sehubungan dengan *critical success factor* itu, Tuan Yang di-Pertua kita harus tahu di mana dan yang mana perlu diberi tumpuan supaya faktor kejayaan itu akan dapat dicapai dengan cepat dan tinggi tahapnya.

Kita mesti menumpukan kepada bidang-bidang di mana dengan izin, *propensity to bribe* dapat dikurangkan. Untuk mengetahui ini, kita kembali kepada *The Ease of Doing Business* yang mana pertama sekali kita mesti kurangkan, pendekkan tempoh, kurangkan kerehah kerana *in dealing with licenses* mengikut kajian ini, kita berada di tangga ke-105. Ini kerana kita mengambil masa 285 hari berbanding dengan Korea hanya 34 hari dan Vanuatu, negara yang jauh mundur dari negara kita hanya 51 hari.

Apabila tempoh yang panjang ini hendak dipendekkan maka sudah tentu biasanya, kalau mengikut pada pandangan *public*, ia memerlukan sedikit pelincir. Kedua, kita kena beri perhatian kepada *starting a business*. Kita berada di tangga yang ke-74 kerana kita memerlukan masa yang lama untuk kita daftarkan perniagaan kita kerana masa yang kita perlukan ialah 24 hari berbanding Australia hanya dua hari.

Ketiga, yang perlu kita beri perhatian segera ialah *registering* atau daftar kan harta iaitu *registering a property*, dengan izin, di mana kita adalah di tangga ke-67. Mengapa kita berada di tangga yang ke-67? Ini kerana kita memerlukan masa selama 114 hari untuk mendaftarkan *property* berbanding dengan New Zealand, Thailand dan Sweden hanyalah dua hari. Gambaran itu nampak buruk seolah-olah kita tidak bermaya dalam meningkatkan *efficiency and effectiveness*, dengan izin, pentadbiran kerajaan. Akan tetapi keadaan tidak seburuk itu dalam semua bidang.

Ini kerana kita berada di tangga yang ketiga *in getting a credit* dan tangga keempat *in protecting investor*. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita juga mempunyai kemampuan untuk menunjukkan kecekapan dan keberkesanan kita. Ini berbalik kepada kata orang tua-tua, "hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih". Sekiranya kita dapat melaksanakan semua ini, maka dalam *environment* perniagaan, ia akan menjadi lebih kondusif dan sekiranya kita diukur melalui *quality of living index*, maka kedudukan kita akan bertambah baik. Malangnya waktu ini, kita berada di kedudukan yang ke-75. Kuala Lumpur berada di kedudukan yang ke-75 berbanding dengan Zurich dan juga Geneva yang berada di kedudukan nombor 1 dan nombor 2.

*Insyah-Allah*, kalau semua ini kita lakukan, maka kita akan dapat memperbaiki kedudukan Kuala Lumpur di mata dunia. Apa pentingnya *quality of living index* ini? Dia memang penting dalam konteks FDI dan dalam konteks untuk menarik pakar-pakar dunia untuk berkhidmat di mana-mana bandar raya. Mereka menggunakan indeks ini sebagai salah satu *indicator* untuk membantu mereka membuat keputusan di mana mereka ingin bertugas. Jadi, kalau kita perbaiki kedudukan Kuala Lumpur maka kita akan dapat menarik pakar-pakar ini ke Malaysia; dengan demikian dapat membantu merangsang ekonomi negara kita.

Dalam masa yang sama, dia akan membantu kita bersaing dengan izin, *in the red ocean* dan, pada masa yang sama, kita dapat menumpukan perhatian *in the contested market, uncontested market of the blue ocean*, berdasarkan buku *The Blue Ocean Strategy* yang mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri amat meminati BOS ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambil kira apa yang saya sebutkan itu, yang menjadi faktor-faktor yang akan membantu menjayakan SPRM, maka saya ingin memberi perhatian kepada beberapa perkara tentang akta ini sendiri.

Pertama, akta ini tidak meliputi rasuah di sektor swasta. Dia hanya menumpu kepada sektor awam. Pada saya ini satu kekurangan tetapi bukanlah sesuatu yang tidak boleh diatasi, mungkin di fasa kedua, kita juga harus memberi perhatian kepada rasuah di sektor swasta kerana kita sedar dan kita tahu di sektor swasta rasuah lebih besar berbanding dengan sektor awam. Kalau kita hendak mendapat pinjaman dengan cepat dari bank-bank, biasanya perlu pelicin. Hendakkan kontrak daripada syarikat-syarikat besar memerlukan pelicin. Ini terbukti daripada *The Bribe Payers Index*.

Kedua, perkara 2(a) meliputi sektor swasta tetapi perkara 2(b) usaha mendidik tidak termasuk sektor swasta. Ini apa yang saya faham daripada 2(a) dan 2(b) ini.

■1220

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan Yang Berhormat sedikit tentang rasuah ini. Kita lihat rasuah ini dipelbagaikan, ada orang bercakap soal saya hendak bercakap soal pemilihan UMNO iaitu politik wang ataupun rasuah dalam politik.

Kita tengok hari ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini ditubuhkan. Kita lihat hari ini di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dengan Lembaga Disiplin UMNO. Pilihan raya kita juga ada pemilihan UMNO, kita juga ada pilihan raya dalam UMNO. Yang Berhormat UMNO, saya juga UMNO, ramai orang UMNO di dalam ini.

Kita lihat kalau ada pilihan raya, Ahli Parlimen boleh menggunakan RM250,000, tidak boleh lebih daripada itu, boleh guna untuk belanja. Akan tetapi, dalam UMNO kita tidak boleh, hendak belanja makan pun kalau Lembaga Disiplin tangkap dia kira salah. Maknanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang hendak ditubuhkan ini, yang kita hendak luluskan ini *insyallah* nanti; maknanya ada kelonggaran daripada Lembaga Disiplin UMNO lebih lagi *detail* sampai hendak belanja makan pun tidak boleh.

Dia tidak ada limit dalam pemilihan UMNO. Pemilihan UMNO ini pilihan raya UMNO lah dibandingkan dengan pilihan raya itu ini. UMNO ini tidak boleh hendak belanja makan RM1 pun, kalau ada bukti dia akan digugurkan daripada menjadi calon. Jadi saya hendak ingatkan kepada Yang Berhormat, maknanya apa yang hendak kita luluskan ini ada kelonggaran lagi yang mana yang lebih *detail* adalah Lembaga Disiplin UMNO. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Apa pun yang saya akan cakap berdasarkan kenyataan tadi adalah merupakan pendapat peribadi saya, bukan mewakili UMNO atau mana-mana pihak. Saya sendiri berpendapat kerana Parti UMNO sekurang-kurangnya sehingga sekarang yang merupakan tunjang pemerintahan negara, pemilihan itu sendiri harus lebih demokratik. Akan tetapi saya segera memperkatakan pemilihan sekarang adalah sah dari segi Perlembagaan UMNO.

Walaupun nampaknya dia kurang demokratik kerana lebih kurang 2,600 perwakilan menentukan Presiden, Timbalan Presiden UMNO dan seterusnya pada masa yang sama *by convention* adalah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia walaupun Perlembagaan adalah lain sedikit.

Jadi pada saya sudah sampai masanya peraturan pemilihan dalam UMNO wajar dirombak supaya ia menjadi lebih adil, lebih demokratik dan lebih telus dan pada masa yang sama dapat mengurangkan rasuah yang sering kita cakap dan sering bimbangkan.

Salah satu cara mungkin pemilihan pemimpin UMNO tidak lagi ditentukan oleh perwakilan tetapi ditentukan oleh setiap ahli UMNO yang difahamkan lebih kurang 3.5 juta. Kalau diberikan kuasa pilih kepada 3.5 juta ini, pada pendapat saya, dengan sendiri dia akan mengurangkan rasuah kerana tidak terdaya hendak memberi rasuah. Kalau RM10 sudah jadi RM35 juta, kalau RM100 sudah jadi RM350 juta.

Jadi itu salah satu cara dengan sendiri dapat mengurangkan rasuah, pada hemat saya. Satu lagi mungkin kita kena benarkan perbelanjaan seperti mana SPR membenarkan. Kita harus ada SPR UMNO *equivalent* kepada SPR Malaysia yang mana memberikan siling untuk mana-mana calon berbelanja mengikut tahap jawatan masing-masing yang bertanding. Dengan ini tidak timbul sampai hendak bagi makan pun, hendak bagi duit minyak pun didapati bersalah.

Yang ketiganya, tanpa menyentuh terlalu panjang isu ini, pada saya mungkin kita kena lihat seperti mana cara pemilihan calon presiden di Amerika Syarikat di mana dibenarkan menyumbang dan dibenarkan meneliti secara telus sumbangan masing-masing untuk mengelakkan sebarang *hanky-panky*. Mungkin tiga perkara ini kalau kita lihat dan diperhalusi boleh mengurangkan kebimbangan kita tadi berkenaan rasuah.

Benarkan saya kembali kepada ucapan awal saya Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sudah sentuh, satu, meliputi sektor awam tidak meliputi sektor swasta. Yang kedua saya kata Perkara 2(b) tidak meliputi usaha mendidik itu di kalangan sektor swasta; yang ketiga berkenaan Perkara 22.

Perkara 22, macam mana yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dia meliputi pegawai awam asing. Pegawai swasta asing tidak diliputi. Ini bermakna kalaulah pegawai swasta asing datang ke mari, seperti mana yang terbukti melalui *The Bribe Payers Index* tadi memberi rasuah kepada pihak swasta di Malaysia untuk mendapatkan tender dan sebagainya, pada hemat saya. Perkara 22 atau SPR ini tidak meliputi mereka dan saya rasa ini harus diberi perhatian.

Akhirnya, saya ingin menarik perhatian kepada ulasan-ulasan yang diberikan oleh Dato' Shaik Daud Mohd. Ismail mantan Hakim Mahkamah Rayuan dalam NST bertarikh 14 Disember lalu. Beliau secara khusus mempersoalkan Seksyen 43, 47, 53(3) sehingga 53 (6) dan Seksyen 62.

Saya bukan seorang peguam jadi saya tidak berkemampuan, saya akui; untuk meneliti dan memperhalus seksyen-seksyen ini. Saya haraplah dan saya fikir Yang Berhormat Menteri tentu sudah bersedia untuk menjawab apa yang ditimbulkan oleh Yang Berbahagia Dato' Shaik Daud Mohd. Ismail. Ini kerana, berdasarkan satu soalan cepu emas yang ditanyakan kepada beliau, kalau beliau diberikan untuk mengundi atau tidak mengundi rang undang-undang ini, beliau mengatakan beliau tidak menyokongnya. Jadi ini satu perkara serius dan boleh menimbulkan soal kredibiliti dan saya yakin isu-isu ini akan dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya saya amat gembira bahawa kita mengasingkan antara pihak yang melakukan *investigation* ataupun siasatan dengan pihak yang menentukan pihak pendakwa. Ini bermakna ada pengasingan kuasa atau *separation of power* dan ini adalah satu yang cantik dalam konteks Montesquieu yang disarankan oleh ahli falsafah Perancis berkenaan dengan *the separation of powers*, dengan izin, dan saya amat menyetujuinya.

Dengan ulasan-ulasan tadi, saya amat yakin bahawa ini satu usaha, satu iltizam Kerajaan Barisan Nasional yang cukup baik dan harus mendapat sokongan semua rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Haji Muhamad Yusof selepas itu saya minta Dato' Hajah Saripah Aminah untuk bersedia dan Hajah Wan Hazani untuk bersedia.

**12.28 tgh.**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 di mana seperti mana yang kita fahami rang undang-undang yang akan dibahaskan ini adalah antara tujuannya untuk menggantikan Akta Pencegahan Rasuah 1997, Akta 575 yang bakal dimansuhkan. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam fasal 73 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab huraian kepada rang undang-undang ini kebanyakan peruntukan di dalam Akta 575 dikekalkan. Penambahan baru kepada rang undang-undang ini kebanyakannya berkaitan dengan cadangan Penubuhan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah. Sebagaimana yang kita maklumi lahirnya rang undang-undang ini adalah hasil daripada parahnya jenayah rasuah di negara kita. Walaupun kerajaan sentiasa menafikan fakta bahawa rasuah seakan sudah berakar umbi dalam masyarakat atas motif politik selama ini adalah benar.

■1230

Seperti yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Akbar tadi markah ataupun mata kita 5.1% yang mana kedudukan kita ke tangga 43 pada 2007 telah menurun kepada tangga 47 pada tahun ini. Antara punca merebaknya gejala rasuah di negara ini adalah kerana tiadanya satu badan atau agensi anti rasuah yang benar-benar bebas dan berwibawa. BPR meskipun ada jasanya dalam memerangi rasuah namun kelihatan hanya berkesan untuk menundukkan perasuah kecil-kecilan tetapi banyak kes rasuah yang melibatkan individu tertentu yang berpengaruh seolah-olah dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang pendakwaan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas kita boleh merumuskan bahawa dua ulasan utama kepada kerangka atau mekanisme pencegahan rasuah yang dipraktikkan selama ini adalah BPR dilihat gagal membasmi rasuah ialah disebabkan BPR selama ini berada di bawah kawalan eksekutif dan hanya *answerable* dengan izin, kepada Perdana Menteri yang menjadikannya bukan sahaja tidak bebas malahan dalam banyak keadaan, persepsi yang timbul ialah BPR bersikap *bias* dan selektif dalam menjalankan kerja-kerja penguatkuasaannya terutamanya dalam kes yang membabitkan pemimpin-pemimpin kerajaan.

Kedua meskipun dalam keadaan tertentu BPR telah menjalankan siasatan dengan telus namun terdapat perasuah yang tidak didakwa di mahkamah disebabkan kuasa pendakwaan terletak secara mutlak di tangan Peguam Negara. Selaku *Public Prosecutor* dengan izin, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 145(3), Perlembagaan Persekutuan. Sudah tentulah kita mengharapkan rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini dapat memperbaiki dan mengatasi *once for all* dengan izin, kedua-dua punca utama kenapa selama ini mekanisme dan struktur yang ada melalui BPR gagal untuk membasmi rasuah sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti keseluruhan rang undang-undang ini jelas Perdana Menteri dan kerajaan masih berkuasa mutlak dalam menentukan perjalanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan juga dua badan baru yang dicadangkan iaitu Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan juga Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

Maka jelas rang undang-undang ini tidak akan bermakna sama sekali untuk menjadikan struktur baru yang mencegah rasuah ini benar-benar bebas dan berwibawa jika tidak ada pindaan ke atas rang undang-undang ini dibuat. Merujuk kepada bahagian dua penubuhan SPRM Fasal 5 yang berkaitan dengan pelantikan Ketua Pesuruhjaya. Meskipun dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong namun ianya adalah atas nasihat Perdana Menteri. Dan kita tahu konsep Raja Berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong tetap terikat kepada nasihat Perdana Menteri.



Di sini jelaslah bahawa Perdana Menteri atau kerajaan masih berkuasa dalam melantik Ketua Pesuruhjaya tanpa terikat kepada sebarang syarat atau sekatan tertentu. Jika beginilah keadaannya maka sudah tentu akan timbul persoalan tentang integriti bakal Ketua Pesuruhjaya yang dinamakan oleh Perdana Menteri di mana sudah tentu timbul persepsi yang Ketua Pesuruhjaya itu tidak bebas dan terhutang budi kepada Perdana Menteri disebabkan pelantikannya dibuat oleh Perdana Menteri.

Ianya juga menampakkan Ketua Pesuruhjaya ini masih di bawah cengkaman Perdana Menteri, maka sudah tentulah hasrat untuk menjadikan suruhanjaya ini berwibawa, bebas dan berintegriti akan tidak kesampaian sekiranya pelantikan ketuanya dinasihatkan Perdana Menteri yang selaku ahli politik secara individu mempunyai kepentingan tersendiri. Kita tidak mahu akta ini hanyalah sekadar kosmetik untuk menutup segala kelemahan sebelum ini sedangkan kandungannya masih menampakkan cengkaman kuasa eksekutif melalui Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kuasa pelantikan ini tidak diberikan kepada Perdana Menteri tanpa kita mengambil kira siapa Perdana Menteri. Maka suruhanjaya ini akan benar-benar menjadi bebas dan tidak terikat untuk membuat sebarang keputusan. Kita bukan sahaja hendak dilihat kita telus dalam hal ini tetapi pindaan ini haruslah diyakini oleh semua pihak supaya benar-benar nampak telus.

Sebab itu berdirinya di sini saya bukanlah sebagai mewakili pembangkang. Pada prinsipnya saya menyokong rang undang-undang ini demi untuk membasmi rasuah di dalam negara kita. Dan berharap supaya rang undang-undang ini dipinda agar kuasa pelantikan pesuruhjaya dan Jawatankuasa Khas Rasuah ini bukan diberi kepada Perdana Menteri. Bagi mengehendkan....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi iaitu Perdana Menteri mempunyai kuasa. Kita lihat hari ini ketelusan juga berlaku walaupun sebelum ada suruhanjaya ini. Kita lihat walaupun Perdana Menteri daripada Kerajaan Barisan Nasional, ada menteri yang didakwa, terpaksa letak jawatan, ada ketua menteri yang didakwa letak jawatan, ada pegawai-pegawai kerajaan yang kena. Dan ini menunjukkan ketelusan sebelum suruhanjaya ini ditubuhkan dan ada negeri di bawah Kerajaan Negeri yang walaupun pemimpin kanannya dituduh rasuah tetapi tidak ada tindakan diambil, tidak di gugur jawatan. Jadi kita lihat hari ini memang ada ketelusan yang berlaku dalam Kerajaan Barisan Nasional. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa sahabat saya. Soalnya sekarang ini bukan siapa yang menjadi Perdana Menteri, mungkin sekarang Barisan Nasional dan selepas ini orang lain, itu tidak timbul. Apa yang saya tegaskan ini soal pelantikan pesuruhjaya dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah ini tidak melibatkan kuasa Perdana Menteri. Walaupun barangkali orang berpendapat apa guna jadi Perdana Menteri kalau kita tidak ada kuasa tetapi kuasa Perdana Menteri dalam kuasa hal-hal yang lain mengenai pentadbiran negara tetapi dalam hal rasuah biarlah kita beri mandat yang penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik dan tanpa campur tangan eksekutif. Itu yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 juga tidak memperincikan kriteria atau kelayakan atau syarat asas yang mesti dipenuhi sebelum seseorang itu boleh dilantik Ketua Pesuruhjaya.

Merujuk pada Fasal 6 berkenaan dengan pelantikan pegawai-pegawai lain, suruhanjaya ini tidak dinyatakan dengan jelas berkaitan dengan siapa yang akan menguruskan *recruitment* pegawai-pegawai dan anggota SPRM ini. Sama ada ianya dikendalikan oleh SPRM sendiri ataupun melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sebagaimana proses biasa dalam pengambilan penjawat awam. Fasal 6(3) hanya menyatakan yang semua pegawai dan pegawai rendah SPRM adalah anggota perkhidmatan awam dan Persekutuan.

Saya mohon mencadangkan agar SPRM mewujudkan bahagian sumber manusia yang tersendiri bagi membolehkan pengambilan pegawai dan pegawai rendah SPRM diuruskan oleh SPRM sendiri tanpa perlu melibatkan SPA.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 berkaitan dengan Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah (LPPR) juga menunjukkan kuasa penuh Perdana Menteri menasihatkan Yang di-Pertuan Agong bagi melantik tujuh orang anggota. Ini sekali lagi memberikan petanda dan persepsi bahawa SPRM ini tetap tidak bebas dan diragui kewibawaannya memandangkan pelantikan ahlinya didasarkan atas nasihat Perdana Menteri sama dengan hujah yang saya berikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti yang mana disebutkan tadi menyokong supaya rang undang-undang diwujudkan dan memohon supaya pelantikan Ketua Pesuruhjaya dan Jawatankuasa Khas mengenai pencegahan rasuah ini tidak melibatkan Perdana Menteri tetapi diberikan kuasa kepada jawatankuasa ini sendiri mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Sekian saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah.

### 12.39 tgh.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut berucap syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya atas iltizam untuk membawa satu akta yang pada saya cukup penting yang diberi nama Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang akan kita bahas di Dewan yang mulia ini. Isu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini berkaitan dengan integriti, kewibawaan juga merupakan satu proses yang memerlukan keazaman politik dan secara realistiknya tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang terdekat.

### ■1240

Kita sering mendengar bahawa dadah merupakan musuh nombor satu negara. Akan tetapi tanpa disedari, rasuah sebenarnya merupakan musuh negara yang lebih perdana jika hendak dibandingkan dengan dadah. Perhatian berat mesti diberikan kepada isu ini, kerana ia merupakan satu bentuk jenayah yang menggugat kepentingan masyarakat dan mengancam keselamatan negara jika tidak dibendung secara segera dan holistik. Malaysia berada pada kedudukan ke 44 daripada 140 buah negara dalam indeks persepsi rasuah berterusan antarabangsa.

Kedudukan ini tidak perlu dipertikaikan kerana hakikatnya gejala rasuah memang berlaku dalam masyarakat kita, iaitu bukan sahaja di kalangan penjawat awam tetapi turut membabitkan beberapa pihak lain sama ada sebagai pemberi ataupun penerima rasuah. Berita mengenai penyalahgunaan kuasa, penyelewengan wang syarikat, bangunan yang tidak selamat untuk digunakan, pendatang asing mendapat kad pengenalan bermutu tinggi dan sebagainya menghiasi dada-dada akhbar saban hari membuktikan wujudnya fenomena rasuah di negara ini.

Pada masa yang sama, undang-undang yang longgar juga menyebabkan rasuah ini terus bermaharajalela di negara kita. Tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang sedia ada sememangnya terdapat tindakan denda dari segi wang tunai dan hukuman penjara, tetapi secara realitinya tidak cukup untuk menakutkan masyarakat kita supaya tidak terlibat di dalam rasuah. Kita bukan hendak mencadangkan undang-undang yang radikal seperti negara-negara tertentu. Akan tetapi bila berhadapan dengan isu rasuah di mana mereka dijatuhkan hukuman mati, tetapi lebih kepada usaha memperbaiki sistem undang-undang sedia ada menjadi titik persoalan yang dipersoalkan.

Pemberi, penerima rasuah termasuk tuntutan palsu dan salah guna kuasa jika tidak dibendung akan mengakibatkan banyak masalah sosial. Jika undang-undang tidak dipatuhi dengan sepenuhnya, maka kegiatan jenayah dan ketidakadilan akan berleluasa. Sampai bila kita sanggup membiarkan amalan rasuah bermaharajalela di tanah air tercinta ini? Marilah kita bersatu membanteras rasuah.

Apa juga bentuk rasuah yang hidup subur di minda rakyat kita. Tiga kelompok utama iaitu polis, hakim dan BPR yang sering menjadi sasaran kritikan dikembalikan kredibiliti mereka.

Rang Undang-undang SPRM sepatutnya mendapat sokongan tanpa bantahan oleh semua Ahli Parlimen tanpa mengira sama ada parti kerajaan ataupun pembangkang. Ini kerana seperti dikehendaki oleh banyak pihak, telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan April lalu. Undang-undang SPRM akan berpandukan model *Hong Kong Independence Commission Against Corruption* atau ICAC, yang selama ini menjadi kiblat pejuang, anti rasuah. Penstrukturan semula BPR menjadi satu suruhanjaya bebas sudah pasti dapat mengubah persepsi umum bahawa wujudnya campur tangan kerajaan dalam agensi-agensi berkenaan.

Penubuhan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah yang bebas akan menjadi elemen penting dalam suruhanjaya ini dan mampu menjadi penyemak dan pengimbang untuk menjamin ketelusan dan integriti Suruhanjaya tersebut. Walaupun akan ada pihak yang cuba mempertikai dan meremehkan pembentangan rang undang-undang ini, pembentukan SPRM akan diingati dalam sejarah sebagai bukti komitmen kerajaan untuk memerangi perbuatan rasuah dan sangkaan buruk tentang tahap rasuah di negara ini. Ia seterusnya akan mengangkat agensi pencegahan rasuah negara ke tempat yang lebih tinggi dan dihormati oleh rakyat dan masyarakat antarabangsa. Saya amat menyokong penambahan pegawai-pegawai sebanyak kira-kira 5,000 orang untuk memperkukuhkan SPRM.

Dari segi kuantiti, memang banyak tetapi apakah prosedur *recruitment*, gaji serta kualifikasi mereka, adakah SPRM akan menentukan siapakah yang akan dipilih atau JPA yang akan terlibat? Selain dari pelantikan, siapakah yang akan menentukan pelantikan dan gaji atau kenaikan pangkat serta bonus atau *termination of employment*, dengan izin jika prestasi yang tidak memuaskan. Saya bimbang, jika gaji atau kemudahan yang diberi tidak menarik dan kita mengharapkan pegawai SPRM membanteras rasuah dan memantau rasuah, mungkin mereka akan terjerumus dalam rasuah semasa penyiasatan apabila melihat aset yang begitu banyak. Jangan kita mengharapkan pagar, nanti pagar pula makan padi.

Oleh itu gaji serta *benefit* yang diberi harus sejajar dengan tanggungjawab serta risiko yang dihadapi semasa bertugas. Mempunyai pegawai yang berbilang kaum serta dari pelbagai profesion mungkin akan memberi gambaran yang lebih luas serta input yang berlainan serta *skill set* yang *complimentary*, dengan izin, dalam siasatan.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk menekankan kepentingan mempunyai *Witness Protection Act* yang akan dibentangkan tidak lama lagi dan *Whistleblowers Act* yang boleh menjadi *complimentary* dan mengukuhkan lagi Rang Undang-undang SPRM ini. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor.

12.46 tgh.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu Yang Berhormat...

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum daripada itu boleh saya tahu berapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang hendak berbahas?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008. Satu pujian harus diberikan kepada kerajaan kerana begitu beriltizam memerangi gejala rasuah di negara ini dan seterusnya berusaha memperbaiki kelemahan kerajaan untuk kepentingan negara, kerana kita tahu gejala rasuah ini akan menghancurkan negara jika tidak ditangani dengan segera. Rang undang-undang yang mempunyai 74 fasal, dan sembilan bahagian adalah bertujuan bagi mengadakan peruntukan baru dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan secara langsung juga telah memansuhkan Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan bahawa tujuan rang undang-undang ini digubal adalah ingin memberikan peruntukan yang lebih baik bagi tujuan pencegahan rasuah. Bila bercakap dengan isu rasuah di negara ini dan juga rasuah di kalangan kakitangan awam, secara automatik fikiran kita membayangkan rasuah di kalangan anggota polis dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan proses penguatkuasaan.

Menurut satu data yang mempunyai perolehan, saya memperoleh mengenai permasalahan rasuah di negara ini daripada laporan Badan Ketelusan Antarabangsa yang mengeluarkan ukuran rasuah global (GCP) tahunan, PDRM mempunyai tahap rasuah tinggi dengan kadar 3.8%, iaitu ukuran dibuat berdasarkan angka 1 menunjukkan tidak berlaku rasuah dan 5 menggambarkan amalan rasuah berterusan sentiasa dengan cara *total*. Badan lain yang mempunyai tahap rasuah tinggi iaitu parti politik – 3.5%, kastam – 3.4%, Perkhidmatan Pengeluaran Permit, Lesen dan Daftar – 3.2% serta perniagaan sektor awam/swasta – 3.1%. Statistik tindakan tatatertib PDRM 2004 pula menunjukkan 1.16 anggota atau 1.29% daripada keseluruhan 89,999 kekuatan PDRM dikenakan tindakan termasuk gantung kerja sementara dan sementara perkhidmatan kerana terbabit di dalam pelbagai kesalahan termasuk rasuah.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat kepada kuasa pegawai suruhanjaya yang telah diberi di bawah akta ini ialah di bawah Perkara 10. Secara mudahnya saya lihat adalah kuasa pegawai suruhanjaya ini tidak kurang dan tidak lebih sebagai seorang anggota polis. Saya tidak kata bahawa pegawai PDRM tidak bagus atau tidak baik, ada pegawai polis yang baik dan terlalu baik. Cuma segelintir sahaja pegawai PDRM yang terlibat dengan rasuah. Dari segi imej dan kuasa, sekiranya kita ingin betul-betul memerangi masalah rasuah ini, suruhanjaya yang akan dibentuk ini seharusnya tidak langsung dibayangi oleh mana-mana badan atau golongan atau nama-nama yang telah terang-terang mempunyai penyakit rasuah yang kronik. Begitu juga dengan anggota jawatankuasa...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, boleh saya minta laluan. Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan anggota-anggota polis yang juga banyak dikatakan menerima rasuah. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, adakah ini kerana gaji mereka terlalu kecil dan peruntukan pendapatan yang rendah menyebabkan mereka melakukan rasuah. Adakah itu antara sebab-sebabnya? Apa pandangan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Jins. Ada kemungkinan pihak PDRM terutamanya polis yang terlibat kebanyakannya tidak secara langsung kerana kekurangan gaji atau gaji yang kecil. Kenaikan gaji baru-baru ini oleh kerajaan, harapan saya sebagai ahli politik adalah lebih baik lagi daripada gaji yang lepas yang terlalu kecil jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai dari negara-negara sempadan dengan kita. Ini bererti pegawai-pegawai PDRM sepatutnya menerima gaji yang lebih tinggi kerana mereka menjaga keselamatan rakyat dan bertugas 24 jam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita ingin memerangi masalah rasuah ini, suruhanjaya yang akan dibentuk ini seharusnya tidak langsung dibayangi oleh mana-mana yang telah terang-terang mempunyai penyakit rasuah yang kronik. Begitu juga dengan anggota Jawatankuasa Khas mengenai rasuah ini dalam Perkara 14(2).

Saya ingin bertanya apakah rasionalnya hanya tujuh orang sahaja yang dipilih sebagai anggota jawatankuasa khas ini dan mengapa hanya terdiri daripada Ahli Dewan sahaja dan tidak dibuka kepada anggota pentadbiran lain.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat di luar sana apabila bercakap mengenai Dewan Rakyat dan Dewan Negara, mereka ini fikir semua Ahli Dewan Negara ini adalah ahli politik. Seperti yang mereka tahu mengikut ukuran, indeks rasuah bagi parti politik ini juga tinggi iaitu 3.5. Jadi, mana mungkin imej yang baik diberikan kepada suruhanjaya ini. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Jawatankuasa Aduan iaitu Perkara 15(2). Saya ingin mencadangkan agar anggota jawatankuasa aduan ditambah keanggotaannya. Ini memandangkan secara praktikalnya ialah hanya lima orang anggota. Mana mungkin dapat memantau sejumlah 5,000 kakitangan suruhanjaya untuk masa akan datang. Kita tidak mahu di kemudian hari masalah atau kekangan Jawatankuasa Aduan ini untuk menyelesaikan sesuatu kes adalah disebabkan kekurangan tenaga kerja atau *manpower*.

Saya juga ingin memohon penjelasan mengenai apakah kuasa atau *power* yang dimiliki oleh badan ini sekiranya terdapat pegawai-pegawai suruhanjaya ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti rasuah. Saya juga memohon penjelasan bagaimanakah proses pentadbiran Jawatankuasa Aduan ini. Adakah ia ditadbirkan secara berasingan ataupun di bawah pentadbiran Suruhanjaya Pencegah Rasuah. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Gooi Hoe Hin dan selepas itu saya minta Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin, Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf dan Dato' Haji Idris Haji Buang. Silakan Dato' Gooi.

#### 12.57 tgh.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk memberi pandangan agar rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini akan menepati objektif, matlamat dan sasaran yang ditujukan. Tidak boleh dinafikan bahawa rasuah merupakan satu lagi gejala yang tidak sihat dan telah menjadi satu musuh negara sepertimana yang dijelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tadi saya telah dengar dengan teliti bahawa akta baru ini telah pun memperluaskan skopnya dengan mewujudkan satu mekanisme dan cara untuk menyejajarkan supaya dakwaan-dakwaan tertentu dapat diselesaikan dengan kadar yang segera. Namun demikian, akta itu akan menjadi satu undang-undang sahaja kalau kita tidak mempunyai keazaman dan iltizam, khususnya dari segi politik untuk membasmi rasuah yang menjadi musuh negara. Tidak perlu saya bangkitkan angka-angka yang menunjukkan bahawa sekian lama ini negara terjerumus dalam masalah ini.

Namun ingin saya perlihatkan dari kaca mata dan dari sudut yang lain. Mengapa rasuah jadi begini, mengapa rasuah bukannya sekadar dicerminkan dalam cara hidup kita. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita harus mengucapkan syabas dan tahniah atas langkah positif serta keberanian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menginstitusikan satu Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia untuk menggantikan Akta Pencegahan Rasuah 1997. Namun bagi pandangan saya apa yang menjadi masalah kini ialah masalah struktur yang mengakibatkan kita kerajaan harus memperbaiki keadaan sedemikian.

Mengapa saya mengatakan begini? Tujuannya ialah begini. Akta itu jelas, tidak perlu kita hurai dan halusi apakah itu rasuah yang terdapat di jadual itu apa yang ditafsirkan sebagai rasuah. Kalau kita lihat daripada penjawat jawatan yang ada dalam kerajaan mengikut senarai perjawatan yang saya tengok sekarang. Angka yang ada dalam senarai perjawatan ialah 1,264,506 penjawat dalam perkhidmatan awam tidak lagi ditambah tokok dengan kerajaan negeri, dan tidak ditambah lagi dengan badan-badan berkanun. Ini bermakna *off-budget agency*, dengan izin, lebih kurang 1.5 juta.

Ini bermakna pada pandangan saya, kerajaan menghadapi masalah struktur. Di sebaliknya bagaimana untuk membayar penjawat awam pada satu tahap gaji yang munasabah supaya unsur-unsur rasuah itu tidak menular kepada penjawat-penjawat jawatan. Gaji yang terendah adalah RM649.15 sebulan tanpa elaun. Gaji yang tertinggi, KSN, RM10,407.18 gaji permulaan. Perbezaan, bermakna bila kerajaan membuat satu dasar penguatkuasaan itu katakanlah pegawai kastam. Tadi Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin kata jelas PDRM dan pegawai imigresen kalau gajinya tidak cukup makan, maka unsur-unsur yang memberi dan menerima itu akan terjadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Gooi Hoe Hin, boleh sambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Saya ingin menjelaskan bahawa walaupun terdapat SPRM, yang penting yang menjadi soal pokok di sini bagi pandangan saya ialah negara kita sedang menghadapi masalah struktur dari segi bahawa yang saya nyatakan, terlalu ramai pekerja awam. Kerajaan yang prihatin memang hendak naikkan gaji, tetapi sebaliknya kemampuan itu tersekat. Apabila keadaan sebegini berlaku, akan menjelma satu keadaan yang tidak sihat di mana kita sendiri boleh lihat dengan mata sendiri, peletakan dasar pekerja asing, rata-rata sekarang di KTM juga, ramai pekerja asing. Apa masalahnya di sebalik terjadi keadaan sebegini?

Tentunya ada udang di sebalik batu. Saya pergi ke merata-rata tempat, ke Dubai, ke Saudi Arabia, katakan di Singapura, ramai pekerja asing tetapi semuanya terkawal. Jadi pegawai penguat kuasa harus diberi satu gaji yang munasabah supaya tidak jadi unsur-unsur sebegini. Katakan PDRM, mengikut senarai perjawatan, saya teliti sekali lagi. Dalam Kementerian Dalam Negeri, 112 ribu penjawat PDRM tetapi dalam situ anggaran polis hanya lebih kurang 105 ribu dan bayangkan masalah struktur itu, bayangkan OCPD dengan pegawai daerah, macam mana dia setaraf. Tidak setaraf.

OCPD sebenarnya menjaga keselamatan di daerah itu tetapi tidak setaraf dengan pegawai daerah. Wujudnya pelbagai masalah struktur dan saya ingin menekankan bahawa suapan akan berlaku. Saya harap tiba masanya kerajaan perlu meneliti semula SSM, Sistem Saraan Malaysia. Mengapa saya menyatakan sedemikian? Ini kerana apabila SSM dilaksanakan, walaupun kajian demi kajian cukup teliti, apabila dasar penswastaaan diamalkan pada tahun 90-an, salah satu tujuannya ialah untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi dan satu lagi matlamat ialah untuk mengurangkan penjawat awam selepas 20 tahun dilaksanakan.

Saya dapati bahawa kedua-dua matlamat tidak selari. Di Dewan yang mulia ini kita melihat lembaga demi lembaga ditubuhkan. Jadi saya harap kerajaan kini tiba masa untuk merumuskan semula SSM agar perkara-perkara sedemikian, gaji dan elaun terlalu rendah diseimbangkan supaya tidak berlaku seperti suapan yang dinyatakan oleh SPRM.

Yang kedua, saya cakap dari segi masalah struktur politik, masalah struktur pendemokrasian. Ada orang mengatakan demokrasi, ada yang mengatakan, "*demo crazy*", apa maknanya? Negara kita subur dengan demokrasi. Demokrasi yang akan menentukan siapa pemimpin kita. Erti kata di sini saya petik, suapan ertinya, "Apa-apa jawatan..." Itu penting, jawatan, "kebesaran pekerjaan". Bermakna jawatan itu tidak boleh dibeli.

Katakan bahawa seorang pegawai pencegah rasuah hendak selidik bagaimana *you* dapat jawatan itu. Yang penting bagaimana dia selidik juga jika masalah struktur yang saya katakan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar Ali dan Yang Berhormat Dato' Musa, negara kita ini negara kita.

Anasir-anasir jahat dalam dan luar berputar-putar. Hendak jadi Perdana Menteri, perwakilan 2,700. Saya tidak sebut apa-apa partilah. 30% tentu tidak suka kerana kadangkala tidak dapat jawatan apa-apa, 30%, lebih kurang 600 sudah menentang, tinggal sahaja 1,100. Bermakna kalau anasir-anasir jahat dari luar mampu membeli 500 sahaja perwakilan, apa akan jadi kepada negara kita? Tergadai. Jiwa kita telah pun dijual. Bermakna saya merayu sekali lagi, tiba masanya sistem pendemokrasian di negara, tidak kira siapa, tidak kira di sini, Keadilan, 130 lebih bahagian, bermakna lebih kurang 1,700 perwakilan.

■1440

Nak jadi Perdana Menteri biar, tetapi 1,700 orang menentukan, 30% juga tidak akan suka, bila kita akan tukar sistem ini, SPRM tidak akan mengawal suapan jawatan asalkan penstrukturan semula biar lebih telus, biar lebih ikhlas. Kemungkinan saya nak bertanding jawatan, siapkan semua peraturan, boleh belanja RM50 ribu.

Mungkin tiba masanya bukan sahaja 2,700 orang menentukan segala-galanya, mungkin tiba masanya untuk buka kepada semua ahli supaya suapan itu dibendung supaya suapan itu dikikis, tak akan jadi, siapa nak jadi Perdana Menteri itu menjadi hak bukan 2,700, itu pandangan yang cukup-cukup bagi saya supaya negara kita ini tidak boleh tergadai. Ini juga rasuah, rasuah politik, saya harap mungkin SPRM tidak boleh jawab tapi kerajaan boleh buat undang-undang, SPRM sahaja tidak akan seterusnya hapus segala-gala rasuah, kalau kita bertindak secara bersepadu ada undang-undang untuk mengawal rasuah, ada sistem untuk merampas semula struktur...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Minta laluan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang saya bangkitkan, sila Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut pasal rasuah politik yang akan ditentukan oleh perwakilan. Adakah pada Yang Berhormat bahawa hari ini, kod etika yang dikeluarkan oleh mana-mana parti tidak memberikan kesan langsung pada ahli-ahli parti ataupun pada individu itu sendiri.

Bukan sahaja UMNO, Gerakan pun begitu, PPP pun begitu malahan parti pembangkang pun begitu. Sudahlah dia tahu dia tak dapat jadi Perdana Menteri, dia pun sama macam kita. Jadi saya nak bertanya Yang Berhormat, adakah kerana kod etika yang dikeluarkan ini tak mendatangkan kesan ataupun kita harus memperbaiki lagi kod etika dengan sekeras-kerasnya ataupun kita cuci saja badan manusia ini kerana apa pun yang berlaku, ia datang daripada nafsu manusia ataupun kita nak tutup terus, tak ada parti langsung dalam Malaysia ini, bagi mengelakkan rasuah politik ini, terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat daripada Johor, kod etika hanya merupakan sebahagian daripada yang boleh mengikis atau membendung, apa yang saya maksudkan di sini ialah, lebih elok jika kita merubah semula supaya masalah struktur berpolitik itu lebih tulus, lebih ikhlas.

Banyak senang untuk memberi suapan kepada 500 orang, adakah senang untuk memberi suapan kepada 300 ribu ahli? Mustahil, bermakna lebih elok, kita manusia, semua yang baik itu datang daripada Tuhan yang Maha Kuasa, manusia saja yang berdosa. Jadi tiba masanya pendemokrasian di negara ini telah berlarutan dan saya percaya dan saya yakin, apabila sebuah negara itu melalui semasa ke semasa, kita harus membuat pembaharuan demi kebaikan negara, demi kebaikan rakyat jelata.

Dengan kata-kata tersebut, saya terus menyokong SPRM dan semoga dengan SPRM ini, negara ini akan terus maju tanpa rasuah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Sri Jins Shamsudin

**2.47 ptg.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi izin kepada saya untuk membahaskan akta rang undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara dalam rang undang-undang ini untuk mendapat penjelasan dan penerangan. Seperti mana yang kita sedia maklum, rang undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 ini adalah merupakan kepada penambahbaikan Badan Pencegah Rasuah untuk membawa kepada zero rasuah dengan menubuhkan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan juga Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Aduan.

Dilihat daripada akta ini, kerajaan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan bagaimana untuk mengatasi perlakuan rasuah yang berada di negara kita ini dan dengan adanya rang undang-undang ini sudah tentu kita akan bekerjasama dan memberikan sepenuh sokongan bagi menghasilkan usaha kerajaan kepada zero rasuah.

Rasuah ini memberikan atau menerima suapan mengikut akta ini, sebenarnya di dalam rasuah ini banyak juga istilah-istilah lain yang digunakan di dalam rasuah ada juga yang mengatakan 'tumbuk rusuk' pernah kita dengar "tumbuk rusuk" juga adalah merupakan rasuah. Saya tidak pasti apa yang dimaksudkan "tumbuk rusuk". Barangkali tumbuk itu hulurlah, sebab di sebelah rusuk ini ada poket barangkali... *[Ketawa]*

Jadi 'tumbuk rusuk' juga pernah kita dengar dan banyak lagi perkara-perkara bukan sahaja rasuah ini merupakan suapan dari bentuk wang ringgit, tetapi juga rasuah boleh juga berlaku dalam bentuk-bentuk yang lain, umpamanya kita lihat, memberikan tiket kapal terbang ke luar negara ataupun pergi melancong, ataupun pergi umrah atau naik haji, beri tiket. Itu juga adakah dia merupakan satu rasuah dan memberikan juga ada kita dengar mengupah memberi wanita, kita akan beri wanita untuk mereka bersuka ria juga dakah itu merupakan juga rasuah.

Selain dari itu juga saya pernah juga diberi maklum bahawa kalau diluluskan satu projek ini, maka taman itu akan diberi nama kepada orang yang melaksanakannya, dan ini juga pernah berlaku, adakah itu juga merupakan satu rasuah dan kalau dilihat dari segi itu bahawa saya rasa perkara-perkara ini juga harus dipertimbangkan di dalam akta ini supaya ada perkara-perkara seperti ini juga dilihat bahawa rupanya rasuah bukan sahaja sekadar memberi upah wang, tetapi dia juga merupakan pelbagai cara boleh memberikan rasuah. Dilihat juga dalam beberapa hal yang berlaku dan oleh sebab itu kita harus melihat bahawa akta ini merupakan akta bagi tujuan untuk mengatasi rasuah yang berlaku.

**■1450**

Seperti mana yang saya telah tegurkan tadi bahawa barangkali kita juga harus melihat kedudukan mereka yang terlibat ini. Adakah kedudukan mereka ini cukup untuk menanggung dan menampung kehidupan seharian mereka hingga menyebabkan mereka mengambil rasuah. Kita mengambil beberapa contoh di negara-negara lain. Untuk mengatasi rasuah ini, ada juga di antaranya ialah memberikan mereka kedudukan yang cukup untuk mereka meneruskan kehidupan mereka dengan gajinya yang cukup dan kedudukan-kedudukan yang dapat mereka menampung keluarganya. Maka itu salah satu daripada cara untuk menghindar daripada rasuah. Ini rasuah seperti mana yang kita semua sedia maklum, merupakan berdasarkan kepada ajaran agama Islam bahawa rasuah adalah yang kita lakukan ialah makanan yang kita makan daripada wang haram iaitu haram. Selain dari itu, banyak lagi perkara-perkara yang haram yang kita ketahui tetapi rasuah dia tidak hanya berlaku kepada diri kita apabila kita menerima rasuah daripada mana-mana pihak, tetapi kita telah membawa wang rasuah itu ke rumah dan kita beri makan kepada anak, isteri, cucu dan cicit kita. Maka darah yang mengalir di dalam keturunan kita itu adalah daripada hasil yang haram.

Jadi apakah itu yang boleh kita terima? Jadi oleh kerana itu, maka saya melihat bahawa rasuah ini boleh diatasi dengan meletakkan diri kita orang yang dekat dengan agama kerana agama saja, Islam saja agama yang dapat menghindarkan rasuah kerana ajaran Islam adalah bertentangan dengan benda-benda yang haram.



Jadi oleh kerana itu, kalau kita dapat meletakkan diri kita sebagai seorang yang beragama, yang dapat menggunakan agama itu sebagai satu panduan kita untuk menghindarkan daripada rasuah kerana dia bukan saja melibatkan diri kita, tetapi juga melibatkan anak, cucu dan cicit kita. Bayangkan darah yang mengalir dalam tubuh anak kita itu adalah dari hasil makanan yang kita beli daripada rasuah. Jadi, ini semualah yang hendak kita lihat. Saya merasakan tidak ada jalan lain yang boleh kita atasi untuk mengatasi rasuah ini. Maka akta ini adalah memberikan kita kesempatan untuk kita sama-sama menyokong akta ini supaya ia bermula...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk sebentar Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sebut soal-soal agama tadi. Ajaran pokok agama misalnya agama Islam berdiri di atas dua prinsip. *Habluminallah, hablumminannas*. Perhubungan kita dengan Allah dan hubungan kita dengan insan. Maka, dalam perhubungan kita dengan Tuhan, kalau kita buat baik, Tuhan bagi ganjaran. Itu bukan rasuah. Sah. Dalam hubungan kita di antara manusia, *hablumminannas*, di antara suami isteri, *you* buat ini untuk *I*, *I* buat ini untuk *you*. Itu pun tidak boleh kira rasuah. Bermakna, seolah-olah soal rasuah ini tidak menyentuh semua prinsip *you scratch my back, I scratch your back*. Malah, ia dijuruskan pada soal-soal hubungan manusia, *hablumminannas* tadi dalam konteks perjalanan masyarakat dan kemasyarakatan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju di atas pandangan itu dan berterima kasih di atas teguran yang diberikan dan saya amat bersetuju. Memang benar kita secara individu, kitalah yang bertanggungjawab. Jikalau kita meletakkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau dengan isteri kita, kata, "*You buat baik dengan I, I belilah rantai emas*". Itu bukan rasuahlah.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** [*Ketawa*] ..Dan apa pun yang kita lakukan, selalunya kita berpandukan kepada ajaran Allah dan kalau kita dapat melakukannya kepada keluarga kita yang terdekat dengan kita iaitu isteri, anak-anak dan keluarga kita adalah merupakan tanggungjawab kita. Ini kalau kita letakkan di hadapan, kepentingan keluarga itu diletakkan di hadapan, maka kita tidak akan melakukan rasuah kerana dia bukan saja boleh menghancurkan masa depan kita, tetapi juga kita akan menjawab di akhirat kerana kita semua akan pergi. *Innalillahiwainnailaihirojiun*. Dari Allah kita datang, kepada Allah kita pergi. Jadi kita di sana akan menjawab.

Jadi kalau itu kita letakkan di hadapan, maka saya yakin dan percaya akta ini akan membantu kita untuk kita menyokongnya supaya kita tidak melakukan sesuatu. Tadi saya telah mendengar pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang juga tentang pemilihan dan juga Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah ini juga ditubuhkan dan juga dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan di atas cadangan Perdana Menteri. Oleh kerana kita menghormati pemimpin kita, jadi apabila kita melantik siapa saja yang menjadi Perdana Menteri, maka dialah orang yang kita harus hormati. Jadi kalau dia yang menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk melantik jawatankuasa dan lembaga ini, saya amat menyokong dalam apa yang ada di dalam akta ini dan kerana ia merupakan tanggungjawab yang tertinggi. Selepas itu, Yang di-Pertuan Agong yang akan mengumumkannya.

Ini adalah merupakan satu usaha ke arah kita menghormati pemimpin. Jadi apabila kita memilih seorang pemimpin, maka kita hendaklah hormati pemimpin yang kita pilih. Setelah kita pilih, kita pula menyingkirkannya dan ini adalah satu yang tidak bermoral rasa saya. Jadi oleh kerana itu, saya amat menyokong akta ini bahawa Perdana Menteri yang akan menamakan orang-orang yang dia pilih. Sudah tentunya orang-orang yang akan menjadi penasihat suruhanjaya ini merupakan orang yang bijaksana, orang-orang yang mempunyai pengalaman yang luas dan mempunyai keilmuan di dalam bidangnya. Maka itulah mereka akan dilantik. Yang ini sudah pasti. Saya yakin begitu juga dengan jawatankuasa-jawatankuasa dilantik. Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah. Tentulah mereka yang dilantik ini mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ini. Maka itu, mereka dilantik. Sudah tentu. Termasuk jugalah di antaranya juga adalah Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara.

Saya yakin ramai di antara kita yang mempunyai pengalaman khususnya mereka yang mempunyai kelulusan undang-undang dan lain-lainnya juga boleh dipertimbangkan. Kita lihat juga...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Silakan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Maksud saya tadi itu, pelantikan pengerusi suruhanjaya ini dan juga jawatankuasa khas yang tidak melibatkan Menteri bukanlah berniat untuk tidak menghormati Perdana Menteri. Dalam hal lain saya telah jelaskan tadi supaya dalam hal rasuah ini, biarlah kita nampak betul-betul telus apabila Perdana Menteri tidak terlibat dalam menentukan siapa yang jadi pengerusi dan siapa yang jadi jawatankuasa ini supaya kita nampak suruhanjaya ini benar-benar bebas dan dapat melakukannya kerja mereka. Itu maksud saya tadi. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan itu. Saya juga tidak menyatakan tidak tetapi Perdana Menteri adalah Ketua Eksekutif kita. Jadi oleh kerana itu, dia juga mempunyai pandangan-pandangan yang tertentu. Jadi mengikut akta ini, saya berpandukan kepada akta yang ada ini. Jadi akta ini telah menyarankan dan telah pun diluluskan di Dewan Rakyat bahawa Perdana Menteri akan menamakan dan diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong akan menentukannya.

#### ■1500

Selain daripada itu, kita lihat juga kesalahan menerima dan memberi suapan dan kedua-duanya ini adalah satu kesalahan dan telah pun diperjelaskan di dalam akta ini dan saya yakin dan percaya jika ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan kita akan menghadapi negara yang akan berada dalam *zero* rasuah. Ini telah pun kita usahakan semenjak beberapa tahun yang lalu dengan menubuhkan Badan Pencegah Rasuah dan pelbagai. Kemudiannya hari ini peringkat yang tertinggi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah kepada penambahbaikan daripada itu.

Saya yakin dan percaya dengan adanya rang undang-undang yang baru ini, kita semua dapat menghasilkan negara yang bebas daripada rasuah seperti mana yang kita pernah menyuarakannya juga, kita harus juga bebas daripada dadah. Jadi kita hendak *zero* dadah, kita juga banyak menyuarakan sesuatu *zero* dadah dalam negara kita, kita hendak juga *zero* setinggan atau rumah-rumah tanpa izin dan banyak lagi *zero-zero* yang kita telah usahakan. Sekarang ialah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga kita akan bawa kepada *zero* rasuah. Maka kita akan dianggap sebuah negara yang bebas daripada rasuah dan pembangunan negara yang akan kita hadapi sekarang ini ialah Wawasan 2020 iaitu sebuah negara yang maju dan untuk itu kita harus menghindarkan daripada rasuah.

Cadangan-cadangan, pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi, saya amat setuju. Saya dengan ini tidak akan memanjangkan lagi dan saya dengan ini menyokong Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Perbincangan ini akan lebih dimanfaatkan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berucap dapat peluang untuk merujuk kepada kupasan fenomena yang namanya rasuah yang dibuat oleh Mendiang Lee Sing Chooi. Jika Yang Berhormat rujuk kepada *Hansard* yang mana saya tidak pernah dengan kupasan mengenai apa dia hantu yang nama rasuah ini yang lebih baik daripada itu. Jika Yang Berhormat ada masa, boleh rujuk kepada *Hansard* khususnya ucapan Mendiang Lee Sing Chooi dalam soal yang sama. Tuan Ir. Haji Zamri.

### 3.04 ptg.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang yang berhasrat untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hakikat yang kita terima ialah rasuah merupakan jenayah yang paling berbahaya kepada masyarakat dan negara. Ianya umpama wabak yang menghancurkan seluruh negara dan harapan rakyat keseluruhannya. Jadi pandangan kita ke atas rasuah juga perlu dilihat dalam isu yang sebenar. Sebab itulah kelihatan perbincangan kita hari ini ianya bukan agenda politik tetapi adalah agenda pembangunan bangsa, kerana rasuah merupakan kuman yang boleh merosakkan pemerintahan dan negara.

Kita tahu dari sejarah Melayu lagi bagaimana rasuah telah menyebabkan kejatuhan Kesultanan Melaka, beberapa pemerintahan yang lama dan rasuah juga boleh menjadi penghalang kepada kemajuan ekonomi dan masyarakat. Sebab itu saya cukup tertarik dengan pandangan ataupun contoh sinis yang diberikan oleh Tan Sri P. Ramlee dalam filem Tiga Abdul itu, kebetulan pula ucapan saya selepas Tan Sri Jins. Bagaimana dalam filem tersebut kita melihat rasuah itu menular sehinggalah kepada penjaga pintu sambutan hari jadi kepada Tuan Ismeth Ulam Raja itu. Bagaimana hendak masuk pintu dia sebut namanya hilang, Sadik Sepakraga ada, Sadik Sigaraga tidak ada. Akan tetapi selepas diberikan rasuah Tuan Yang di-Pertua, bagaimana mereka ini boleh masuk disebut nama dengan terus terang, jelas.

Inilah antara yang kita sedihkan kerana sebagaimana disebut tadi oleh teman-teman kita yang tidak hairan kalau dengan kaedah rasuah ini pendatang asing pun boleh dapat kad pengenalan yang berciri teknologi tinggi itu. Jadi sebab itulah dari segi ekonominya rasuah meningkatkan kos dalam pengendalian negara dan juga menjejaskan prioriti pembangunan dan keselamatan negara serta menyebabkan pengagihan sumber yang salah. Akan tetapi yang saya dapat lihat teras utama kepada keberkesanan untuk kita usaha menangani rasuah ini melibatkan beberapa faktor yang cukup besar yang di antara lainnya adalah jentera pentadbiran pemerintahan sendiri dan kerajaan yang perlu juga telus disebut oleh teman-teman tadi dan juga melibatkan institusi awam yang banyak, dalam kita hendak menangani rasuah ini.

Sebab itulah kalau kita lihat meneliti kepada laporan Morgan Stanley yang menyebut setiap tahun negara ini ketirisan sebanyak sekitar RM10 bilion disebabkan rasuah yang bermaharajalela. Kalau kita kalikan dengan 10 tahun RM10 bilion sudah lebih daripada RM100 bilion yang kita hilang dalam masa 10 tahun. Itulah ketirisan, dan saya dengar daripada Yang Berhormat Akbar tadi, lebih daripada RM10 bilion yang disebabkan rasuah dalam perjalanan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berpuluh-puluh tahun kita berbicara untuk memerangi rasuah untuk membongkar hingga ke akar umbi. Biar ia tidak berjangkit menjadi kudis kepada negara ini. Sebab itulah pada kali ini saya melihat skop yang dibawa ataupun diliputi di bawah pindaan yang baru ini mengambil kira skop yang lebih luas kepada prinsipal yang disebut dalam akta pindaan ini.

Bagaimana prinsipal kali ini yang dimaksudkan "saudara" itu, kalau dahulunya hanyalah enam rakan kepada "saudara" ini, barangkali "saudara" itu melibatkan isteri atau suami orang itu. Adik atau abang atau kakak sehinggalah dibawakan, 'saudara' itu juga bermaksud menantu kepada orang itu.

Jadi saya rasa kalau dia sebut menantu kepada orang itu, sebaliknya juga melibatkan bapa mertua dalam kes yang ini dan juga mungkin mak mertua. Sekutu juga telah dikupaskan dengan agak baik untuk kali ini merangkumi skop yang lebih baik yang saya harapkan inilah antara pindaan yang menjadi permulaan kepada satu langkah yang lebih baik. Saya mengucapkan terima kasih kehadiran menteri untuk turut terlibat dalam perbincangan kita hari ini.

Definisi prinsipal yang cukup luas kemudian definisi suapan juga. Saya melihat kali ini agak cukup menyeluruh tetapi tentulah hasil kerja kita belum sempurna sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya langkah untuk melakukan yang terbaik.

Jadi saya melihat kepada akta yang dibawa ini ada beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh SPRM ketika *convert* daripada BPR ini kepada SPRM ialah antara yang kita hendakkan sedikit penjelasan daripada kementerian ataupun menteri tentang adakah kepimpinan kakitangan BPR sekarang ini dapat memenuhi cabaran baru dan harapan yang kita masukkan dalam pindaan ini. Adakah mereka bersedia menjalankan tugas baru? Adakah mereka benar-benar terlatih bukan sahaja dari segi perundangan dan operasi tetapi juga minda dan nilai baru yang hendak kita bawa ini?

Kita lihat sahajalah apa yang terjadi sekarang ini maksud saya apa yang sedang berlaku masih terdapat kes-kes yang tidak dapat diselesaikan ataupun tidak terselesai. Jadi kita harapkan sekiranya orang yang sama mendukung SPRM, maka kita bimbang ia tidak akan ke mana kerana kalau tidak dilatih, diterapkan nilai yang dibawa tadi.

Pepatah pernah sebut bunga ros itu bolehlah dipanggil dengan apa juga nama pun tetapi ianya tetaplah ros, masih bunga dan bau yang sama. Jadi kita pernah lihat, saya melihat, sejarah melihat bagaimana BPR juga pernah sebagai satu agensi yang berkesan ditakuti dan digeruni pada awal penubuhannya dulu. Walaupun pada ketika itu kakitangan yang jumlahnya kecil tetapi integriti yang dibawa cukup besar dan nampak kelihatan berjaya mengikut sejarah yang dapat saya singkapkan balik.

#### ■1510

Cuma saya melihat bagaimana integriti yang ada kepada dua orang pendokong kuat BPR ketika itu yang di bawah Tun Dr. Ismail dan Allahyarham Tan Sri Harun Hashim sebagai ketua pengarah. Jadi dengan itulah saya mengharapkan pemilihan ketua dan juga kakitangan seluruhnya SPRM kali ini terdiri daripada kalangan mereka yang benar-benar berkaliber dan berintegriti kerana ianya mungkin boleh memperbaiki keadaan. Cabaran yang keduanya ialah yang akan dihadapi oleh SPRM ialah kerana rasuah yang mengakar umbi sekarang ini.

Jadi kalau kita mencontohi SPRM kepada *Independence Commission Against Corruption* di Hong Kong itu saya melihat cabaran sama juga mungkin tidak sesama yang dihadapi di Hong Kong tapi sekurang-kurangnya hampir sama yang mereka juga perlu hadapi kerana mereka berdepan dengan sistem yang telah mengakar umbi. Khususnya cabaran yang dihadapi oleh ICAC di Hong Kong, saya minta supaya SPRM bersedia kerana di sana juga mereka menghadapi tekanan yang kuat daripada khususnya pihak polis di Hong Kong sehinggakan pada satu ketika ICAC juga telah dibuat satu *joke* ataupun jenaka ICAC sebagai, "*I can accept cash*". Yang itu bukan maksud yang sebenar tetapi kerana cabaran yang dihadapi oleh ICAC untuk bermulanya cabaran suruhanjaya itu menyebabkan mereka dinamakan sedemikian.

Pada peringkat awal saya melihat tahun 70-an di Hong Kong itu peringkat awal, lapan daripada 10 kes adalah melibatkan polis. Saya tak kata sama di Malaysia tapi saya ingin berikan peringatan kepada SPRM tentang cabaran yang akan mereka hadapi tetapi ianya berakhir setelah mereka benar-benar berpegang dengan konsep yang mereka bawa, cabaran tersebut dapat mereka lalui. Pada akhir 90-an hanyalah sekitar tiga daripada 10 kes rasuah di Hong Kong itu bukan sahaja melibatkan polis tapi juga seluruh institusi awam di Hong Kong dan kes terbarunya pada tahun 2003 juga bagaimana integriti ICAC itu seorang daripada Timbalan Pendakwa Raya sendiri juga telah didapati ada kes rasuah yang telah dihukum dan dipenjarakan tahun 2003.

Jadi itulah antara usaha memerangi rasuah tidak akan tercapai dengan hanya menumpu kepada hukuman ke atas perasuah melalui undang-undang kerana rasuah sudah menular ke dalam seluruh sektor baik kerajaan, swasta mahupun yang disebut tadi tentang sebahagian daripada parti-parti politik. Sebab itu satu lagi contoh yang saya tengok di sini saya ingin ingatkan SPRM ialah bagaimana tidak menggunakan seluruh tenaga hanyalah kepada kaedah yang menghukum.

ICAC kita dapati ketika yang sangat berkesan sekarang ini 72% daripada sumber tenaga ICAC ini digunakan untuk *operation* tapi bakinya hampir 30% digunakan dalam hubungan dengan masyarakat atau *term English* nya, *community relation* dan juga sebahagiannya lagi digunakan untuk kempen pembasmian rasuah. Satu lagi usaha yang saya rasa perlu diambil berat bukan sekadar kita melaksanakan hukum untuk selesaikan masalah rasuah di Malaysia ini.

Satu lagi cabaran yang juga akan dihadapi oleh SPRM yang juga ingin kita ingatkan daripada awal ialah tentang setelah SPRM selesai menyasat sesuatu kes tidak tentu lagi hukuman atau undang-undang terlaksana sekiranya kerjasama tidak dapat sepenuhnya daripada dua institusi yang cukup penting iaitu institusi Peguam Negara dan institusi kehakiman. Sekiranya dua-dua institusi ini tidak mendukung undang-undang dan keadilan, kita tengok beberapa kes yang terbaru, yang terdekat, yang hampir sama ataupun seperti contoh dalam kes video Linggam juga yang kita tengok bagaimana siasatan telah selesai. Sebahagiannya dibuktikan tetapi belum dapat dilaksanakan dengan baik.

Jadi cabarannya juga adalah kerana kerajaan perlu membaiki urusan pentadbiran untuk memudahkan SPRM ini bergerak iaitu dari segi dalam *term* dengan izin, *delivery system* pada semua peringkat jabatan kerajaan yang disebut lebih 1 juta tadi yang berhubungan dengan sektor awam dan swasta khususnya. Sebab dalam pengalaman kita terlibat hampir 20 tahun dalam bidang pembinaan dan pengurusan projek ini kita melihat Tuan Yang di-Pertua, siapa lagi yang mahu merasuah sekiranya tidak ada kelewatan atau halangan dalam urusan mendapat kelulusan perniagaan itu tidak terlibat. Maknanya kalaulah *delivery system* tadi sesuai, lancar, saya rasa tidak akan berlaku rasuah dalam kes sini. Tidak ada yang akan memberi. Kalau dalam contoh Tiga Abdul tadi saya rasa kalau keluarga Sadik Segaraga itu datang namanya sudah ada dia tak perlu suap lagi kepada penjaga pintu dalam kes tadi.

Satu lagi bahagian yang ingin saya sentuh ialah bagaimana sekiranya pelantikan ketua suruhanjaya dan semua jawatankuasa yang dilantik ini yang masih lagi di atas ataupun bergantung kepada nasihat Perdana Menteri. Ianya bergantung sangat subjektif. Memang ada pihak yang boleh merasakan negatif, ada yang merasakan sangat positif tetapi yang pentingnya ialah kalau berlaku adil dan berlaku kebaikan dan sangat memerlukan, menginginkan kebaikan dalam sistem ini, Perdana Menteri yang bersifat terbuka, telus akan memberikan ruang untuk perbincangan, untuk mendapatkan orang-orang yang terbaik dan berkaliber dalam kes ini.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut tentang kayu ukur yang hendak kita lihat kepada kejayaan SPRM ini ialah perlu ada satu kayu ukur sama ada pelaksanaan rang undang-undang ini berkesan atau tidak dalam membanteras rasuah. Jadi kalau kita lihat balik pada tahun 2005 Malaysia menduduki tangga ke 39 disebut oleh teman-teman tadi dalam *ranking international transparency*. Kemudian jatuh ke tangga 44 tahun 2006 dan cuba naik sedikit tahun 2007 pada 43 tapi masih mencatat persepsi indeks 5.1% juga disebut tadi tetapi turun kembali ke tahap 47 pada tahun 2008.

Jadi kita harapkan SPRM akan membawa satu misi untuk memperbaiki kedudukan kita di indeks antarabangsa. Kalau sekarang 47, dalam masa terdekat harus turun dalam kedudukan 40 dan sebaiknya saya rasakan kita perlu berada balik pada ranking sekitar 20 kerana kita mengikut Hong Kong di mana Hong Kong pada ketika ini dengan indeks 8.5 menduduki tangga yang ke 15 yang kita rasa kita mampu untuk berada di tahap tersebut. Jadi saya mengakhiri dengan harapan yang besar, harapan rakyat Malaysia bahawa langkah mewujudkan SPRM ini sebagai langkah yang menunjukkan bahawa komitmen Malaysia untuk memperbaiki tahap pentadbiran ke hadapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri harus akur bahawa rang undang-undang yang dibentangkan belum sempurna dan perlu ditanamkan iltizam untuk menambah baik dari semasa ke semasa jika kita benar-benar insaf bahawa Malaysia perlu dibersihkan dari segala gejala rasuah kalaulah kita ambil iktibar daripada ICAC di Hong Kong tadi. Jadi dengan itu, sekian saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Ahmad bin Husin selepas itu, belum bersedia lagi Yang Berhormat? Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

### 3.18 ptg.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut serta memberi perbahasan di dalam rang undang-undang SPRM yang baru dibentangkan pagi tadi.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah betul-betul serius dan jujur dalam membentangkan rang undang-undang ini supaya jelas dan teratur kuasa-kuasa yang ada pada pihak yang akan melaksanakan undang-undang ini dan juga kepada semua rakyat jelata agar jelas apa itu suapan, apa itu rasuah, tidak seperti dahulu mungkin ada samar-samar definisi suapan, rasuah dan sebagainya. Saya ingin ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan.

Dalam pengalaman saya sebagai seorang peguam saya pernah juga membela kes-kes yang berkaitan rasuah. Ada di dalam pengalaman saya ada betul-betul berlaku rasuah dan ada sesetengah yang lain rasuah tidak berlaku tapi persepsi dan anggapan rasuah itu telah diketengahkan.

#### ■1520

Namun begitu, sebagai seorang peguam pada hemat saya, kita menolong pihak mahkamah untuk mendapatkan keadilan. Apa sebenarnya keadilan jika seseorang itu dihukum kerana telah disabitkan kesalahan rasuah. Apakah hukuman yang patut diletakkan kepada dia. Itu dulu, semasa saya membela beberapa kes. Ada juga kes yang dibela dan terlepas daripada tuduhan disebabkan beberapa perkara yang boleh dikatakan menghampakan pihak pendakwaan, kerana daripada segi teknikalnya ataupun daripada segi pembentangan penyataan atau *production of evidence*, dengan izin, yang tidak dapat diterima oleh mahkamah dan mengikut pengalaman saya, saya juga pernah disuruh memberi, menolong pihak BPR dalam satu seminar di Kuching untuk memberi pandangan saya sebagai seorang peguam.

Apakah yang dapat kita bantu daripada pihak kita untuk memberi input mengenai bagaimana memperkukuhkan undang-undang anti rasuah ini supaya dapat pihak BPR melaksanakan tugas mereka dengan lebih profesional lagi. Jadi saya pernah menolong juga pihak BPR memberi seminar. Apabila saya dijemput oleh ketua pengarah yang sedia ada ini, masa itu dia seorang pengarah penyiasatan dan dengan sukacitanya kita pun memberi kerjasama yang baik, dan saya dapati selepas membandingkan beberapa perkara di dalam pengalaman saya dengan undang-undang yang sedia ada ini, saya lihat undang-undang ini lebih holistik, lebih merangkumi perkara yang diperlukan untuk membanteras rasuah. Namun begitu, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, saya juga mempunyai peranan untuk memberi pandangan dan pertanyaan saya mengenai apakah undang-undang ini di dalam pelaksanaannya akan mempunyai unsur-unsur *retroactive* atau *retrospective*, dengan izin atau dengan kata atau istilah undang-undang *ex post-facto*.

Walaupun undang-undang ini bukan berunsur *ex post-facto* ataupun undang-undang yang mempunyai ciri-ciri atau unsur-unsur yang boleh mengaitkan secara *retrospective*, iaitu kisah-kisah ataupun peristiwa-peristiwa sebelum pelaksanaan undang-undang ini atau sebelum wujudnya undang-undang ini, tetapi secara teknikalnya saya rasa daripada segi pelaksanaan, pihak kerajaan haruslah mengambil kira sama ada pelaksanaan undang-undang ini mempunyai *effect* ataupun kesan *ex post-facto*, ha itu pertanyaan saya. Sebabnya saya memberi pertanyaan ini ialah kerana di dalam apa jua undang-undang *criminal* di negara-negara yang mengamalkan undang-undang *rule of law*, kita tidak mahu bila ada satu undang-undang baru yang memansuhkan undang-undang lama, ia mempunyai *ex post-facto*.

Jadi, di dalam negara-negara yang mengamalkan *rule of law* seperti United Kingdom, Kanada, Malaysia, Singapura, Hong Kong termasuk yang lain-lainnya, kita tidak mahu nanti ada wujudnya ketidakadilan, ada wujudnya *miscarriage of justice* di mana undang-undang itu kalau dulunya definisi ataupun istilah-istilah tertentu di dalam undang-undang baru itu kalau dulunya tidak menjadi kesalahan, tetapi oleh kerana undang-undang yang baru ini, ia menjadi kesalahan.

So, dengan akhir katanya, dengan wujudnya undang-undang baru, adakah perubahan atau *changes*, dengan izin yang berlaku mengenai definisinya. Kalau dulu tak jadi kesalahan, sekarang jadi kesalahan. Kalau dulunya kesalahan ringan, sekarang jadi kesalahan berat, kalau dulunya hukumannya ringan, sekarang hukumannya berat.

Kalau dulunya mengenai *rule of evidence*, dengan izin, ataupun peraturan pembentangan kenyataan di mahkamah itu berbeza, dengan undang-undang baru ini mungkin wujudnya cara yang lain pula. Jadi, oleh kerana yang sedemikian, rakyat kita harus dididik, pegawai-pegawai awam kita harus dididik, semua lapisan masyarakat kita harus dididik. Para hakim, para peguam pun harus mengetahui impak, *effect* dan kesan mana-mana yang ada di dalam undang-undang baru ini supaya tidak terjerat seseorang dengan keadaan yang tidak disedarinya, dia melakukan apa yang dulu bukan salah tetapi sekarang jadi salah. Saya tak mahu sentuh secara spesifik, hanya secara umumnya saya ingin mengatakan janganlah undang-undang ini mempunyai daripada segi pelaksanaannya *effect of the ex post-facto* yang saya jelaskan sebelum ini.

Selain daripada itu, kita mahu pihak SPRM itu sendiri mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di negara-negara yang lebih maju, dengan undang-undang yang telah diubah dan disusun atur dengan lebih rapi seperti di Hong Kong tadi, tetapi harus kita ambil latar belakang kewujudannya undang-undang yang ada di Hong Kong itu, yang kita contohi itu untuk memanfaatkan negara kita. Menyusul daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri, di Hong Kong, selepas undang-undang ini dibuat, selalunya pihak yang baru diambil bekerja seperti *new recruit in the Police Force* Hong Kong dengan izin, pihak *Commissioner of Enquiry* Hong Kong mendapati *new recruit* ini, orang-orang baru, *freshie* ataupun *rookies* adalah yang paling menjadi *soft target* rasuah.

Saya rasa bukan saja pihak polis, tetapi kalau kita ambil iktibar daripada situ, siapa saja yang baru menjawat jawatan awam ataupun mana-mana jawatan yang mempunyai kuasa, yang mempunyai kaitan dengan kehendak *public*, kita harus didik mereka menerusi latihan, daripada segi pendedahan, daripada segi pengajaran yang benar-benar berkesan, apakah itu pengajaran dan latihan, kita serahlah kepada pihak SPRM. Mereka lebih arif tentang apa yang patut didedahkan kepada pelatih-pelatih baru mereka, juga pihak polis dan pihak penjawat-penjawat awam. Kalau boleh SPRM memberi garis panduan kepada semua jabatan awam dan kakitangannya supaya mereka juga dapat memberi tunjuk ajar di dalam semua lapisan jawatan yang ada di dalam *civil service*, dengan izin.

#### ■1530

Jadi itu satu sudut yang saya rasa harus diberi penekanan. Kedua, untuk melatih rakyat-rakyat jelata membenci rasuah, saya rasa seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin tadi, saya rasa harus diberi penekanan yang lebih mantap lagi. Di Hong Kong seperti yang saya baca menerusi *case study "Action Against Corruptions, Hong Kong in China"* yang diterbitkan dalam *internet*. Mereka mengeluarkan iklan-iklan menerusi TV dan radio. Caranya mungkin berbeza di sini tetapi pokoknya mereka membuat *appeal* ataupun rayuan. Merayu kepada pihak awam, *appeal to the public* untuk melaporkan rasuah.

Kedua, mereka memberi amaran iaitu rasuah tetap dapat dihidu dan dapat dikesan walaupun tutup, di timbun berbagai rupa oleh pihak yang mengamalkannya. Ketiga, pokoknya tadi iklan mereka itu tadi. Mereka membuat *pleading for honest dealing* dengan izin. *Pleading* ini saya rasa memohon pada semua untuk berlaku jujur supaya memanfaatkan masyarakat. Selain daripada itu, pihak ICAC yang disebut oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf sebentar tadi iaitu sama dengan SPRM juga mewujudkan *educations packages*. Pakej pembelajaran supaya pihak guru-guru dapat menggunakan *supporting materials* ini dengan izin dengan lebih berkesan, lebih daripada *chalk and talked*. Lebih kepada *chalk*, kapur dan bercakap sahaja. Ia lebih berkesan difahami anak-anak daripada semua lapisan sekolah, semua peringkat sekolah.

Selain daripada itu, mereka mewujudkan program-program latihan untuk 20,000 penjawat awam tiap-tiap tahun dan juga mereka buat seumpamanya kepada pihak *private sector*. Ditambah pula dengan adanya *community relations department* yang ada sangkut paut dengan ICAC ini mungkin. Mereka membuat kempen besar-besaran mengenai *business ethics* dan *good image* untuk semua pihak, semua organisasi, semua ahli-ahli syarikat di *private sector*.

Jadi, saya rasa iktibar-iktibar sedemikian haruslah kita ambil. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin juga menekankan seksyen 72 di dalam rang undang-undang yang baru memberi kekebalan kepada pihak yang berwajib seperti pegawai dan semua yang ada kaitan dengan SPRM dalam menjalankan tugas mereka. Kekebalan ini adalah daripada saman, tindakan mahkamah ataupun tuduhan. Dengan adanya kekebalan ini mereka bolehlah dikatakan bersedia dan berani untuk membuat penyiasatan di dalam mana-mana *allegations of corruptions* dengan berani, *without fear or favour*, dengan izin. Hanya saya ingin tekankan walaupun ada kekebalan, pihak-pihak yang sebegini tadi haruslah melaksanakan undang-undang yang harus dilaksanakan mulai 1 Januari 2009 ini dengan berhemat. Jangan nanti ada *miscarry job justice*. Jangan juga ada *unconscionable act*, dengan izin, di pihak mereka. Jangan ada mana-mana individu tertekan, teraniaya dari segi hak-hak mereka yang ada dalam Perlembagaan.

Oleh kerana terlalu beria-ria ataupun dalam erti kata dalam bahasa Inggerisnya *overzealous*, takut nanti yang teraniaya tidak dapat menuntut apa-apa. Maka mereka pun kebal tetapi saya rasa oleh sebab undang-undang yang sebegini, kalau dahulu *Attorney General* menjadi pemegang kuasa yang mutlak dalam apa-apa kes penyiasatan. Sekarang ini *public prosecuted* di bawah SPRM yang diperturunkan kuasa ataupun diberi kuasa oleh mereka. Hanya *back tracking* sikit, *Attorney General* dalam konsep *rule of law* yang kita anuti daripada Inggeris dan semua ahli-ahli Komanwel berpegang kepada prinsip iaitu *Attorney General* itu adalah *the keeper of the king's conscience*, dengan izin. *Keeper of the king's conscience* maknanya pemegang..., saya pun tidak hendak jelas dalam bahasa Malaysia, mungkin saudara-saudara boleh tolong saya nanti.

Jadi oleh kerana adanya *the keeper of the king's conscience, the person of the Attorney General* dengan izin, maka boleh kata terjaminlah hak-hak seseorang individu jikalau berlaku apa jua kesilapan di pihak pendakwa kah ke atas individu itu di mana undang-undang tidak dapat menolong individu itu maka acuity akan membantu. So, Antonio General adalah *the keeper of the king conscience* yang akan memberi pengadilan ataupun keadilan, *justice* kepada individu yang teraniaya itu. Akan tetapi di sini kerana kuasa *Attorney General* itu mungkin telah dialihkan kepada *public prosecuted* dan terus dimasukkan sekali di dalam kuasa SPRM ataupun *Chief Commissioner* ataupun Ketua Pesuruhjaya. Maka konsep *keeper of king conscience* itu mungkin ada telah berubah. Mungkin tidak ada sama lagi dengan konsep yang ada terdahulu. Itu sahaja saya ingin tanya dengan kementerian, pihak Menteri sekiralah terjadi penganiaya terhadap mana-mana individu.

Mungkin maklumat salah kah, mungkin tindakan terlalu terburu-buru, maka pihak yang dikatakan mengatakan rasuah itu telah diberkas dan sebagainya. Akan tetapi oleh kerana pegawai-pegawai ini kebal daripada tindakan undang-undang, maka individu itu tetap teraniaya. Maka di manakah petahnya nanti keadilan, *justice*. Kita sudah tidak ada *the keeper king conscience* di sini. Itu konsepnya. Itu saya serah pada pihak kementerian untuk menjawab.

#### ■1540

Oleh kerana ada kekebalan itulah maka kuasanya begitu cukup kuat, cukup kukuh bagi pegawai-pegawai ini. Saya harap kalau mereka jalankan juga serta melaksanakan semua kuasa-kuasa ini, tidak menghiraukan iaitu *the rules of law* dan tidak membenarkan dengan izin, *ex post-facto defect*, saya harap kekebalan itu tidak disalahgunakan. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini dengan ucapan juga kepada pihak yang berkenaan. Selamat bertugas dan selamat membasmi rasuah, moga-moga Malaysia negara kita tercinta akan dapat ditempatkan pada indeks transparansi *international* dalam kedudukan yang lebih membanggakan kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2008. Terlebih dahulu juga, saya merakamkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dapat membentangkan rang undang-undang ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 bagi menjadikan proses menangani rasuah di negara ini menjadi lebih cekap dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya telah banyak yang dipertakakan oleh Ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan ini ataupun di Dewan Rakyat. Di samping itu, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dan menyokong penggubalan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap pendek sahaja iaitu merujuk kepada fungsi pegawai suruhanjaya iaitu perkara 7(a) hingga (g) iaitu daripada mula terima aduan, mengesan dan menyiasat sehinggalah kepada perkara (g) iaitu mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah. Justeru, daripada fungsi yang dinyatakan saya dapati semua proses amat memerlukan kepakaran, pengalaman dan perancangan yang khusus oleh setiap pegawai suruhanjaya. Di sini timbul sedikit kekhawatiran saya bagaimana pihak suruhanjaya ini boleh memastikan pegawai mereka mempunyai kepakaran yang baik untuk membasmi rasuah di negara ini.

Seterusnya, menunaikan harapan tinggi masyarakat untuk melihat kedudukan negara berada di tangga yang lebih baik mengikut indeks persepsi rasuah yang kini semakin merosot iaitu daripada tangga 37 merosot kepada tangga 43 dan seterusnya menjunam kepada 47 tahun 2008. Tuan Yang di-Pertua, saya faham pengalaman dan kepakaran tidak boleh diperolehi dalam masa yang singkat. Namun, sekiranya kepakaran pegawai ini tidak ditingkatkan, saya juga khuatir dengan penambahan pegawai seramai 5,000 orang kita tidak mampu untuk menangani masalah rasuah di negara ini.

Justeru itu, dengan menjaga kualiti pegawai suruhanjaya saya ingin mencadangkan agar segala urusan dan prosedur pengambilan pelantikan dan pentadbiran pegawai hendaklah dilakukan oleh satu bebas atau satu jawatankuasa khusus. Jawatankuasa ini adalah yang bersandarkan kepada kriteria-kriteria tertentu dan bukannya melalui pelantikan seperti kakitangan awam yang ada. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar pihak suruhanjaya ini mempunyai peraturan, perundangan dan tata tertibnya sendiri yang sesuai. Sebagai contohnya seperti gaji, elaun yang lebih tinggi daripada kakitangan awam sekarang. Itu juga sekiranya seseorang pegawai itu melakukan kesalahan, maka denda yang lebih tinggi harus dikenakan berbanding dengan kakitangan awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan meningkatkan kemahiran dan integriti kakitangan suruhanjaya ini, saya juga ingin mencadangkan satu institusi latihan khas yang lengkap ditubuhkan bagi melatih semua kakitangan dan juga pegawai suruhanjaya ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan daripada kerajaan mengenai fungsi suruhanjaya ini dan aspek untuk mendidik masyarakat benci rasuah. Jika dilihat Perkara 7(f) iaitu mendidik orang ramai untuk menentang rasuah, apakah bentuk program atau platform yang akan digunakan oleh suruhanjaya ini bagi tujuan mendidik masyarakat benci rasuah?

Ini kerana untuk menyiasat salah laku rasuah yang sedang berlaku boleh dilakukan dengan segera. Namun, untuk mendidik masyarakat benci rasuah dan meningkatkan integriti masyarakat adalah satu cabaran yang amat besar kepada suruhanjaya ini. Tuan Yang di-Pertua, kita juga maklum untuk memerangi rasuah bukan hanya terletak di bahu suruhanjaya ini sahaja. Akan tetapi komitmen dan kerjasama dari semua pihak amat diperlukan. Namun begitu, badan khas yang mempunyai kuasa untuk bertindak menangani secara komprehensif isu rasuah ini, saya ingin mencadangkan agar suruhanjaya juga memberi komitmen yang tinggi dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat dengan menyebarkan maklumat mengenai kesalahan dan juga kesan buruk rasuah dan tindakan-tindakan yang boleh dikenakan kepada pesalah rasuah.

Di sini saya ingin mencadangkan agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2008 juga mempunyai media yang tersendiri ataupun diberi slot di waktu dengan izin *prime time* oleh RTM atau mana-mana media swasta.

Ini bagi tujuan pendidikan dan untuk meningkatkan kesedaran gejala rasuah di kalangan masyarakat dan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai peranan suruhanjaya yang akan ditubuhkan ini dalam mengendalikan kes-kes laporan rasuah yang telah dilaporkan sebelum 1 Januari 2009. Adakah kes-kes rasuah akan terus disiasat mengikut undang-undang baru atau bagaimana?

Ini kerana antara faktor utama untuk mengembalikan imej Badan Pencegah Rasuah yang telah tercalar bukan hanya untuk menyelesaikan kes-kes yang kecil atau sering kali diandaikan sebagai kes anak ikan. Akan tetapi sebaliknya adalah amat penting suruhanjaya yang baru ditubuhkan ini menyelesaikan kes rasuah yang diketahui umum dan juga kes-kes yang berprofil tinggi. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee kemudian Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau dengan singkatnya SPRM. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berani membuat pembaharuan dalam usaha untuk membanteras usaha rasuah di negara kita ini dengan menggubal Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau SPRM ini.

Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar serius dan komited untuk mengubah persepsi negatif rakyat terhadap Badan Pencegah Rasuah. Selama ini Tuan Yang di-Pertua, BPR sering menjadi sasaran rakyat kerana dikatakan kurang cekap untuk menangani kes rasuah. BPR juga dikatakan lambat bertindak, kekurangan kakitangan untuk menyiasat kes dan BPR dianggap kurang memberi tumpuan kepada ikan-ikan jerung. Akan tetapi tertumpu kepada ikan-ikan bilis dan macam-macam lagi tohmahan yang dilemparkan kepada BPR.

■1550

**Datuk Wira Syed Ali Alhabshee:** Kita dapati bahawa SPRM ini begitu komprehensif sekali Tuan Yang di-Pertua, mengandungi 74 fasal ia nya mengambil contoh Suruhanjaya Bebas membanteras rasuah di Hong Kong atau ICAC dan juga *Independence Commission Against Corruption* di New South Wales, Australia yang diiktiraf sebagai Agensi Pencegahan Rasuah antara yang terbaik di dunia.

Harapan saya Tuan Yang di-Pertua, apabila rang undang-undang ini telah diluluskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah perlu ada keberanian untuk menguatkuasakan akta ini. Jangan kita dah lulus rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita tidak berani untuk menguatkuasakan dan kita mahu Tuan Yang di-Pertua, akta ini bukan saja sedap pandangan mata sahaja, tetapi tidak ada keberanian dari segi penguatkuasaan.

Mana-mana akta yang telah diluluskan Tuan Yang di-Pertua, pokok pangkalnya penguatkuasaan perlu diambil oleh setelah diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat seksyen 5, subseksyen 6 digubal maka Ketua Suruhanjaya mempunyai kuasa Timbalan Pendakwa Raya. Ini membuktikan bahawa kerajaan bersikap telus bagi memastikan bahawa SPRM ini benar-benar bebas dan ada integriti tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara seperti amalan sebelum ini.

Ini sekali gus Tuan Yang di-Pertua, dapat mengikis persepsi negatif rakyat yang selama ini beranggapan bahawa BPR tidak bebas. Rakyat selama ini menganggap wujud campur tangan Jabatan Peguam Negara dalam menentukan sesuatu kes rasuah. Harapan saya lima badan bebas yang bertindak sebagai pemantau untuk memastikan ketelusan dan integriti SPRM iaitu Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Kajian Semula Operasi, Panel Konservatif dan Pencegahan Rasuah.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu ahli-ahli yang menduduki lima badan bebas ini benar-benar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan adil dan profesional tanpa ada rasa takut, dan kedua, ahli-ahli yang dilantik untuk menduduki lima badan bebas ini mestilah ditapis oleh satu Jawatankuasa Khas yang mereka yang terpilih ini benar-benar bebas dari sebarang tuduhan.

Mereka mestilah bersih, mempunyai moral peribadi yang tinggi, tidak mempunyai sebarang kes atau kontroversi, saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kesemua lima badan bebas ini akan mempunyai wakil daripada ahli Dewan rakyat dan Ahli Dewan Negara. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ahli wakil Dewan Negara dan Dewan Rakyat perlu duduk dalam badan bebas ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan pada tahun 2008, BPR akan mengambil lima ratus kakitangan baru dan dalam tempoh lima tahun akan ditambah kepada 5000 orang. Saya menyambut baik Tuan Yang di-Pertua, cadangan penambahan kakitangan BPR supaya siasatan kes dapat dilakukan dengan cekap dan pantas. Walau bagaimanapun dalam usaha BPR menambah kakitangan BPR, janganlah terlepas pandang beberapa perkara iaitu pemilihan anggota baru BPR mestilah melalui proses penapisan yang ketat agar anggota yang berkhidmat dengan BPR mestilah mempunyai kualiti, kita jangan hanya mementingkan kuantiti tapi kita terlepas pandang kualiti.

Pakej gaji yang menarik juga perlu diberi kepada anggota BPR, jika gaji anggota BPR rendah kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, anggota akan terdedah kepada unsur-unsur penyelewengan yang boleh membawa kepada elemen rasuah di kalangan kakitangan BPR. Tuan Yang di-Pertua, usaha membanteras rasuah mestilah menyeluruh di sektor swasta dan kerajaan, yang banyak memberi rasuah kepada kakitangan perkhidmatan awam ini datangnya daripada sektor swasta kerana mereka ini Tuan Yang di-Pertua, akan melobi untuk memenangi sesuatu tender.

Mohon Menteri di Jabatan Perdana Menteri spesifik kes rasuah dalam sektor swasta dan juga sektor perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada beberapa persoalan iaitu adakah pekerja di sektor swasta mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap bahayanya amalan rasuah. Banyak penekanan yang dibuat oleh kerajaan terhadap sektor perkhidmatan awam tidak adil jika usaha membanteras rasuah hanya hebat di peringkat sektor perkhidmatan awam sahaja, tidakkah kerajaan berhasrat untuk merancang strategi berkesan seperti Kempen Mencegah rasuah di sektor-sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memasukkan tajuk tentang rasuah di peringkat sekolah dan menengah hingga ke peringkat universiti. Rakyat perlu dididik dari peringkat sekolah lagi tentang bahayanya amalan rasuah, mungkin rasuah boleh diajar di dalam mata pelajaran Agama dan Moral. Didikan di peringkat sekolah amat penting kerana lebih mudah untuk kita mendidik anak-anak kita berbanding mendidik orang-orang yang sudah dewasa, melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar juga perlu diberi kefahaman, apa maksud rasuah, apa yang dikatakan pemberi rasuah dan apa yang dikatakan penerima rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan rang undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008. Berkenaan dengan rang undang-undang yang berada di hadapan kita ini, saya ingin merujuk kepada Laporan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional 2007 yang dibentangkan oleh Institut Integriti Malaysia. Kebanyakan kita merujuk kepada laporan yang dilaporkan oleh *Corruption Perception Index* atau CPI oleh *Transparency International*. Saya ingin merujuk kepada IIM yang telah pun membuat kajian tentang indeks, tentang rasuah di Malaysia dan laporan yang dibuat oleh IIM ini jelas menunjukkan bahawa di kalangan rakyat 53.9% mendapati amalan rasuah ini adalah terlalu tinggi.

Daripada dapatan fakta yang telah dikemukakan oleh IIM, rasuah yang tertinggi adalah di sektor politik, di mana respons-respons memberikan maklumat bahawa 52.5% daripada keseluruhan *responden* yang ditemu ramah oleh IIM mendapati bahawa rasuah dalam sektor politik adalah tidak terkawal.

Jadi berkaitan dengan perkara ini yang ingin saya hujahkan di sini ialah bila mana disebut antara punca rasuah yang terbesar adalah berada dalam sektor politik, bermakna untuk kita mengatasi masalah rasuah yang paling penting ialah *political will* dan usaha kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 ini merupakan satu *political will* di peringkat awal untuk kita benar-benar menentang rasuah.

Walau bagaimanapun, sekiranya kita mengambil contoh dari Hong Kong, saya rasa tidak salah kalau kita juga boleh mengambil contoh dari negara Korea yang telah pun melancarkan satu program yang dinamakan K-PACT yang mengandungi beberapa perkara yang mereka buat untuk mengatasi masalah rasuah khususnya berkaitan dengan sektor politik di mana negara mereka telah pun menggubal beberapa akta yang jelas mengawal serta menyekat ahli-ahli politik daripada terlibat dengan sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan rasuah politik.

Ini kerana sekiranya tidak dikawal, ia akan menyebabkan sektor-sektor lain juga turut terlibat sama, saya ingin merujuk kepada contoh yang telah dibuat oleh Umar Abdul Aziz, di mana dalam konteks sejarah Islam, Umar Abdul Aziz telah memerintah Khalifah Islamiah ini telah memerintah selama tiga tahun setengah. Dalam masa tiga tahun setengah ini beliau telah berjaya menyebabkan tidak ada rakyat yang layak untuk menerima zakat, sebab semuanya berada dalam keadaan senang.

Oleh yang demikian saya menyeru dalam usaha kita meluluskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini, sepatutnya kita mempunyai *time frame* yang benar-benar jitu sekiranya Umar Abdul Aziz boleh melaksanakan dalam masa tiga tahun setengah. Kemungkinan kita boleh membuat dalam masa yang terdekat juga dengan menggunakan beberapa mekanisme yang perlu kerana perkara ini perkara yang amat-amat mengganggu.

#### ■1600

Saya juga mengambil maklum daripada cadangan yang dikemukakan oleh *Institute Integrity Malaysia* ini bahawa antara perkara cadangan penambahbaikan yang diperlukan untuk memastikan kualiti penyampaian khidmat awam berubah dan mengelakkan daripada rasuah ialah latihan tersebut mestilah mengambil kira aspek pembangunan kerohanian dan jati diri dan dalam konteks ini saya ingin mendapatkan maklumat daripada kerajaan bagaimanakah pihak kerajaan khususnya di pihak JAKIM telah menggubal apa-apa *syllabus* ataupun perkara yang perlu dipatuhi khususnya melibatkan aspek pembangunan kerohanian dan jati diri.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh teruskan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pembangunan spiritual dan jati diri ini kita merasakan bahawa tidak boleh hanya kita letakkan perkara untuk pembangunan spiritual dan jati diri ini hanya kepada ibu bapa tetapi perlu kepada penggubalan satu dasar yang lengkap dan jelas di pihak berkuasa agama negeri agar perkara ini menjadi satu asas yang penting dan perlu diperingatkan kembali dalam semua khutbah-khutbah Jumaat termasuk juga dengan aspek-aspek pendidikan agama kerana kita melihat bahawa masalah rasuah sebagaimana takrifan yang diberikan dalam suruhanjaya ini meliputi pelbagai perkara dan perkara ini memerlukan kesedaran peribadi orang yang menerima dan orang yang memberi. Sekiranya tidak wujud satu kesedaran secara spiritual oleh orang yang menerima dan memberi perkara ini masih akan terus berleluasa.

Kerana kita difahamkan daripada akta ini bahawa sekiranya berlaku sebarang kes yang melibatkan kes rasuah, pihak yang terkena transaksi mestilah melaporkan kepada pegawai polis berdekatan atau kepada pegawai suruhanjaya.

Bagaimana pula kalau yang terlibat sendiri pegawai polis dan juga pihak suruhanjaya sendiri? Ini menyebabkan kita merasakan bahawa yang terpenting yang mesti ditekankan oleh kerajaan pada peringkat ini ialah pembinaan spiritual kepada semua penjawat awam juga kepada masyarakat bagaimana perkara ini dapat kita elakkan. Sekiranya perkara ini tidak dibuat secara baik dan secara tersusun oleh pihak JAKIM dan pihak agama negeri, kita percaya bahawa apa pun undang-undang yang kita gubal dan kita luluskan di Parlimen ini ianya tidak akan memberikan kesan yang drastik kepada perubahan kerana saya dimaklumkan semasa pembentangan kertas kerja oleh pihak IIM, sekiranya negara kita tidak membuat tindakan yang drastik dalam masa tujuh tahun berdasarkan kepada *evidence-evidence* dan keadaan-keadaan yang berlaku, kita dikatakan akan berada sebagaimana Kerajaan Zimbabwe.

Ini menunjukkan bahawa sekiranya rasuah ini tidak difahami oleh semua pihak khususnya oleh pihak berkuasa agama dan tidak dibuat tindakan dari sudut menambahbaikkan pendidikan agama di sekolah-sekolah saya rasa perkara ini tidak dapat dibuat dengan cara yang baik. Yang kedua berkaitan dengan seksyen 25, di mana dimaklumkan bawah mana-mana orang yang terlibat dengan transaksi mestilah melaporkan kepada pihak kerajaan bahawa mereka telah pun diberi dan dijanjikan suapan. Yang kita ingin tahu ialah sebagaimana yang telah dilaporkan dalam akhbar hari ini bahawa mana-mana orang yang telah melaporkan kepada suruhanjaya ini tetapi tidak mempunyai bukti yang kukuh ataupun dikatakan memfitnah, mereka akan juga dikenakan hukuman.

Jadi, sekiranya perkara ini tidak diterangkan dengan kadar yang betul, saya percaya rakyat bukan hanya takut untuk melaporkan rasuah, tetapi mereka berasa ragu-ragu, mungkin setelah mereka lapor mereka gagal untuk memberikan bukti tentang perbuatan rasuah yang berlaku. Ini kerana perbuatan rasuah berlaku dalam proses yang cukup rumit iaitu boleh jadi orang itu diberi dijanjikan atau ditawarkan apa-apa suapan. Jadi perkara tersebut belum lagi nampak dari sudut secara materialnya. Akan tetapi secara janji. Jadi bagaimana perkara ini boleh kita yakinkan kepada masyarakat bahawa sekiranya pihak yang melaporkan hanya syak pun mereka melaporkan tanpa mereka ini dilibatkan pula dengan tuduhan, ingin memfitnah mana-mana individu yang telah dilaporkan terlibat dalam kes rasuah tadi.

Seterusnya berkaitan dengan seksyen 58 dan 59 iaitu berkaitan dengan kuasa pendakwa raya dan kuasa Mahkamah Sesyen. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan bahawa bila mana disebut bahawa pegawai pendakwa raya yang akan bertindak sebagai pegawai pendakwa untuk kes-kes suapan, kebiasaannya kes-kes suapan ini melibatkan kes-kes jenayah komersial. Dan kes-kes jenayah komersial ini biasanya melibatkan fail-fail yang tebal dan kebanyakan kes sebagaimana yang saya difahamkan sebelum ini bahawa ramai anak kita yang baru keluar dari universiti mereka ini akan diberikan kes-kes yang sebegini. Jadi sekiranya kes-kes melibatkan *commercial crime* ini diberikan kepada pendakwa raya-pendakwa raya muda ini sebenarnya boleh menimbulkan banyak permasalahan kerana satu, ketidapakaran mereka tentang undang-undang dan kedua berkaitan dengan bagaimana mereka boleh meneliti fail-fail yang saya difahamkan kadang-kadang lebih tinggi daripada orang berdiri.

Bagaimana mereka ini boleh meneliti fail kerana transaksi ini terlibat dalam bentuk yang mungkin lebih khusus. Jadi saya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Senator Tuan Osman bin Bongsu bahawa perkara ini memerlukan kepakaran khas ataupun *commercial division* yang akan berada di pihak pendakwa raya ini memerlukan satu bajet khas daripada kerajaan supaya mereka ini boleh benar-benar mengenal pasti segala *evidence* ataupun transaksi yang boleh menjuruskan kepada perbuatan rasuah. Begitu juga dengan di mana kes ini dikatakan akan dimulakan di Mahkamah Sesyen. Buat pengetahuan Dewan yang mulia ini, sesungguhnya banyak kes yang tertanggung di Mahkamah Sesyen hari ini bukan hanya kerana kes-kes biasa tetapi kerana kes-kes melibatkan penjawat awam. Jadi banyak kes tertunggak kerana kerajaan mendahulukan untuk membicarakan kes-kes terutama kes-kes rasuah yang membabitkan penjawat awam.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana persediaan di sudut Mahkamah Sesyen iaitu kesediaan hakim-hakim dengan jumlah bilangan hakim yang benar-benar pakar untuk menangani masalah rasuah ini kerana kita bimbang sekiranya kes ini tidak dipantau dengan baik, kadang-kadang yang kita bawa ke mahkamah tidak dapat disabitkan. Saya ingin juga bertanya kepada pihak kerajaan, adakah sebagaimana fungsi yang dinyatakan di bawah seksyen 7 iaitu 7(c), di mana fungsi suruhanjaya itu untuk meneliti amalan, sistem, tatacara, bandar-bandar awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula, amalan sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin akan membawa kepada rasuah. Dalam konteks ini kita memahami bahawa perkara ini tidak mudah.

Jadi apakah mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan. Adakah setiap tahun pihak pegawai suruhanjaya dengan dibantu oleh kementerian masing-masing perlu mengemukakan penemuan kesalahan dalam prosedur kerja mereka untuk dipantau oleh orang lain bagi memastikan kesalahan ataupun penemuan-penemuan ini tidak akan berulang pada masa akan datang. Sekiranya penelitian amalan ini perlu dibuat, adakah pihak suruhanjaya juga perlu mengemukakan secara langsung semua dapatan ini dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen bagi kita mengesan atau mengawal serta melihat keadaan rasuah yang berlaku atau perkara-perkara yang perlu kita atasi yang berlaku dalam perkhidmatan khususnya dalam perkhidmatan awam kita.

Yang terakhir, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, khususnya untuk memartabatkan lebih lagi iaitu Institut Integriti Malaysia bagi memastikan sistem advokasi dan pendidikan rasuah ini dapat dijalankan dengan cara yang benar-benar berkesan kepada semua rakyat kerana kita melihat hari ini prasarana-prasarana untuk memastikan agensi atau Suruhanjaya Pencegah Rasuah ini juga bukan hanya memerlukan bajet yang rendah, tetapi memerlukan bajet yang tinggi kerana kita percaya sebagaimana yang disebut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Apabila disebut mencegah ini ertinya, yang lebih banyak bukan penguatkuasaan, tetapi pendidikan. Saya dengan demikian, mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Heng Seai Kie.

**4.09 ptg.**

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *United Nations Commissions Anti-Corruption Conference* yang telah berlangsung pada 28 Januari 2008 hingga 1 Februari 2008 di Bali, Indonesia telah menggesa setiap negara untuk mencegah rasuah dengan cara menubuhkan badan anti-rasuah melalui tindakan meningkatkan ketelusan dan pilihan raya, integriti perkhidmatan awam, kewibawaan dan *accountability* pengurusan kewangan awam dan kebebasan badan kehakiman.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, walaupun UNCAC ini telah diterima semenjak Oktober 2003 tetapi ia hanya dapat dikuatkuasakan pada 14 Disember 2005 dan ditandatangani oleh 140 negara termasuklah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah sejauh manakah penglibatan Malaysia dalam UNCAC dan apakah kesannya Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 ini kepada *Corruption Perception Index* iaitu CPI? Sasaran untuk menduduki tangga ke-30 dalam indeks rasuah *Transparency International* menjelang 2008 ternyata tidak kesampaian memandangkan kini negara kita hanya berada pada tangga ke-43.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan pilihan raya umum pada 8 Mac tahun ini telah dengan nyatanya mencerminkan kebencian rakyat jelata terhadap rasuah dan sistem pentadbiran semasa yang dikatakan kurang telus.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesungguhannya untuk menghapuskan gejala rasuah di negara ini melalui rang undang-undang ini.

Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu SPRM 2008 ini sebagai sebuah suruhanjaya bebas menggantikan fungsi Badan Pencegah Rasuah iaitu BPR dipercayai akan mampu mengembalikan keyakinan rakyat dan mengubah persepsi negatif masyarakat mengenai peranan dan fungsi BPR selama ini. Inisiatif ini adalah proses transformasi paling bersejarah dalam usaha dan visi kerajaan untuk mewujudkan sifar rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini juga amat penting dan perlu dalam memulihkan ekonomi negara daripada kemelesetan. Ini kerana kita sedia maklum bahawa pelabur akan memilih negara yang tidak mengamalkan rasuah serta mempunyai tahap ketelusan yang terbaik sebagai tempat untuk melabur dan mengembangkan perniagaan mereka. Negara yang bebas daripada rasuah dan birokrasi adalah ciri dan faktor utama yang diambil kira oleh pelabur. Justeru itu, kesan positif penubuhan suruhanjaya ini juga dipercayai akan dapat menarik pelaburan asing ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, SPRM telah pun mengambil model Suruhanjaya Bebas Anti Rasuah (IACA) di Hong Kong dan New South Wales iaitu NSW di Australia. Pilihan ini memanglah tepat memandangkan kerajaan Hong Kong dan NSW ini merupakan kerajaan yang paling bersih di dunia dalam konteks membendung rasuah. Walau bagaimanapun setelah meneliti rang undang-undang SPRM 2008 ini yang mempunyai 74 fasal dan 9 bahagian; selain daripada apa yang telah dikemukakan oleh rakan saya di Dewan yang mulia ini, berikut ialah dua cadangan yang ingin saya ketengahkan untuk tujuan penambahbaikan pentadbiran negara.

Yang pertama ialah berhubung dengan seksyen 58 iaitu selepas selesai sesuatu penyiasatan, kuasa mendakwa adalah tertakluk kepada pendakwa raya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat pihak yang mempertikaikan isu ini dan menuntut supaya kuasa mendakwa harus diberikan kepada SPRM. Akan tetapi saya berpendapat bahawa peruntukan seksyen 58 adalah wajar kerana pengasingan kuasa itu adalah lebih menjamin, lebih meyakinkan, lebih telus dan dapat mengelakkan penyelewengan kerana adanya *check and balance*.

Walaupun bagaimanapun persoalannya ialah sekiranya sesuatu kes siasatan itu ternyata berasas tetapi enggan pula dibawa ke mahkamah oleh pendakwaraya tanpa alasan yang munasabah, apa yang akan berlaku? Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan agar kuasa mendakwa secara mutlak yang diberikan di bawah seksyen 58 kepada pendakwa raya semata-mata adalah sesuatu yang harus dikaji semula supaya adanya "*check and balance*".

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pendapat beberapa orang rakan Yang Berhormat di Dewan ini bahawa jika sekadar mengharap sistem perundangan iaitu Rang Undang-undang SPRM 2008 ini, rasuah tidak akan dapat dihapuskan secara berkesan. Sebaliknya sistem pentadbiran dan "*delivery system*" dengan izin yang telus, yang lebih adil dan lebih cekap serta sikap penjawat awam yang berdedikasi, bertanggungjawab dan amanah juga merupakan kunci kejayaan dalam usaha kerajaan untuk memerangi rasuah ini.

Saya percaya bahawa sekiranya segala urusan kerajaan khasnya yang melibatkan tender dapat dilakukan secara terbuka, secara telus, secara sistematik dan adil, maka tidaklah wujud kesempatan untuk mana-mana pihak sama ada untuk memberi ataupun menerima rasuah. Maka dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ya Tuan Ahmad bin Hussin. Boleh saya tahu siapa lagi yang bercadang hendak berbahas? Kalau tidak selepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 4.18 ptg.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri. Ini kerana Perdana Menteri telah mengotakan janjinya untuk menyelesaikan beberapa perkara penting sebelum beliau meletakkan jawatan pada bulan Mac nanti. Saya sendiri biasa menyebut di dalam Dewan ini tentang ketelusan Perdana Menteri dalam perkara rasuah. Saya sendiri sebut orang yang bersih di Dewan ini saya sebut ialah Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, saya ingat lagi dan banyak soalan ditujukan kepada saya.

Salah satu soalan Tuan Yang di-Pertua, adakah orang lain tak bersih? Jadi saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, saya kata Pak Lah bersih, saya tak kata yang lain tidak bersih, saya tidak pernah. Jadi maknanya saya yakinlah Perdana Menteri bersih, dan saya sebut juga, kalau air di hulu jernih, maka sewajarnya air di hilir pun turut jernih.

#### ■1620

Pada hari ini, saya bangun sekali lagi mengatakan bahawa Perdana Menteri amat ikhlas, amat mengamalkan demokrasi berparlimen, telus, sanggup membentangkan rang undang-undang ini. Pada saya bukan senang untuk sebuah kerajaan hendak bentangkan undang-undang yang begitu komprehensif, telus, berintegriti, bertanggungjawab. Itu yang pertama.

Kedua tentang kuasa. Jadi, tidak timbul kuasa Perdana Menteri menasihatkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jelas, dalam Perlembagaan mengatakan bahawa Perkara 40, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat. Jadi, kita tidak payah pertikai sudah, sudah tepat, sudah kena pada tempatnya, rang undang-undang ini tidak bercanggah pun dengan Perlembagaan. Cuma ada satu perkara sahaja tentang perkara 7.

Dalam Perlembagaan Persekutuan disebut Tuan Yang di-Pertua, "*Perlindungan daripada undang-undang jenayah berkuat kuasa kebelakangan dan pembicaraan berulang*". Ini sahaja, saya hendak minta pihak menteri untuk memberikan sedikit lagi penjelasan tentang mereka-mereka yang telah melakukan jenayah rasuah yang lepas-lepas, bermakna berapa tahun yang lepas yang boleh kita tangkap balik kalau benar yang melakukan rasuah itu terbukti. Jadi, bila? 10 tahun, 20 tahun atau bertahun-tahun. Jadi, sampai lama mana kita boleh tangkap mereka yang salah sebab apa yang salah tetapi salah.

Jadi, kita hendak semua sekali terlibat secara bukan sahaja bersih tetapi dilihat bersih. Ini yang sebenarnya yang dicari dengan izin, *clean and seen to be clean*. Ini yang hendak kita cari. Kesemua sekali, waima orang politik, waima perkhidmatan awam, polis, tentera dengan izin, *clean and seen to be clean*. Nampak betul-betul bersih. Kalau benar kita hendak laksanakan rang undang-undang ini. Sebab apa yang buat rasuah ini orang, insan, manusia. Yang berinteraksi ini manusia sebab itulah kita hendak betul-betul pasti mereka ini, semua kita ini bersih. Barulah kita boleh menjaga integriti ini. Rang undang-undang yang kita bahas pada hari ini.

Ketiga, saya amat minat satu kata-kata yang disebut oleh Lord Acton dengan izin, *power tends to corrupt, absolute power corrupts absolutely*. Kuasa yang mutlak membawa rasuah yang tidak terbatas. Di sini, pihak kerajaan harus melihat tentang kuasa yang diberi kepada seseorang itu. Jangan terlalu besar sangat, jangan terlalu luas sangat menyebabkan ada ruang untuk penama tersebut, penjawat tersebut melakukan rasuah.

Peluang untuk melakukan rasuah apabila kuasa amat tidak terbatas. Kalau kuasa itu di *compartmentalize* kan dengan izin, ada dia punya acuan-acuan. Ini boleh dikurangkan. Kalau kita bagi seluas langit lepas, habis dengan izin, daripada hulu sampai hilir semua dia kebas. Itu yang negara jadi *bankrupt*. Jangan sekali-kali bagi kuasa yang amat luas. Bataskan kuasa. Tadi disebut tentang suapan.



Kamus Dewan Edisi Ketiga disebut, rasuah sebagai perbuatan menumbuk rusuk iaitu dengan menyogok dan menyuap sesuatu untuk tujuan sesuatu. Mesti ada sesuatu yang dia hendak, yang dia hendak cepat, dia hendak dahulu, dia hendak banyak. Sebab pengalaman saya sebagai Pegawai Daerah, saya sudah jumpa banyak kes-kes ini. Terpulang kepada kita, terpulang kepada kita hendak rasuah atau tidak? Kuasa sudah ada. Pegawai Daerah, kuasa banyak, boleh bagi projek. Kita boleh bagi masa itu murah, RM9,999 sebab dia jangan lebih RM10,000. Tahun 1980, *Treasury Instruction*, Arahan Perbendaharaan. DO tidak boleh bagi RM10,000 tetapi boleh bagi bawah RM10,000. Kalau bawah RM10,000 berapa? RM9,990.09. Tidak salah.

Akan tetapi jangan lupa, pemberian sahaja, *direct*. Kalau kita kenal, kita bagi banyak. Kalau kita kurang kenal, kita bagi sedikit. RM1,000 pun tidak salah. Dia antara RM1 sampai RM9,999. Tidak ada kuasa yang mengatakan kita akan dituduh rasuah sebab ini terdapat dalam *Treasury Instruction*. Sebab itu saya kata, dalaman kita, kekuatan kita, integriti kita, *accountability* kita, takut kah kita pada pihak berkuasa. Itu terpulang, tepuk dada tanya iman. Itu sebenarnya, sebenarnya rasuah ini dia hendak jaga diri, lalu kita boleh *control* diri kita. Kita bagikan keadilan. Kenalkah, tidak kenalkah, sebab dia susah, kita bagi RM9,000 satu projek.

Akan tetapi masalah pula apabila kita bagi, *politician* kita kata, dia jumpa kontraktor. Saya hendak buat sekian-sekian, kontraktor kata okey, JKK jumpa dia, dia kata okey. Ketua ini kata hendak buat sukan, okey. Di mana duit dia ambil. Hari ini saya hendak beritahu kepada kerajaan, caranya mudah. Kontraktor tidak akan guna duit sendiri, itu sudah pasti. Yang jadi mangsa ialah projek. Projek naik taraf harga RM9,999 dan tebal enam inci.

Kalau seorang *politician* minta satu, kalau JKK minta satu, kekuatan pada projek tadi sudah menurun. Kalau enam inci dia akan jadi dua inci setengah. Pembangunan yang kita bagi kepada rakyat ialah pembangunan yang tidak sepatutnya berlaku. Sepatutnya rakyat membayar cukai, mendapat jalan naik taraf enam inci. Akan tetapi, kerana rasuah sepanjang jalan tadi, kontraktor tadi akan potong, potong, potong. Akhirnya jalan yang jadi hanya dua inci setengah.

Juruteknik pun hendak juga. Juruteknik akan lulus walaupun jalan itu tidak ikut *spec*. Di sini masalah, di sini sebenarnya rasuah. Jangan minta, pegawai kerajaan jangan minta, orang politik jangan minta, JKK jangan minta. Biarkan kontraktor itu buat sendiri. Maka, rakyat akan dapat enam inci.

#### ■1630

Yang kedua ambil contoh kuari. Kuari tanah, yang jaga seorang dia akan bagi tiket, 100 tiket sehari bermakna 100 lori, tetapi yang keluar sepuluh lori, satu tiket sahaja. Sepuluh lori, satu tiket bermakna sembilan yang sepatutnya kerajaan dapat pendapatan telah dicuri. Itu adalah rasuah, itu telah berlaku di seluruh negara. Bermakna yang jaga tadi tidak amanah, jadi kerajaan kena cari jalan bagaimana hendak didik, INTAN atau Institut Tadbiran Awam kena didik, pegawai-pegawai kerajaan tadi supaya takutkan Tuhan, takutkan Allah barulah tidak berlaku rasuah sebab rasuah ini dia seluas langit lepas.

Kita tidak boleh tahan-tahan lagi. Semua sekali akan berlaku rasuah jika sekiranya kita tidak mendidik diri kita sendiri. Sebab itulah kalau kita tengok apa yang disebutkan oleh Hassan Al-Banna. Hassan Al-Banna ada menyebut usaha membersihkan jiwa dan membina akhlak yang mulia harus diteruskan untuk menjadi yang benteng kukuh, itu ulama Islam telah sebut, ini kaedahnya.

Bukan sahaja *corporal punishment*, bukan sahaja jail dan sebagainya macam mana kita hendak didik. Pendidikan itu yang nombor satu, yang wahid sekali ialah pendidikan. Kita kena bermula dengan pendidikan. Jika kita tidak didik jiwa kita, jiwa akan memberontak, nafsu mengatasi segala-galanya dan rasuah akan berlaku sebab itu Sheikh Dr. Yusuf Al-Qardhawi ada menyebutkan lagi, sesuatu bangsa akan utuh selama bangsa itu memiliki akhlak dan sebaliknya.

Bangsa itu akan hilang dan rosak jika akhlak telah hilang. Ini penting, ini menjadi *core* kepada subjek dengan izin yang kita bincang pada hari ini. Kita hendak didik jiwa kita sama ada, ada orang nampak atau tidak, bos kita ada atau tidak kita bertanggungjawab kepada Allah SWT. Bangsa lain mereka ada Tuhan masing-masing, ini yang sebenarnya.

Undang-undang kita boleh buat setebal mana pun, tetapi kaedah untuk mencapai matlamat sebenarnya dunia dan akhirat itu akan terletak kepada diri tiap-tiap individu. Perkhidmatan awam kalau kita lihat bersih, cekap dan amanah sudah cukup satu dasar ini, sudah kuat, penambahan, penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran lagi kuat, kepimpinan melalui teladan lagi kuat, kesemua ada. Kesemua ini untuk menahan diri daripada gejala rasuah. Sepatutnya masa yang terbaik kerajaan kena lihat bahawa rasuah ini saya sebut bekas...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi, kah?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Sedikit, hendak penutup. Dalam wawancara antara *Mingguan Malaysia* dengan bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah. Rasuah sebagai barah masyarakat yang menular tanpa disedari. Rasuah adalah haram menurut Islam, yang memberi dan menerima sama bersalah. Cara pencegahan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Hasil daripada wang rasuah adalah haram pada anak-anak dan isteri yang dikasihi.

Sanggup kah kita bekerja setiap hari mengumpulkan bahan pembakar untuk membakar kita di neraka nanti? Nabi Muhammad SAW ada bersabda, "Barang siapa yang darah dagingnya tumbuh dari makanan yang tidak halal, maka api neraka lebih baik untuknya". Dalam wawancara dengan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah Malaysia Dato' Ahmad Zaki Husin pada 1 Oktober 2000.

Kata Dato' bekas Ketua Pengarah, "*Rasuah adalah anjing jijik*", *Mingguan Malaysia*. Tanya dekat Dato', sekiranya rakyat negara kita sudah cukup kaya, mengapakah rasuah tetap berlaku. Jawapan Dato' Ahmad Zaki, "Duit bukan perkara penting, manusia tidak akan pernah merasa cukup". Saya mengibaratkan seseorang yang menerima rasuah seperti seekor anjing, lidahnya sentiasa terjelir, air liurnya meleleh, kita ingat dia lapar, kita bagi dia makan dan bagi dia minum.

Sebaik sahaja dia habis makan dan minum kita ingat dia sudah kenyang, tetapi lidahnya terjelir semula dan air liurnya tetap meleleh, itulah rasuah dan saya hendak mohon kepada Dewan yang mulia ini Dato' Ahmad Zaki ialah bekas Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Perlis semasa Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh menjadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, kerana sifatnya yang baik, maka beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah Malaysia, tetapi kerana beliau telah menjalankan tugas yang begitu baik dan beliau telah pergi ke Switzerland, Jepun, ke Korea, merata dunia mencari kes Eric Chia dan akhirnya oleh sebab tanggungjawabnya tinggi, *accountability* nya tinggi dan ada pihak tertentu yang takut bahawa kes ini akan jadi kenyataan.

Akhirnya dia tidak disambung kerana kebajikannya. Inilah campur tangan politik di dalam hal ini. Yang ini saya sahkan hari ini dalam Dewan yang mulia ini dan carilah baik manusia-manusia untuk integriti, ada *accountability*, beramanah macam ini duduk di dalam apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi yang takut oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya yakin bahawa beliau dapat memberi sumbangan, tetapi jangan ada niat-niat serong untuk menggagalkan akta ini. Dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**4.38 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih pada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali, Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Senator Dato' Hajah Saripah Aminah, Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Noor, Senator Dato' Gooi Hoe Hin, Senator Tan Sri Datuk (Dr) Jins Shamsuddin, Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof, Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang, Senator Tuan Osman Bungsu, Senator Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw, Senator Heng Seai Kie dan terakhir sekali Senator Tuan Ahmad bin Husin yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2008 (SPRM).

Pada keseluruhannya saya lihat daripada perbahasan ini mereka telah bermula dengan sokongan dan kemudian memberi pandangan-pandangan. Ada juga yang membuat cadangan dan akhirnya mereka menyokong dan saya ucapkan terima kasih di atas sumbangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada rang undang-undang ini.

**■1640**

Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan yang boleh saya jawab dan kalau sekiranya tidak dijawab di sini bukan kerana tidak penting tetapi mungkin kerana banyak yang telah dibahaskan mungkin yang tertinggal. Kalau saya tertinggal, saya harap apabila habis rang undang-undang ini di bahas dan di lulus, boleh berjumpa saya di luar untuk mengingatkan saya tentang perkara yang mereka bangkitkan yang tidak dijawab oleh saya dalam perbahasan penggulangan ini. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah, Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, Yang Berhormat Senator Osman Bungsu dan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee membangkitkan mengenai gaji yang sejajar dengan tanggungjawab dan risiko yang terpaksa dihadapi oleh pegawai-pegawai SPRM.

Kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah senada dengan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan saya sememangnya mengharapkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberi perhatian yang serius akan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita semua sedia maklum iaitu bahawa memerangi rasuah ini adalah satu perkara yang amat berat dan sebenarnya bagi mereka yang terlibat dengan pembanteras rasuah seharusnya juga dianggap sebagai hakim di mana mereka tidak digalakkan untuk bergaul dengan masyarakat kerana bimbang pergaulan itu akan menyebabkan kedudukan mereka itu di kompromi dan akan menjadikan kerja mereka lebih berat dan mungkin akan dipersoalkan.

Oleh kerana itu kerajaan menyokong cadangan supaya tangga gaji yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang membanteras rasuah ini hendaklah diberikan satu tangga gaji yang berbeza jauh lebih baik daripada pegawai-pegawai daripada sektor lain. Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali ada menyatakan bahawa rasuah semakin meningkat di Malaysia dan telah membuat perbandingan SPR Malaysia pada tahun 2002 di mana skor negara pada ketika itu ialah 4.9 dengan skor 5.1 yang diperolehi bagi tahun 2008. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila skor meningkat ia menunjukkan bahawa persepsi rasuah telah semakin baik dan bukan sebaliknya. Ini bermakna persepsi pada tahun 2008 sebenarnya lebih baik daripada skor yang telah kita peroleh pada tahun 2002.

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam bercakap tentang soal CPI yang diperolehi oleh Malaysia ini banyak menekankan tentang kedudukan iaitu kedudukan kita dibandingkan dengan negara-negara lain, ada kala kedudukan kita baik dan ada masanya kedudukan kita tidak baik seperti dibandingkan tahun ini dengan tahun lepas dikatakan bahawa kedudukan kita telah merosot. Akan tetapi Yang Berhormat ingin saya sebutkan di sini apa yang penting ialah bukan kedudukan. Kita tidak mahu kedudukan kita di letak nombor 20 tetapi kalau skornya itu rendah. Yang penting kita lawan ialah skor kita iaitu cuba kita naikkan skor kita kalau dahulunya 4.9, sekarang ini 5.1. Tahun hadapan kita harapkan skor kita akan bertambah naik lagi mungkin 5.2 ataupun 5.3.

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Sebenarnya dalam ucapan saya, saya mengambil dua tempoh untuk menunjukkan sama ada dia menurun ataupun dia meningkat. Memang benar kalau kita ambil tahun asas 2002, skor 4.9 dan jika dibandingkan dengan 2008 5.1. Maka skor kita bertambah baik bermakna persepsi korupsi menurun. Saya juga katakan tadi kalau kita ambil pula Malaysia 2003 skornya 5.2 dan kalau di bandingkan dengan 2008 skor itu menurun kepada 5.1. Dalam konteks ini dia menurun Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya bangkitkan perkara ini ialah kerana untuk menekankan bahawa skor itu jauh lebih penting daripada kedudukan. Sebab saya dengar daripada ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat yang lain bahawa mereka lebih menekankan tentang kedudukan. Jadi sebab itu perkara ini di *highlight* kan untuk menunjuk iaitu apa yang jauh lebih penting ialah skor. Skor ini kita kena ingat iaitu dia tidak boleh mendadak sampai kita boleh naik 6, 7 kerana untuk kita mengengsot kalau naik 0.1 pun itu menunjukkan satu penambahan baik kepada skor kita ya. Jadi saya tidak mahu di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator memikirkan bahawa mengapa tidak boleh naik 6, 7. Sebenarnya dia punya kenaikan 0.1 ataupun 0.2 itu juga merupakan satu penambahbaikan sebenarnya daripada segi persepsi terhadap rasuah di negara kita.

Jadi yang penting di sini ialah skor dan saya berharap iaitu bahawa Yang Berhormat akan semuanya membantu kerajaan untuk membantu supaya kita dapat memperbaiki skor kita. Persepsi ini bukan *real*, bukan perkara sebenarnya yang berlaku. Dia cuma merupakan persepsi orang sebab itu di Dewan Rakyat saya menegur kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Timur. Dia menceritakan iaitu bahawa skor kita walaupun kita buat perkara seperti ini membentangi undang-undang untuk mewujudkan Suruhanjaya Rasuah jauh lebih baik lagi daripada Badan Pencegah Rasuah tetapi skornya daripada segi CPI kita tetap rendah. Itu ialah kerana dia selalu bercakap banyak sangat dan orang dengar apa yang dicakapkan oleh mereka dan persepsi orang kalau semuanya mengatakan bahawa rasuah teruk, rasuah teruk, rasuah teruk di Malaysia, apa sekalipun kita buat skor kita tidak akan naik.

Sebab itu kita perlu sokongan daripada semua pihak untuk menceritakan perkara yang sebenarnya dan tidak menganggapkan apa yang dilakukan oleh kerajaan itu adalah perkara yang sepatutnya diperlekehkan oleh mereka. Jadi sebab itu saya minta kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu kerajaan dengan menceritakan perkara yang benar belaka. Saya percaya kalau kita mendapat kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dengan apa yang kita buat pada hari ini menjadikan Badan Pencegah Rasuah kepada suruhanjaya dan kita meningkatkan lagi pertambahan kakitangan kepada 5,000. Kalau kita semua bercakap secara positif, saya percaya bukan sahaja skor kita akan bertambah tetapi kita juga akan memberi galakan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah untuk menjalankan kerja mereka dengan lebih baik lagi jika dibandingkan di masa-masa yang lepas.

Senator Datuk Akbar Ali juga membangkitkan bahawa rang undang-undang SPRM ini tidak memberi tumpuan ke atas pembanterasannya rasuah di sektor swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini digubal untuk meliputi pelbagai sektor semua ya. Termasuk sektor swasta di mana kesalahan di fasal 16 dan 17 rang undang-undang serta taksiran agen dalam Fasal 3, turut merangkumi sektor tersebut. Cuma orang banyak bercakap tentang sektor awam kerana di situlah penglibatan Menteri, Timbalan Menteri, Ahli-ahli Parlimen, Exco Kerajaan Negeri, Menteri Besar nampak, walhal rasuah juga berlaku di sektor swasta tetapi dia tidak menarik perhatian ahli-ahli politik untuk bercakap tentang rasuah di sektor swasta.

#### ■1650

Sebenarnya, Rang Undang-undang SPRM ini juga merangkumi rasuah di sektor swasta. Selain dari itu, satu panel iaitu panel perundangan dan pencegahan rasuah yang akan diwujudkan secara pentadbiran bagi menyokong SPRM mempunyai peranan untuk meneliti dan memperakukan kepada suruhanjaya bidang-bidang tumpuan atau *priority areas*, dengan izin.

Amalan sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta mempunyai ruang dan peluang untuk jenayah rasuah berkembang serta untuk meneliti dan penambahbaikan laporan yang disediakan oleh suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta.

Ini jelas membuktikan bahawa pembanterasannya rasuah di sektor swasta turut menjadi tumpuan SPRM yang akan ditubuhkan kelak. Mengenai usaha pencegahan rasuah di sektor swasta, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali turut membangkitkan bahawa dalam matlamat utama akta di Fasal 2(a) ada dinyatakan secara khusus sektor swasta manakala di Fasal 2(b), tidak dinyatakan sedemikian. Untuk makluman Yang Berhormat, pengertian orang awam yang dinyatakan di Fasal 2(b) itu telah merangkumi sektor tersebut.

Bahkan kewajipan pegawai SPRM yang diperuntukkan di Fasal 7(f) dan 7(g), rang undang-undang turut meliputi usaha mendidik pelbagai sektor dan memelihara sokongan mereka dalam memerangi jenayah rasuah. Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali juga turut membangkitkan tidak wujud kesalahan penyogokan pegawai swasta asing dalam rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sogokan yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing ke atas pegawai-pegawai awam di negara ini boleh diambil tindakan mengikut peruntukan yang telah sedia terdapat di fasal 21 rang undang-undang ini.

Kita tidak kira sama ada orang luar kah, kalau rasuah itu dilakukan di negara kita, maka tindakan boleh diambil terhadap mereka walaupun dia bukan rakyat negara kita. Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali dan Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof Husin menimbulkan mengenai kenyataan media yang dibuat oleh seorang bekas hakim Mahkamah Rayuan. Beliau tidak akan menyokong Rang Undang-undang SPRM yang dibentangkan ini sekiranya beliau menjadi Ahli Parlimen. Pandangan-pandangan tersebut adalah pandangan peribadi beliau yang tidak seharusnya mempengaruhi pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang lebih bijaksana. Malah, saya telah ditanya berkenaan dengan pandangan yang telah dibuat oleh beliau. Saya jelas menyatakan bahawa itu merupakan pandangan peribadinya.

Saya tidak berniat dan berhajat untuk menjawab beliau kerana tanggungjawab saya adalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau beliau ada apa-apa perkara yang hendak dibangkitkan, maka haruslah dia berjumpa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, dibangkitkan di dalam Dewan dan barulah saya bertanggungjawab untuk menjawabnya. Bukan cara kita iaitu Menteri kena setiap kali satu pendapat dan wawancara dibangkitkan dalam akhbar, maka Menteri juga kena buat *press conference* untuk menjawab dakwaan beliau. Saya tidak *accountable* kepada beliau. Kita tidak boleh membiarkan mereka yang berada di luar untuk menentukan keputusan Yang Berhormat. Ini cuma satu percubaan untuk memperlekehkan Yang Berhormat. Dengan kenyataan yang sedemikian, seolah-olah dia berkata, kalau Yang Berhormat menyokong ini maka Yang Berhormat tidak bijak.

Jadi saya ingat, biarlah dia dengan dunia dia. Saya tidak setuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh beliau dan saya harap iaitu Yang Berhormat tidak terikat untuk menyokong rang undang-undang ini semata-mata kerana seorang sahaja bekas hakim mengeluarkan kenyataan sedemikian. Apatah lagi, apabila pandangan-pandangan yang dibuat itu tidak tepat dan amat mengelirukan. Memang saya hendak sebutkan di sini kenyataan beliau adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan yang ditimbulkan itu bukanlah satu peruntukan yang baru kerana memang telah sedia ada dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997. Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof bin Husin telah membangkitkan isu bahawa parahnya jenayah rasuah di Malaysia adalah kerana tidak ada satu badan yang benar-benar bebas dan berwibawa serta BPR dilihat gagal membasmi rasuah kerana berada di bawah kuasa eksekutif. Kenyataan Yang Berhormat adalah sama sekali tidak tepat, tidak benar dan tidak betul kerana BPR merupakan sebuah badan bebas. Ia diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dari segi pentadbiran sahaja. Akan tetapi pada dasarnya, segala perjalanan operasi dan tindakan badan ini adalah bebas dari sebarang arahan dan pengaruh eksekutif. Setakat ini juga BPR telah menjalankan tugas *without fear or favour* dengan izin, dan telah berjaya menyasat dan membawa beberapa orang anggota pentadbiran termasuk anggota pentadbiran ke muka pengadilan.

Kita tahu sebelum ini ada Menteri yang didakwa, ada Exco-Exco kerajaan negeri yang didakwa. Ini jelas menunjukkan iaitu bahawa mereka bertindak bebas tanpa mengira kedudukan seseorang itu kerana itulah tujuannya diwujudkan BPR. Kalau BPR diwujudkan hanya untuk diambil tindakan terhadap mereka yang tidak memegang jawatan, maka ini tidak bermakna.

Jadi tuduhan daripada Senator Haji Muhamad Yusof bin Husin itu adalah tidak benar dan saya hendak menafikan sekeras-kerasnya kerana kenyataan yang tidak bertanggungjawab seperti inilah yang akan menyebabkan kakitangan Badan Pencegah Rasuah akan merasa tidak mempunyai *morale support* yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Kalau sekiranya ada kes-kes tertentu yang mana dianggap ada campur tangan, sila sebut di manakah yang dikatakan campur tangan? Kalau tidak, itu hanya merupakan spekulasi sahaja dan spekulasi sebenarnya tidak sepatutnya datang kepada seorang Ahli Yang Berhormat yang bercakap di dalam Dewan yang besar ini membuat tuduhan yang melulu dan sebenarnya tidak berlaku adil kepada pihak Badan Pencegah Rasuah.

Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maksud saya berucap menyatakan demikian ialah kerana pada satu ketika bekas Perdana Menteri pernah mendakwa bahawa kes-kes berprofil tinggi termasuk di kalangan Menteri tidak didakwa. Yang mana tidak perlulah saya sebut nama bekas Menteri itu. Jadi itu maksud saya, maknanya BPR ini terhalang kuasanya apabila kuasa pendakwa berada kepada AG dan atas penasihat Perdana Menteri. Itu maksud saya. Bukan saya menghina BPR.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu adalah juga tidak tepat kerana saya faham siapa Menteri yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Itu adalah Menteri sebelum saya menjawat jawatan yang menjaga dan bertanggungjawab kepada BPR. Kalau Yang Berhormat baca akhbar dan mengikuti segala jawapan yang telah saya berikan kepada Dewan Rakyat, Yang Berhormat bukan orang yang pertama membangkitkan perkara ini. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat pembangkang dan saya telah menjawab berjela-jela. Kalau Yang Berhormat membaca surat khabar atau membaca *Hansard*, kalau ada buat *research*, sudah tentu Yang Berhormat tahu bahawa apa yang dibangkitkan oleh Menteri itu ialah secara umum.

Sememangnya kalau sekiranya dia kata ada kes profil tinggi dan kalau sekiranya ada laporan terhadap beberapa katalah 18 orang berprofil tinggi, tidak semua tuduhan itu akan datang kepada pendakwaan. Ini kerana saya sendiri pada tahun 2003 dalam akhbar telah pun didakwa kerana dikatakan menerima wang daripada 6,000 permit yang telah diberikan kepada beberapa buah syarikat yang dikatakan saya ada kepentingan. Itu dakwaan dan dakwaan dibuat kerana saya seorang Menteri. Yang lain-lain jugalah dikatakan. Itu menarik perhatian, maka dimasukkan ke dalam akhbar. Akan tetapi apabila pihak BPR membuat keputusan bahawa itu adalah tidak benar, kita tidak masukkan ke dalam akhbar. Kalau masuk pun dua, tiga *lines* sahaja.

#### ■1700

Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri yang lepas mengatakan bahawa ada tuduhan ini dibuat kepada 18 orang yang dianggap sebagai berprofil tinggi, tetapi akhirnya tidak bawa kepada pendakwaan kerana tidak ada kes. Kalau dibawa kepada pendakwaan pun dibawa ke perbicaraan didapati tidak benar. Oleh sebab itu perkara ini telah pun saya jawab waktu saya mengambil alih dan sebenarnya apa yang disebutkan itu adalah suatu kenyataan yang umum berkenaan dengan tuduhan yang tidak semestinya bahawa perkara itu sudah pun berlaku dan membawa kepada pendakwaan. Ini telah pun saya jawab berkali-kali di dalam Dewan.

Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof juga membangkitkan kebebasan SPRM masih terjejas kerana kuasa pendakwaan masih terletak di bawah pendakwa raya.

Untuk makluman Yang Berhormat kehendak peruntukan ini sejajar dengan Perkara 145(3), Perlembagaan Persekutuan iaitu pendakwa raya hendaklah mempunyai kuasa dan budi bicara untuk memulakan, menjalankan dan menghentikan apa jua pendakwaan kes jenayah kecuali di Mahkamah Syariah, Mahkamah Adat ataupun Mahkamah Tentera. Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan ke atas Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan tersebut dan kuasa untuk memulakan pendakwaan kekal sebagai kuasa Peguam Negara. Peruntukan ini juga adalah selaras dengan keadaan di negara-negara lain yang mana dianggap Badan Pencegah Rasuah di sana adalah berkesan iaitu seperti di Hong Kong dan juga Singapura yang struktur organisasinya sama dengan SPRM, yang mana kuasa untuk memulakan pendakwaan terletak di bawah pendakwa raya.

Jadi kalau kita dengar bahawa di Hong Kong baik, di Singapura baik, pendakwaan itu dibuat oleh pendakwa raya, bukan dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah. Jika Ketua Pesuruhjaya diberi kuasa untuk memulakan pendakwaan ia akan menjadi *ultra vires*, dengan izin, dengan Perlembagaan Persekutuan. Kita boleh rujuk kepada kes REPCO Holdings. Maknanya kehendak Perlembagaan iaitu pendakwaan mesti adalah di tangan pendakwa raya. Satu masalah lagi, dalam penyiasatan ini kita asingkan kuasa penyiasatan dengan kuasa pendakwaan kerana orang yang menyiasat sudah tentu dia akan berkenalan dengan orang yang dituduh. Maka apabila dia sudah berkenalan dengan orang yang dituduh, kita bimbang kalau dia yang menyiasat dan dia juga yang mendakwa maka akan berlaku soal tawar menawar kerana untuk mendakwa ini dia ada banyak seksyen. Bila kita telah menyiasat seseorang kita boleh tawar menawar dengan dia, meringankan dengan mendakwa di bawah seksyen-seksyen tertentu.

Jadi, hubungan inilah yang kita hendak elakkan, asingkan sebab itu kita mahu supaya pendakwa raya yang mendakwa dan tidak badan penyiasat kerana pendakwa raya, apabila kes itu sampai kepada dia untuk membuat keputusan sama ada untuk mendakwa ataupun tidak dia tidak mengenali orang yang dia siasat. Dia langsung tidak tahu. Apa yang ada kepada dia ialah satu fail dan dia akan buat satu keputusan yang objektif tanpa dipengaruhi oleh hubungan yang mungkin telah terjalin di antara penyiasat dengan orang yang disiasat. Jadi, inilah sebabnya mengapa kita asingkan pendakwaan dengan penyiasatan.

Begitu juga dengan polis dalam soal jenayah. Polis menyiasat jenayah dan membuat siasatan. Dia membuka fail. Tidak pernah kita tuntutan supaya Ketua Polis, IGP itu diberi kuasa pendakwaan kerana kita tahu iaitu bahawa sudah tentu hubungan akan terjalin di antara polis dengan orang yang dia siasat dan jenayah tidak dibenarkan di mana IGP diberi kuasa untuk mendakwa melainkan pendakwa rayalah yang akan membuat pendakwaan berdasarkan kepada hasil penyiasatan fail yang telah dibuka dan pendakwa raya melihat apa yang ada dalam fail itu sahaja. Oleh sebab itu kalau kuasa mendakwa tidak diberikan kepada IGP iaitu ketua penyiasat kepada jenayah maka *its follow*, dengan izin, ketua badan penyiasat juga tidak seharusnya diberikan kuasa menyiasat dalam soal rasuah. Rasuah jenayah kedua-duanya sama sahaja, jenayah. Oleh sebab itulah kita tidak memberi kuasa pendakwaan kepada badan penyiasat kerana untuk mengelak daripada berlakunya tawar menawar bagi orang yang mendakwa dan orang yang disiasat.

Yang Berhormat Senator Haji Muhammad Yusof bin Husin membangkitkan bahawa kebebasan SPRM masih boleh dipertikaikan kerana terdapat pengaruh Perdana Menteri dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM di subfasal 5(1), rang undang-undang. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pesuruhjaya dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah selaras dengan Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Jemaah Menteri atau nasihat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana negara di dunia ini apabila bangkit soal pelantikan, seseorang yang dilantik itu mestilah dilantik oleh seseorang yang lain. Saya kira kalau hendak dikatakan memastikan supaya orang yang dilantik itu tidak dipengaruhi oleh Perdana Menteri kerana Perdana Menteri yang melantik, saya kira tidak ada cara yang lain lagi bagaimana pelantikan itu harus dilakukan.

Pertamanya, orang yang terbaik sekali untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk melantik ialah Perdana Menteri kerana Perdana Menteri ini dipilih oleh rakyat. Perdana Menteri adalah orang yang mendapat sokongan daripada kumpulan terbesar Ahli Parlimen yang ada di dalam Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat. Itu mandatnya. Saya tidak nampak orang selain daripada Perdana Menteri yang mempunyai mandat untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk melantik.

Jadi, oleh sebab itu saya kira kalau Perdana Menteri membuat kesilapan, sudah tentu pertamanya mungkin Ahli Parlimen itu sendiri akan tidak berpuas hati dan mungkin boleh menggulingkan Perdana Menteri. Kalau sekiranya tidak dilakukan oleh Ahli-ahli Parlimen mungkin dalam pilihan raya akan datang rakyat akan menghukum dia. Oleh sebab itu sistem ini adalah sistem yang diguna pakai oleh semua. Ada cadangan yang mengatakan iaitu supaya Parlimen yang melantik. Akan tetapi kalau Parlimen yang melantik mungkin *Commissioner* ataupun Ketua Pesuruhjaya itu bebas daripada Perdana Menteri tetapi dia tidak bebas daripada Ahli Parlimen. Jadi, apakah kebebasan yang sebenarnya yang kita mahu kerana mesti pasti ada sesuatu yang akan melantik orang itu, kalau tidak Perdana Menteri, Parlimen. Kalau Parlimen pun dia tidak akan bebas daripada Parlimen. Dia akan bebas daripada Perdana Menteri. Jadi, kebebasan apa yang dimaksudkan.

Saya tidak nampak Pesuruhjaya Rasuah akan turun daripada langit dan mengisytiharkan dirinya: "Bahawa saya adalah Pesuruhjaya membanteras rasuah". "Siapa yang melantik kamu?", "Tuhan lantik aku. Jadi aku bebas." Kalau itu boleh berlaku mungkin kita minta supaya Perdana Menteri tidak perlu lagi menasihati Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi kita tahu orang yang dilantik itu mesti dilantik oleh seseorang yang lain dan amalan konvensyennya ialah Yang di-Pertuan Agong yang melantik atas nasihat Perdana Menteri. Itu tidak boleh lari. Tidak ada seorang yang boleh mengisytiharkan diri dia sebagai bebas dan dia berhak untuk menjadi Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Oleh sebab itu saya kira perbincangan tentang soal kebebasan ini sebenarnya tidak ada satu cara yang boleh kita katakan seseorang itu memang bebas. Bagi saya kita cuma alih sahaja.

#### ■1710

Kalau kita tidak suruh Perdana Menteri, suruh Parlimen lantik, maka apa yang akan berlaku orang itu, pesuruhjaya, dia bebas daripada Perdana Menteri tetapi dia tidak bebas daripada Parlimen. Jadi saya kira ini satu isu yang tidak berbangkit kerana ia merupakan konvensyen, apa-apa juga pelantikan yang dibuat, bukan sahaja di negara Malaysia kita, di mana-mana negara juga, orang yang dilantik itu mesti ada seorang yang lain yang melantiknya.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah membangkit siapa yang akan menentu gaji dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai SPRM manakala Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof Husin mencadangkan SPRM mewujudkan Bahagian Sumber Manusia bagi melantik sendiri pegawai-pegawai SPRM. Untuk makluman Yang Berhormat, semua pegawai dan pegawai rendah suruhanjaya adalah anggota perkhidmatan awam persekutuan. Setakat ini gaji, proses kenaikan pangkat dan penamatan semua pegawai di suruhanjaya adalah tertakluk kepada proses yang dikendalikan di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Ini disebabkan suruhanjaya perkhidmatan khusus bagi SPRM bagi melaksanakan urusan-urusan perkhidmatan masih belum diwujudkan kerana melibatkan pindaan ke atas Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Jemaah Menteri pada dasarnya bersetuju mengenai pindaan tersebut, kita terpaksa kalau hendak mewujudkan suruhanjaya yang ia boleh menentukan gaji atau mengambil kakitangan.

Suruhanjaya itu hanya boleh dilaksanakan kalau kita pinda Perlembagaan seperti Suruhanjaya Angkatan Tentera, Suruhanjaya Polis. Akan tetapi untuk mewujudkan suruhanjaya ini kita perlu untuk meminda Perlembagaan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita tidak mencukupi dua pertiga, kurang lapan sebenarnya untuk dapat dua pertiga untuk kita meminda Perlembagaan bagi membolehkan diwujudkan suruhanjaya SPRM ini.



Jadi oleh kerana kita tidak cukup, kita tidak boleh pinda, maka kita tidaklah mencadangkan untuk ditubuhkan ini. Walaupun pada dasarnya Jemaah Menteri bersetuju supaya suruhanjaya ini ditubuhkan tetapi kita tidak boleh hendak pinda Perlembagaan, kita tidak mencukupi dua pertiga.

Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani Haji Wan Nor ingin tahu apakah rasional Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), di subfasal 14(2) terdiri daripada tujuh orang Ahli Dewan dan tidak melibatkan anggota pentadbiran. Untuk makluman Yang Berhormat, JKMR hari ini ditubuhkan khusus untuk melibatkan Ahli-ahli Parlimen dan tidak melibatkan anggota-anggota pentadbiran bagi mengelakkan campur tangan eksekutif dalam urusan berkaitan legislatif. JKMR merupakan mekanisme yang diwujudkan bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan yang lebih formal dan berstruktur dalam usaha pembersihan rasuah.

Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor membangkitkan sama ada lima orang yang dilantik bagi menganggotai Jawatankuasa Aduan di subfasal 15(2) mencukupi bagi menangani aduan memandangkan SPRM akan dibekalkan dengan 5,000 anggota dan sama ada proses pentadbiran Jawatankuasa Aduan ini terletak di bawah SPRM ataupun tidak. Jawatankuasa Aduan diwujudkan bagi memantau aduan salah laku bukan jenayah atau tidak profesional yang dilakukan oleh pegawai suruhanjaya semasa melaksanakan tugas mereka.

Jawatankuasa Aduan tersebut terdiri daripada individu luar yang bebas dan dilantik oleh menteri dari kalangan mereka yang patut dan sesuai mengikut sub fasal 15(2). Bilangan seramai lima orang ahli dalam Jawatankuasa Aduan adalah mencukupi kerana mereka tidak terlibat dalam proses siasatan ke atas aduan, kerana proses tersebut akan dikendalikan oleh Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme.

SPRM yang merupakan satu bahagian baru yang telah diluluskan pembentukannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mulai bulan Ogos 2008 yang lepas. Saya berkesempatan untuk mendengar hujah yang dibangkitkan oleh Senator Heng Sei Kie iaitu kalau sekiranya sesuatu kes itu tidak didakwa dan kemudian ada pihak yang ingin tahu mengapa ianya tidak didakwa, maka inilah jawatankuasa yang boleh kita hantar segala aduan tentang kemusykilan tentang satu-satu kes itu. Jadi kalau Yang Berhormat merasa bahawa sesuatu kes itu tidak didakwa dan ingin tahu mengapa, maka kepada Jawatankuasa Aduan inilah Yang Berhormat boleh mengutarakan segala persoalan.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri Haji Yusof, terima kasihlah sebab puji saya tadi kerana datang. Memang ini satu rang undang-undang yang penting dan saya tidak mengharapkan kepada orang lain untuk membentangi dan menggulung; kerana ini satu rang undang-undang yang cukup penting bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahukan supaya *delivery system* kita itu akan dapat diperbaiki.

Ini di antara satu daripada beberapa tindakan yang perlu diambil bagi memastikan perkara itu dan sebab itulah saya walaupun di Dewan ini saya rasa, saya agak letih juga di Dewan Rakyat hari itu bentangi tetapi saya rasa tidak boleh dilepaskan kepada orang lain untuk menggulung dan membentangi. Oleh itu, saya hadir sendiri dan sekali-sekala dapat pujian daripada Senator itu seronok juga. Saya rasa berbaloi datang. Walaupun cuti sudah dekat ini, sepatutnya sudah pergi bercuti. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Osman Bungsu membangkit sama ada pegawai-pegawai sedia ada telah cukup bersedia dan terlatih dari segi perundangan dan operasi untuk melicinkan perjalanan SPRM apabila ditubuhkan kelak. Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan peruntukan kesalihan dan kuasa-kuasa penyiataan yang terdapat dalam rang undang-undang ini masih mengekalkan peruntukan yang terdapat dalam Akta Pencegah Rasuah 1997. Oleh itu tidak timbul isu sama ada pegawai BPR telah bersedia atau tidak, kerana tidak banyak perbezaan ketara dalam aspek operasi dan siasatan di antara rang undang-undang ini dengan Akta Pencegah Rasuah 1997. Saya juga percaya bahawa dengan pertambahan kakitangan yang kita rancang lima tahun daripada sekarang sehingga 5,000 kakitangan, saya kira latihan akan sentiasa diberi, *refresher course* dan lain-lain sentiasa akan diberi dan akan merupakan satu kaedah yang berterusan.

Saya juga percaya dengan penambahan kakitangan ini akan memberikan kekuatan kepada suruhanjaya SPRM ini untuk membanteras rasuah di negara Malaysia kita ini.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri Haji Yusuf juga mencadangkan SPRM tidak menggunakan keseluruhan sumber untuk melaksanakan tindakan operasi tetapi menggunakan sebahagian sumber tersebut untuk pendidikan dan penerangan rasuah. Fasal 7 rang undang-undang ini telah menggariskan kewajipan pegawai suruhanjaya dalam membanteras rasuah. Kewajipan undang-undang itu bukan sahaja melibatkan operasi SPRM, bahkan juga melibatkan kewajipan untuk memberikan khidmat nasihat pencegahan yang bertujuan untuk memperbaiki sistem dan prosedur kerja bagi menutup ruang dan peluang rasuah.

Pegawai suruhanjaya berkewajipan untuk melaksanakan kempen-kempen pendidikan dan penerangan bagi mendidik masyarakat untuk membenci rasuah dan menyokong usaha yang dijalankan untuk membanteras rasuah. Jadi cadangan Yang Berhormat itu adalah betul kerana dalam soal pencegahan rasuah ini, bukan hanya melibatkan pendakwaan dan hukuman sahaja, tetapi sebenarnya pendidikan. Itulah sebabnya kalau Yang Berhormat tengok kita mengadakan program-program seperti memasyarakatkan BPR. Ada hari-hari yang tertentu yang kita ada hari terbuka di mana Badan Pencegah Rasuah akan membuka pintu untuk orang ramai yang datang ke perkarangan pejabat BPR supaya jangan orang takut hendak datang ke BPR. Jangan lihat mereka ini sebagai musuh tetapi sebagai kawan untuk kita memerangi rasuah.

#### ■1720

Kita juga ada program-program yang melibatkan budak-budak sekolah dengan mengadakan tiap-tiap tahun pidato di mana pidato itu berkisar kepada bencinya kita kepada rasuah. Sebab itu Yang Berhormat tiap-tiap tahun kalau tengok kadang-kadang keluar televisyen saya bersama-sama dengan budak-budak sekolah. Kita hadir sendiri. Bukan saja untuk menunjukkan iaitu bahawa kita bersama dengan mereka tapi sebenarnya kita hendak bagi galakan dan rasa mesra di kalangan masyarakat terhadap BPR itu. Jangan lihat sebagai musuh tapi sebagai rakan bersama-sama untuk membanteras rasuah di negara kita.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang membangkitkan isu agar SPRM dapat mendidik masyarakat supaya tidak terjerat dengan kehendak peruntukan undang-undang yang baru. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini tidak banyak berbeza dengan kehendak Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah berkuat kuasa sejak 8 Januari 1998. Perbezaan ketara hanyalah melibatkan perluasan beberapa tafsiran istilah penting, pembentukan beberapa mekanisme tanggungjawab, kesalahan penyogokan pegawai awam asing, perluasan bidang kuasa penyiasatan dan beberapa peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Bujang. Buang ya? Minta maaf. Bujang dan buang ini merupakan perkataan bahasa Malaysialah. Jadi saya minta maaf. Saya tahu Yang Berhormat telah pun bernikah, tidak bujang. Akan tetapi saya juga tidak berhajat untuk buang Yang Berhormat. Jadi minta maaf ya. Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Dua-dua boleh. Dua pun boleh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dua-dua pun boleh. Yang Berhormat bujang lagi ya. Imuniti, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang mencadangkan supaya imuniti atau kekebalan diberikan kepada pegawai suruhanjaya dalam melaksanakan tugas mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, Fasal 72 telah mempunyai peruntukan kekebalan tersebut dan kekebalan tersebut juga terpakai ke atas ahli-ahli lembaga dan jawatankuasa yang ditubuhkan bagi maksud akta ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang turut membangkitkan bahawa kuasa pendakwaan terletak kepada suruhanjaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa pendakwaan sesuatu kes masih terletak kepada pendakwa raya sebagaimana diperuntukkan di Fasal 58 rang undang-undang. Namun, kita juga telah meminta kepada pendakwa raya untuk menurunkan kuasa. Untuk memutuskan sama ada sesuatu kes itu perlu didakwa atau tidak kepada DPP yang diletakkan di Suruhanjaya Pembanteras Rasuah ini supaya ia tidak perlu lagi merujuk kepada Pendakwa Raya setiap kali sesuatu kes itu diangkat untuk diputus ataupun tidak. Saya rasa ini satu perkara yang baik kita lakukan kerana tidak mungkin kerana kes terlalu banyak kalau hendak diharapkan supaya semua kes itu diputus di pejabat Pendakwa Raya. Ini akan menyebabkan kelambatan dalam pendakwaan terhadap kes-kes rasuah ini.

Yang Berhormat Senator Osman bin Bungsu telah menyuarakan kekhawatiran beliau tentang keupayaan pegawai suruhanjaya untuk melaksanakan tugas sebagaimana yang termaktub dalam Fasal 7 rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, semua perkara yang tersenarai dalam Fasal 7 telah sedia dilaksanakan melalui bahagian-bahagian siasatan, perisikan, pemeriksaan dan perundingan serta bahagian pendidikan masyarakat. Di samping itu juga, BPR juga melalui Akademi Pencegah Rasuah Malaysia yang telah ditubuhkan pada 2006 akan terus melaksanakan latihan bagi tujuan meningkatkan keupayaan dan kemahiran pegawai suruhanjaya. Di samping itu juga, dengan mewujudkan satu skim perkhidmatan yang lebih menarik, dijangka akan berupaya untuk menarik lebih ramai golongan profesional untuk menyertai SPN.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee membangkitkan sama ada Ahli-ahli Parlimen akan dilantik dalam kelima-lima mekanisme tanggungjawab yang dibentuk secara perundangan dan pentadbiran. Untuk makluman Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen hanya akan dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah manakala untuk jawatankuasa dan panel yang lain akan dilantik dari kumpulan-kumpulan yang lain supaya terdapat penglibatan yang menyeluruh dari semua sektor masyarakat.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee membangkitkan BPR masih tidak bebas kerana masih wujud campur tangan Jabatan Peguam Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, pendakwaan sesuatu kes dibuat jika terdapat keterangan yang mencukupi. *Beyond reasonable doubt*, dengan izin, untuk dibuat demikian. Jika hasil daripada siasatan tidak mencukupi atau tidak boleh diterima, *inadmissible* dengan izin, atau tidak menunjukkan adanya kesalahan, *does not disclosed any offence* dengan izin, maka siasatan itu tidak akan berakhir dengan pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan mengenai kewajipan untuk melaporkan transaksi rasuah di Fasal 25 rang undang-undang yang mungkin menakutkan masyarakat sekiranya maklumat yang diberikan palsu. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Fasal 27 rang undang-undang dikhususkan kepada mana-mana orang yang membuat pernyataan yang palsu atau dimaksudkan untuk mengelirukan kepada pegawai suruhanjaya atau Pendakwa Raya dan bukannya kepada pengadu yang membuat aduan tanpa niat buruk dan secara suci hati. Akan tetapi, sekiranya jelas dapat dibuktikan niat pengadu itu adalah untuk memfitnah, jadi kita, fitnah kita tidak boleh terima langsung. Kalau niat pengadu adalah untuk memfitnah dan mengaibkan individu-individu tertentu apatah lagi terhadap mereka yang berkedudukan atau yang memegang jawatan tinggi, ini kita tidak boleh benarkan ia berlaku.

Atas dasar itulah diwujudkan hukuman bagi kesalahan di bawah Fasal 27 ini supaya dapat memberi isyarat yang jelas bahawa fitnah. Kita sebut fitnah itu amat besar kesannya dan kita tidak akan membenarkan. Cuma untuk Yang Berhormat, saya yakinkan kalau sekiranya kita buat aduan kemudian aduan itu dibuat secara ikhlas dan suci hati tetapi tidak mencukupi, kita tidak akan mendakwa dia. Kita tidak akan dakwa. Saya hendak beritahu itu sebenarnya sehingga pada hari ini pun, mereka yang kita ambil tindakan berkenaan dengan fitnah ini tidak banyak kes. Tidak banyak kerana benar-benar suruhanjaya sebelum ini, Badan Pencegah Rasuah mesti pastikan ada elemen fitnah barulah kita ambil tindakan. Kalau tidak, kita tidak akan ambil tindakan kerana seperti Yang Berhormat tahu, isi kandungan surat layang pun kita buat penyiasatan. Bermakna begitu sekali kita hendak lawan rasuah ini. Akan tetapi kita tidak mahu ruang isi kandungan yang dibuat oleh surat layang ini disalah guna. Itu kita tidak mahu.

Akan tetapi kalau orang buat surat layang itu kita dapat kesannya dan kita tahu bahawa dia memfitnah, kita akan cari dia. Yang Berhormat jangan bimbang, yang kita nak kena ini ialah orang yang fitnah ini, yang saya percaya Yang Berhormat juga sudah tentu tidak bersetuju seseorang itu membuat fitnah ini berkenaan dengan kes rasuah terhadap individu-individu tertentu.

Yang Berhormat Senator Mumtaz Nawī membangkitkan Fasal 7(c) rang undang-undang mengenai kewajipan pegawai suruhanjaya untuk meneliti amalan sistem prosedur kerja badan awam yang membuka peluang dan ruang perlakuan jenayah rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat suruhanjaya mempunyai bahagian pemeriksaan dan perundangan yang diwujudkan khusus bagi melaksanakan kewajipan di Fasal 7(c), 7(d) dan 7(e) rang undang-undang. Bahagian ini mempunyai fungsi yang sama dengan Corruption Prevention Department di ICAC di Hong Kong, bila sebut ICAC ni saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri, dia kata ICAC ini "*I Can Accept Cash*", tapi kita MCAC, "*Malaysians Cannot Accept Corruption*", itu berbeza sikit, jadi kita sama-sama banggakan MCAC ini, jangan pergi cerita kat orang pula. MCAC bermaksud, "*Malaysian Can Accept Cash*". Jangan, "*Malaysian Cannot Accept Corruption*". Jadi dengan cara itu kalau kita bercakap, saya percaya kita punya persepsi CPI kita naiklah.

#### ■1730

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, cuma sebagai panduan, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri bercadang berapa lama lagi untuk habiskan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya ada lagi satu muka surat sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau begitu saya boleh *extend* lima belas minit lagi. Kita habiskan rang undang-undang ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya habiskan. Esok kita pergi ke pelantikan hakim pula, ya. Baik. Yang Berhormat Senator. Laju sikit ya.

Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie telah membangkit. Minta maaf kalau silap sebut nama ini. Heng Seai Kie. Seai Kie..., Heng Seai Kie?...

**Puan Heng Seai Kie:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Kie? Heng Seai Kie telah membangkitkan berhubung dengan sejauh mana penglibatan Malaysia dan *United Nations Convention Against Corruption* atau UNCAC.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah pun meratifikasi UNCAC pada 17 September 2008 yang lepas sebagai memenuhi obligasi UNCAC untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan penyogokan pegawai awam asing, mengadakan Akta Pelindungan Saksi dan beberapa obligasi-obligasi lain berbanding dengan beberapa negara lain yang telah meratifikasi konvensyen tersebut tanpa memenuhi obligasi tersebut terlebih dahulu. Ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen kerajaan dalam usaha untuk membanteras gejala rasuah. Tinggal satu lagi sahaja syarat iaitu kita belum lagi adakan Akta Perlindungan Saksi yang kita harap akan dapat dibentangkan pada sesi yang akan datang, pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin membangkitkan sama ada tindakan boleh diambil ke atas pesalah-pesalah rasuah yang lepas. Yang Berhormat bangkitkan Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan melarang seseorang itu dihukum kerana perbuatannya boleh dihukum menurut undang-undang pada masa perbuatan itu dilakukan. Dengan izin, *not punishable by law when it was done*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan itu menetapkan larangan menghukum seseorang kerana perbuatannya tidak menjadi kesalahan di bawah undang-undang pada masa perbuatan itu dilakukan.

Jika perbuatan itu telah menjadi kesalahan di bawah suatu undang-undang semasa ia dilakukan, maka tindakan boleh diambil walaupun perbuatan salah itu dilakukan beberapa tahun dahulu. Kesalahan jenayah seperti rasuah tidak mempunyai *time barrier*. Dia tidak ada *limitation period*. Maksudnya yang berlaku sepuluh atau dua puluh tahun dahulu boleh diungkit balik. Dia tidak ada *limitation*.

Tindakan masih boleh diambil walaupun kes tersebut telah berlaku bertahun-tahun yang lalu. Sekiranya kes dibicarakan, pesalah akan dituduh mengikut akta yang lama. Yang lama. Namun begitu, tatacara pengendalian proses siasatan akan dilaksanakan mengikut rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja. Saya ucapkan terima kasih. Yang mana tidak jawab, seperti yang saya sebutkan tadi, sila berjumpa dengan saya dan saya akan berikan jawapan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 74** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 10 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.***